

Jilid IV
Bil. 1



Hari Selasa
9hb Mac, 1982

PENYATA RASMI PARLIMEN PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 21]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 42]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 43]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 45]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 108]

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 109]

Ucapan Terima Kasih kepada bawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 110]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

**Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (Dr) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.,
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).**

,, **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

,, **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

,, **Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

,, **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

,, **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).**

,, **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).**

,, **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).**

,, **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

,, **Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).**

,, **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).**

,, **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).**

,, **Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).**

,, **Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ,, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ,, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ,, Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHAYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ,, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru)
- ,, Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ,, Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- ,, Timbalan Menteri Pelajaran , DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ,, Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ,, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ,, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- ,, Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD. A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).

- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri,
TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. S.M.J.
(Pagoh).
- ,, TUAN ABAB BIN MENGIMBAL *alias* George Abbah (Bandau).
- ,, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ,, TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ,, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim—Bandar Bahru).
- ,, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ,, TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD Pasir Mas).
- ,, TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K.
(Jelebu).
- ,, DATUK ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N.
(Tanjong Karang).
- ,, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ,, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K.
(Kota Setar).
- ,, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ,, TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.
(Labuk Sugut).
- ,, DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ,, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- ,, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ,, TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- ,, TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ,, TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ,, DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ,, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ,, TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ,, TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ,, TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ,, TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ,, TUAN V. DAVID (Damansara).
- ,, TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.
(Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.
(Ulu Pedas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan
Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau
Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMILUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).

Yang Berhormat **TUAN MOHAMED KHIR JOHARI** (Kuala Muda).

- ,, **TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K.** (Kota Belud).
- ,, **TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECCK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M.** (Hilir Padas).
- ,, **TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF** (Kuantan).
- ,, **TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P.** (Parit).
- ,, **TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M.** (Setapak).
- ,, **TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD** (Baling).
- ,, **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K.** (Bachok).
- ,, **TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD** (Sri Gading).
- ,, **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG** (Lubok Antu).
- ,, **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.** (Pengkalan Chepa).
- ,, **DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N.** (Kuala Nerus).
- ,, **DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P.** (Tuaran).
- ,, **TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P.** (Alor Setar).
- ,, **TUAN PATRICK ANEK UREN** (Mas Gading).
- ,, **TUAN P. PATTO** (Menglembu).
- ,, **TUAN RACHA UMONG, P.B.S.** (Bukit Mas).
- ,, **DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P.** (Bagan Serai).
- ,, **DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P.** (Silam).
- ,, **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K.** (Kuala Kedah).
- ,, **TUAN SEOW HUN KHIM** (Bukit Mertajam).
- ,, **TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M.** (Kangar).
- ,, **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.** (Balik Pulau).
- ,, **TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG** (Ulu Rajang).
- ,, **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P.** (Padang Terap).
- ,, **TUAN THOMAS SALANG SIDEN** (Julau).
- ,, **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K.** (Arau).
- ,, **TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG** (Lambir).
- ,, **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P.** (Raub).
- ,, **DR TAN TIONG HONG** (Kepong).

Yang Berhormat **TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.**
(Tumpat).

- ,, **TUAN TING CHEK MING (Bruas).**
- ,, **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- ,, **TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).**
- ,, **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- ,, **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- ,, **TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).**
- ,, **DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).**
- ,, **TUAN YONG CHOONG FU, J.P. (Kinta).**
- ,, **PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).**
- ,, **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).**
- ,, **DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).**
- ,, **TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.
Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.
Penyunting: P. B. Menon
Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 9hb Mac, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PEMASYHURAN YANG
DI-PERTUA**

**TITAH UCAPAN D.Y.M.M.
SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam 8hb Mac, 1982 Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan di-Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Penyata rasmi Parlimen.

Bismillahir-rahmanir-rahim

Segala puji kepada Allah Subhanahu wa ta'ala, selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam dan sahabat-sahabat serta keluarganya.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat:

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala yang telah melimpahkan rahmatNya bagi Beta melafazkan Titah Ucapan sempena Ucapan Perasmian Penggal Keempat Parlimen Kelima pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tahun ini kita menyambut suku-abad yang pertama sebagai negara yang merdeka dan berdaulat. Dalam suku-abad ini, memanglah kita tidak mencapai kejayaan sepenuhnya. Memanglah ada kesilapan, tetapi tiada siapa dapat menafikan bahawa ada banyak yang boleh kita banggakan, yang patut kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala. Dari perjuangan merebut kemerdekaan hingga usaha mengisi dan memberi erti kepada kemerdekaan itu; dari menjamin terhapusnya kemiskinan bagi semua kaum kepada pelancaran rancangan menyeluruh bagi menyusun-semula masyarakat kita untuk mencapai perpaduan; kita mesti melangkah ke suku-abad kedua dengan hasrat dan harapan yang tidak kurang tingginya daripada hasrat dan harapan yang mendorong pemimpin-pemimpin kita dahulu ketika berjuang untuk mencapai kemerdekaan negara ini.

Sebahagian dari hasrat dan harapan itu ialah untuk mengambil tempat kita dalam masyarakat dunia; duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju; bertindak tegas mempertahankan hak-hak dan maruah kita dalam hubungan antarabangsa. Kita mesti lebih berdikari dan lebih produktif. Kita mesti bergerak cergas maju ke hadapan bukan sahaja dari segi kebendaan tetapi juga dari segi rohaniah; bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi dalam semua bidang kehidupan.

Hasrat dan harapan kita bagi masa hadapan tidak mungkin tercapai jika kita sebagai satu bangsa tidak berdisiplin, jika rakyat tidak mempunyai sikap dan nilai yang wajar terhadap kerja; jika kita mementingkan diri lebih daripada masyarakat; jika kita memikirkan apa yang kita boleh dapat, bukan apa yang kita

boleh sumbangkan; jika rakyat kurang azam, pentadbir kurang cekap, pemimpin kurang jujur dan jika kita berpecah-belah.

Biarlah Beta nyatakan seteges-tegasnya di sini, iaitu Kerajaan Beta berpegang kepada prinsip bahawa Kerajaan mestilah sedar dan berusaha memenuhi hasrat dan harapan rakyat dengan menganuti pentadbiran yang bersih, cekap dan licin. Kerajaan Beta berpegang kepada keyakinan bahawa Kerajaan bukanlah tuan, tetapi alat perkhidmatan kepada rakyat berasaskan demokrasi dan kedaulatan undang-undang.

Semakin majunya sesebuah negara itu, maka semakin bertambah masalah dan cabaran yang dihadapi. Ini adalah perkara biasa kerana kemajuan itu sendiri membuat rakyat lebih sedar tentang faedah-faedah dari kemajuan. Dalam usaha mencapai kemajuan yang lebih bermakna, kerajinan dan ketekunan adalah kunci kejayaan. Malahan ianya merupakan di antara sifat-sifat yang mulia di sisi agama. Bagi Islam, usaha itu ialah sebahagian daripada ibadat. Janganlah hendaknya kita merelakan tanah kita yang subur ini terbiar dan kebun menjadi belukar. Nikmat tidak akan datang tanpa usaha. Sifat rajin dan tekun hendaklah disertai dengan etika kerja yang baik serta perasaan bangga dengan apa jua usaha kita. Sifat-sifat dan sikap ini seharusnya menjadi cara hidup masyarakat Malaysia moden. Dengan itu, kita akan menjadi negara yang dipandang mulia oleh dunia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta tidak menggariskan perkara-perkara pokok yang perlu diberi perhatian berat oleh semua lapisan rakyat, jika kita hendak mencapai semua matlamat dasar Kerajaan Beta selaras dengan cita-cita yang terkandung dalam Rukunegara. Beta mempunyai harapan yang tinggi bahawa rakyat Beta akan menyahut seruan ini. Selaras dengan itu, Kerajaan Beta tidak akan lari dari tanggungjawab untuk memenuhi hasrat dan harapan rakyat. Walaupun kita telah menghadapi berbagai cabaran, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala kerana Kerajaan Beta telah berjaya membawa kemajuan yang pesat kepada

rakyat semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Kadar kemiskinan telah berkurangan, proses penyusunan semula hak milik dan guna tenaga telah berlaku dan mutu hidup rakyat telah bertambah baik. Dengan sokongan yang penuh dan usaha yang bersungguh-sungguh oleh rakyat, Kerajaan Beta akan meningkatkan lagi kadar pembangunan dalam semua bidang melalui pelaksanaan dasar, program dan projek untuk memastikan keselamatan dan keadilan sosial.

Keadaan ekonomi antarabangsa yang telah merosot kerana kemelesetan ekonomi negara-negara maju pada tahun lepas telah memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi negara kita. Namun demikian, syukur Alhamdulillah, negara kita telah mencapai kadar pertumbuhan yang memuaskan meskipun ekonomi kita masih bergantung kepada bahan-bahan utama. Pada tahun 1981, Keluaran Dalam Negara Kasar telah mencapai pertumbuhan yang menggalakkan berbanding dengan pertumbuhan negara-negara lain. Dalam tahun yang sama, permintaan dalam negeri telah meningkat dan menjadi teras kepada pertumbuhan ekonomi sejarar dengan dasar Kerajaan untuk menjamin supaya ekonomi negara kita terus berkembang. Di samping itu, usaha-usaha untuk membendung inflasi pada tahun lalu telah berjaya mencatatkan kadar yang rendah berhubungan dengan negara-negara lain.

Dalam usaha-usaha negara ini menuju ke arah matlamat yang dicita-citakan, kita janganlah leka dan berpuashati dengan kemewahan yang telah tercapai oleh negara. Seluruh masyarakat hendaklah lebih berhati-hati supaya dapat menggunakan segala sumber pengeluaran untuk mendapat faedah yang maksima. Satu perkara yang sangat menggalakkan ialah sambutan kaum Bumiputra terhadap Sekim Amanah Saham Nasional. Beta berharap supaya lebih ramai lagi Bumiputra akan melabur dalam sekim ini.

Dalam bidang pertanian dan pembangunan luar bandar, projek-projek bersepadu yang melibatkan bukan sahaja sektor pertanian tetapi juga sektor perindustrian dan sektor sosial serta

infrastruktur akan diusahakan. Kawasan-kawasan dusun, sawah dan ladang akan dikelompokkan untuk membolehkan pengurusan yang cekap.

Dari segi pelaksanaan sekim tanah dan pembangunan wilayah pula, rancangan mewujudkan bandar-bandar baru di kawasan-kawasan wilayah tertentu akan diperkemas dan dipesatkan lagi. Perhatian yang wajar akan terus ditumpukan untuk memusatkan kemajuan dalam sektor bahan-bahan utama.

Kerjasama di antara negara-negara pengeluar dan pengguna di peringkat antarabangsa akan terus dititikberatkan bagi menjamin kedudukan harga bahan-bahan utama ini. Usaha-usaha juga sedang dijalankan bagi membolehkan bahan-bahan utama yang lain seperti getah dan timah, di samping kelapa sawit, diniagakan di Bursa Komoditi Kuala Lumpur.

Penyelidikan adalah satu aspek penting bagi kemajuan yang berterusan dalam semua bidang. Beta yakin hasil daripada penyelidikan akan menambahkan lagi jenis dan mutu barang-barang keluaran kita. Dalam hubungan ini, Kerajaan Beta akan mempastikan supaya hasil-hasil penyelidikan akan dapat disalurkan untuk memberi faedah secara langsung kepada rakyat.

Kemajuan yang dicapai dalam sektor perkilangan pada tahun lepas adalah membanggakan. Di samping menggalakkan penubuhan perusahaan berat, perusahaan kejuruteraan, perusahaan sampingan dan perusahaan yang berasaskan pertanian dan sumber-sumber pertanian, Kerajaan Beta juga akan memberi keutamaan kepada perkembangan perusahaan kecil.

Segala kemajuan sains dan teknologi yang terbaru akan digunakan bagi mengatasi masalah pencemaran. Dalam hubungan ini, Kerajaan Beta berazam untuk mewujudkan dan menjadikan beberapa taman negara sebagai kawasan untuk memulihkan beberapa jenis tumbuhan dan hidupan liar, di samping mengekalkan kecantikan alam semula jadinya. Di kawasan-kawasan bandar pula, langkah-langkah untuk memperindah-kannya akan dipergiatkan.

Dalam bidang pembangunan infrastruktur pula, kita telah melangkah ke satu tahap yang penting dengan bermulanya projek Jambatan Pulau Pinang. Projek Lebuhraya Timur Barat dan beberapa projek jalan raya yang besar yang lain akan dibuka kepada lalu lintas pada tahun ini. Di bandar-bandar besar termasuk Bandaraya Kuala Lumpur, rangkaian jalan yang lebih teratur untuk menyenangkan perjalanan lalu lintas akan terus dilaksanakan.

Dalam usaha-usaha mengurangkan perbezaan taraf hidup di antara penduduk-penduduk di seluruh negara, Kerajaan Beta akan mempergiatkan usaha untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas kepada penduduk-penduduk yang belum menikmati kemudahan-kemudahan itu. Kerajaan Beta akan terus mempergiatkan pelaksanaan rancangan perumahan awam kos rendah dengan melibatkan pemaju-pemaju swasta dan institusi-institusi kewangan. Selain daripada itu, penggunaan teknologi dan bahan-bahan binaan baru juga akan digalakkan. Sementara projek-projek bekalan air bersih dilaksanakan sepenuhnya di luar bandar, Kerajaan Beta akan mengadakan perigi-perigi pam dan tangki-tangki air dengan lebih teratur mengikut kesesuaian sesuatu kawasan. Di samping itu, bagi mempercepatkan pembangunan luar bandar pula, projek-projek bekalan elektrik, pembinaan jalan raya baru dan jambatan serta menaikkan taraf jalan-jalan akan terus dilaksanakan dengan giatnya.

Dalam melaksanakan dasar untuk mengurangkan penggantungan kepada minyak sebagai bahanapi, Kerajaan Beta telah mengambil tindakan untuk menyegerakan pelaksanaan projek stesyen-stesyen janaelektrik yang menggunakan arang batu, gas asli dan tenaga haidro.

Dalam bidang pengangkutan, adalah menjadi dasar Kerajaan Beta untuk mengadakan sistem pengangkutan yang cekap, lancar serta seimbang dengan proses pembangunan negara dan keperluan rakyat sama ada jalanraya, keretapi, laut atau udara.

Kerajaan Beta akan terus berusaha meningkatkan lagi keupayaan dan mutu

perkhidmatan telekom. Lebih banyak talian telefon akan disediakan dan perkhidmatan telex akan diperluaskan. Di samping menyediakan lebih banyak telefon awam, rangkaian telefon otomatik akan juga diperluaskan bagi keperluan penduduk luar bandar. Mengenai perkhidmatan pos pula, Kerajaan Beta juga akan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk meningkatkan kecekapan dan kemampuannya.

Ahli-ahli yang Berhormat, dalam bidang pelajaran, Kerajaan Beta akan terus memberi perhatian yang berat. Prestasi pendidikan agama Islam dan dakwah di sekolah-sekolah akan dipertingkatkan melalui pelaksanaan sukan pelajaran agama Islam baru bagi sekolah rendah dan penyusunan semula sukan pelajaran agama Islam bagi sekolah menengah. Langkah-langkah juga akan diambil bagi membina lebih banyak sekolah agama dan melengkapkan sekolah-sekolah menengah agama yang ada dengan kemudahan-kemudahan yang sewajarnya. Tumpuan kepada negara-negara Barat dalam pelajaran teknik dan profesional akan diimbangkan dengan tumpuan kepada negara-negara Timur. Kerajaan Beta telah pun membuat perhubungan dengan Kerajaan-kerajaan Jepun dan Republik Korea bagi menampung keperluan ini. Di samping itu, Pusat-pusat Bahasa akan diadakan untuk mencapai penguasaan bahasa-bahasa yang berkenaan.

Taraf kesihatan rakyat di negara ini telah bertambah baik. Kerajaan Beta akan terus bergiat lagi untuk meningkatkan taraf kesihatan ini dengan cara pencapaian liputan perkhidmatan yang sepenuhnya dan juga memperbaiki mutu perkhidmatan tersebut. Kerajaan Beta sedar bahawa pembinaan hospital adalah masih belum memuaskan. Untuk mengatasi masalah kelambatan pembinaan hospital-hospital, lebih-lebih lagi di peringkat daerah, Kerajaan Beta akan melaksanakan penggunaan Sistem Pelaksanaan Dipercepatkan (Accelerated Implementation System).

Sebagai sebuah negara yang mempunyai sebahagian besar penduduknya terdiri dari

belia, perhatian yang berat akan terus diberi kepada masalah-masalah belia. Rancangan-rancangan yang bertujuan mencegah belia daripada tercebur ke dalam kegiatan-kegiatan yang merosakkan masyarakat dan menyalur pemikiran dan tenaga mereka kepada pembangunan negara akan diteruskan dan diperluaskan.

Di samping itu, Kerajaan Beta akan menitikberatkan usaha mencegah kelakuan anti-sosial di kalangan segolongan masyarakat, dan bagi mereka yang sudah pun tercebur, usaha pemulihan akan dipertingkatkan lagi. Penyertaan dan penglibatan seluruh masyarakat sangatlah diperlukan. Bagi mengatasi masalah penagihan dadah yang sedang menjadi-jadi itu, Kerajaan Beta akan menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang lebih berkesan, bukan sahaja dari segi rawatan dan pemulihan bahkan juga dalam usaha mencegahnya, melalui pendidikan dan undang-undang yang ketat. Kajian yang teliti sedang dijalankan ke arah penubuhan sebuah agensi pusat bagi mengendalikan semua aspek menghadapi masalah penagihan dadah.

Beta bangga kerana akhir-akhir ini aktiviti-aktiviti sukan negara telah dapat memupuk semangat perpaduan dan kenegaraan di kalangan rakyat Beta. Kerajaan Beta akan mempergiatkan usaha-usaha untuk menampung keperluan rakyat dari segi sukan dan rekreasi. Perancangan yang teliti sedang giat dijalankan untuk meningkatkan lagi pencapaian sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beta Berkeyakinan penuh bahawa aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi bukan sahaja akan melahirkan satu masyarakat yang cergas bahkan juga memupuk sifat-sifat kejiranan dan semangat tanggungjawab dalam masyarakat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, hasrat dan harapan yang hendak kita capai melalui pelaksanaan dasar, program dan projek yang Beta nyatakan itu hanya dapat dipenuhi dalam keadaan negara yang bersatu padu, aman dan stabil. Untuk itu kita haruslah berusaha membendung kegiatan-kegiatan yang boleh menjaskan

keadaan perpaduan, ketenteraman dan keselamatan negara. Sayugia diingatkan bahawa ancaman kepada keselamatan negara datang dalam berbagai bentuk. Selain dari ancaman komunis, ancaman dari puak pelampau perkauman dan agama adalah ancaman yang boleh menggugat keselamatan negara.

Dalam keadaan masyarakat majmuk kita, Beta suka menasihatkan supaya perkara-pekerja sensitif yang menyentuh perasaan sesuatu kaum atau kumpulan agama tidak dieksploritasikan untuk kepentingan tertentu. Perlembagaan negara kita menjamin kebebasan beragama. Beberapa peristiwa pahit yang telah pernah dialami oleh negara akibat dari perbuatan dan kegiatan yang mengapai-apikan isu-isu sensitif ini hendaklah dijadikan pengajaran.

Kerajaan Beta mempercayai pendekatan dalam menghadapi masalah keselamatan bukan semata-mata melalui pembesaran Pasukan Keselamatan sahaja. Keselamatan dan pembangunan adalah dua perkara yang berkait rapat. Demi kesejahteraan rakyat, usaha-usaha pembangunan yang pesat dijalankan akan dengan sendirinya mengukuhkan ketahanan negara dari ancaman musuh.

Islam merupakan benteng pertahanan yang kukuh dari segi menentang semua anasir yang mengancam kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Islam akan lebih kukuh sekiranya umat Islam terus bersatu dan mencapai kemajuan. Kegiatan-kegiatan yang bercorak memecah-belahkan perpaduan ummah akan hanya melemahkan kekuatan Islam dan menghancurkan benteng pertahanan negara.

Beta bersuru supaya kegiatan-kegiatan yang boleh memecah-belahkan perpaduan Islam hendaklah dihentikan. Lebih-lebih lagi bentuk-bentuk ajaran yang sama sekali bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar. Islam adalah agama yang sempurna memberikan pertimbangan serta perhatian kepada kesejahteraan di dunia dan akhirat. Ajaran Islam sebenarnya berkehendakkan penglibatan yang menyeluruh, meliputi semua aspek

penghidupan. Sesuai dengan sabda junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu'alaihi wasallam, "Berusahalah kamu seolah-olah akan hidup selamanya dan beramallah kamu seolah-olah akan mati esok hari", umat Islam di negara ini wajiblah memainkan peranan yang seimbang bersesuaian dengan seruan junjungan besar kita itu.

Dalam Islam, setiap usaha baik yang dilakukan adalah sebahagian dari amal saleh yang juga menjadi ibadat seseorang kepada Allah Subhanahu wa ta'ala. Ianya meliputi aspek-aspek pentadbiran negara, usaha-usaha pembangunan yang dijalankan, langkah-langkah mewujudkan keamanan negara serta penyertaan rakyat secara bersama dalam mendokong usaha-usaha tersebut. Rakyat janganlah terpengaruh dengan unsur-unsur yang boleh melemahkan kekuatan Islam yang akan membawa kepada kelemahan ummah yang merugikan dalam jangka masa panjangnya.

Kerajaan Beta sentiasa memberi perhatian yang berat kepada keselamatan dan pertahanan negara. Beta bersyukur kerana sepanjang tahun lepas keadaan keselamatan dalam negeri kita terus bertambah baik. Keamanan dan ketenteraman yang wujud sekarang ini adalah hasil daripada kegiatan Pasukan Keselamatan yang gigih dalam menentang muruh-musuh negara dengan kerjasama rakyat seluruhnya. Kerajaan Beta sedang mengambil langkah-langkah segera untuk meningkatkan kecekapan dan keupayaan Pasukan Keselamatan kita. Beta yakin matlamat ini akan dapat dicapai melalui kewaspadaan, kerjasama perpaduan dan penyertaan seluruh rakyat.

Dasar luar negara merupakan benteng pertahanan hadapan negara. Kerajaan Beta akan terus mempertingkatkan prestasi hubungan luar dengan memberi perhatian utama kepada peranan Malaysia untuk mewujudkan keamanan, keselamatan dan kerjasama serantau di Asia Tenggara dan juga kepada usaha-usaha untuk mewujudkan keamanan dan kesefahaman antarabangsa.

Kerajaan Beta akan terus memainkan peranan yang aktif untuk mencari penyelesaian politik yang komprehensif mengenai masalah Kampuchea demi menjamin keamanan dan keselamatan serta kestabilan di rantau ini.

Dalam konteks kerjasama di kalangan negara-negara Islam, Kerajaan Beta akan memainkan peranan yang seluas-luasnya. Sebagai anggota Jawatankuasa Sahel untuk membantu penduduk-penduduk di pinggir Sahara, Kerajaan Beta telah berunding dengan Kerajaan Mali untuk membekalkan beras. Berkennaan dengan konsep bantu-membantu antara negara-negara "Selatan" atau negara-negara sedang membangun tumpuan akan diberi kepada kerjasama dengan negara-negara di Pasifik Selatan. Walaupun Kerajaan Beta akan menitikberatkan hubungan dua-hala, peranan Malaysia dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa akan diberi perhatian yang saksama.

Pentadbiran yang bersih, cekap dan licin adalah menjadi matlamat kita. Anggota-anggota Kerajaan hendaklah menganggap perkhidmatan Kerajaan sebagai satu peluang keemasan untuk perkhidmatan kepada negara dan bukan untuk kepentingan diri semata-mata. Untuk mempertingkatkan kecekapan pentadbiran, Kerajaan Beta sentiasa mengadakan peluang-peluang bagi anggota-anggota Kerajaan memperolehi kemahiran dan kepakaran melalui latihan dalam berbagai-bagai bidang. Walaupun demikian, kemahiran dan pengetahuan pula akan hanya membawa makna apabila digunakan dengan bijaksana selari dengan nilai hidup, sikap dan keperibadian yang murni yang mengutamakan kejujuran, pengorbanan dan disiplin.

Kekurangan kakitangan yang mahir sama ada di sektor awam atau sektor swasta akan menjelas kadar pembangunan negara. Kerana itulah perancangan tenaga manusia untuk menyesuaikan kelayakan dan kemahiran dengan keperluan kerja pada masa ini sangat mustahak. Kerajaan Beta sedang mengambil langkah tertentu untuk mewujudkan tenaga mahir yang diperlukan untuk beberapa tahun akan

datang. Pihak swasta juga perlu berbuat demikian kerana ia tidaklah boleh terus menerus bergantung kepada Kerajaan untuk melatih pegawai-pegawai mahir yang diperlukan. Tenaga yang mahir di pihak Kerajaan dan swasta itulah jaminan kemajuan negara di masa akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta percaya di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad. Perdana Menteri Beta yang dikasihi, negara kita Malaysia akan dapat dibangunkan secepat mungkin sebagai sebuah negara yang gagah dan dapat dibanggakan. Untuk mencapai hasrat dan harapan ini, penglibatan rakyat secara langsung di semua peringkat adalah penting. Lanya meliputi bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, malah para pentadbir, para pekerja, kaum tani, golongan profesional, pihak swasta dan orang-orang perseorangan yang cinta dan kasihkan Malaysia. Hanya melalui penyatuan dan gabungan tenaga serta fikiran inilah akan tegaknya sebuah negara Malaysia yang teguh dan dihormati dunia. Semoga Allah Subhanahu wa ta'ala merestui dan memakbulkan hasrat dan harapan ini.

Pada ketika negara terus bergerak di bawah pimpinan baru, Beta juga tidak lupa mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tun Hussein Onn yang dikasihi kerana jasa baktinya yang gemilang kepada negara, bangsa dan agama. Sifat-sifat peribadinya yang terpuji dan sikapnya yang tidak mementingkan diri meletakkan beliau di kalangan negarawan-negarawan yang ulung.

Beta juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh rakyat Beta yang turut memberi sumbangan dalam bidang masing-masing kepada kemajuan negara. Beta juga mengucapkan terima kasih kepada anggota-anggota Kerajaan Beta kerana perkhidmatan mereka terutama sekali anggota-anggota Pasukan Keselamatan kerana telah rela berkorban untuk mewujudkan keamanan dan menjamin keselamatan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, akhir kata, Beta berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala semoga dianugerahkan taufik dan hidayah kepada ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

The English Translation is as follows:

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe and may the Blessings and Peace of Allah be upon our Prophet Muhammad, His companions and His Family.

Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Honourable Members of Dewan Rakyat:

I thank Almighty Allah for His blessings to enable me to deliver this speech today in conjunction with the Official Opening of the Fourth Session of the Fifth Parliament.

Honourable Members, this year we complete our first quarter-century as an independent and sovereign nation. During this period, we may not have been totally successful in all our endeavours. Mistakes may have been made but no one can deny that there is much that we can be proud of, and for which we should be grateful to Almighty Allah. From our struggle for independence to our endeavours in giving meaning to that independence; from our efforts to eradicate poverty amongst all races to the development of a comprehensive plan to restructure our society for the purpose of national unity; we must now move ahead into the second quarter-century, imbued with a will and determination no less than that which motivated our previous leaders in the struggle for independence.

Amongst our hopes and aspirations is to gain a place in the world community; to stand on equal footing with developed nations, and to defend our rights and honour in international relations. We must be more self-reliant and productive. We must progress both materially and spiritually; not only in the economic field but in all aspects of life.

Our hopes and aspirations for the future may not be fulfilled if we, as a nation, are not disciplined; if the people do not possess the right values and attitude towards work; if we think more of ourselves rather than of society; if we consider what we can gain rather than what we can contribute; if our people lack determination, if our administrators are inefficient, our leaders dishonest and if we are disunited.

Let me emphasize here that my Government upholds the principle that a government must be aware of and must strive to fulfil the hopes and aspirations of its people through a clean, competent and efficient administration. My Government believes that a government is not the master, but an administrative tool to serve the people, based on the principle of democracy and the rule of law.

As a union progresses, it faces increasing problems and challenges. This is to be expected as progress itself makes the people more aware of the benefits to be reaped from development. Hardwork and diligence is the key to success in order to achieve a more meaningful development. Moreover, these are noble qualities as expounded in religion. In Islam, these qualities are a part of "ibadah". As such, we should not leave our fertile soil untilled and our farms in disuse. Prosperity comes only with hard work. Hardwork and diligence go hand in hand with good work ethics and a sense of pride of one's efforts. These attitudes and qualities should be the way of life of a modern Malaysian society. Only then, can we, as a nation, be respected by the world.

Honourable Members, I have outlined the main issues that warrant serious attention by all the people, if we are to achieve all the goals of my Government, in the spirit of the Rukunegara. I have great hopes that my people will respond to this call. My Government in turn will not shun from its responsibility to fulfil the hopes and aspirations of the people. Even though we have faced innumerable challenges, I am grateful to Almighty Allah that my Government has been successful in bringing rapid progress to the people with

the launching of the New Economic Policy. Consequently, our poverty rate has declined, the quality of life has improved and the restructuring of ownership and manpower is being achieved. With the full cooperation and dedication of the people, my Government will hasten the tempo of development in all fields through the implementation of policies, programmes and projects which will ensure security and social justice.

The deterioration in international economic situation during the past year as a result of a recession in the developed countries has had an impact on the economic growth of our country. Nevertheless, praise be to Almighty Allah, our country has achieved a satisfactory rate of growth even though our economy remains dependent on primary commodities. In 1981, the growth of our Gross National Product was encouraging compared with that of other countries. In the same year, demand in the country has increased, thus providing the impetus for further economic growth, which is in line with my Government's policy to ensure a continuous expansion of the national economy. In addition, our efforts to contain inflation last year has been successful in comparison with other countries.

In our efforts to achieve our goals, we should not be complacent or contented with the progress achieved so far by the country. It is society itself which should ensure that maximum benefit is obtained in the utilisation of its resources. One good example of this is the response of the Bumiputra community to the National Unit Trust scheme. I hope that more Bumiputra will invest in this scheme.

In the field of agriculture and rural development, integrated projects will be implemented, not only in the agricultural sectors, but also in the industrial, sosial and infrastructure sectors. Efforts have been made to consolidate orchards, padi fields and smallholdings in order to ensure more efficient management.

In the field of land and regional development, programmes to create new townships in selected regional areas will be improved upon and intensified. Appropriate attention will be given to intensify development in the primary commodity sector.

Cooperation between producer and consumer countries at the international level will further be strengthened in order to guarantee the stability of prices for our primary commodities. Efforts are also being undertaken to enable other primary commodities such as rubber and tin, in addition to oil palm, to be traded at the Kuala Lumpur Commodity Exchange.

An important aspect of development is research. I am convinced that through research we can increase the variety and improve the quality of our products. In this respect, my Government will ensure that all research findings will have a direct benefit for our people.

Achievement in the manufacturing sector last year was encouraging. In addition to promoting the establishment of heavy industries, engineering industries, light industries agro-based and agro-resource industries, my Government will also give priority to the development of small-scale industries.

The latest development in science and technology will be applied to control pollution. My Government is determined to create and develop a number of national parks as sanctuaries for wild life and flora, and preserving their natural habitat. Measures will be intensified to beautify urban areas.

In the field of infrastructure development, we are on an important threshold with the construction of the Pulau Pinang bridge. The East-West Highway and other major trunk road projects will be opened to traffic this year. In major towns including Kuala Lumpur city, a more organized road network system will continue to be developed in order to ease traffic movement.

In our efforts to bridge the gap in the standard of living among the people throughout the country, my Government will intensify its efforts to provide basic amenities to those who do not as yet have these facilities. My Government will continue to expedite the implementation of low-cost housing which will require the participation of private developers and financial institutions. In addition, the use of new technology and construction materials will also be encouraged. In addition to treated water being supplied to rural areas, my Government will also provide tubed wells and water tanks to suitable areas in a more systematic manner. With regard to accelerating rural development, projects such as rural electrification, roads, bridges and the upgrading of existing roads will continue to be vigorously implemented.

In implementing the policy to reduce dependence on oil as a source of fuel, my Government has taken steps to accelerate the construction of power stations which use coal, natural gas and hydro-power.

In the field of transportation, it is the policy of my government to develop an efficient transport system be it by road, rail, sea and air, that is in tempo with the process of national development and which meets the needs of the people.

My Government will continue its efforts to improve the capacity and quality of telecommunication services. More telephone line will be provided and telex services will be expanded. In addition to the provision of more public telephones, automatic telephone connections will also be expanded to meet the needs of the rural people. In respect of postal services, my Government will take appropriate action to improve its capacity and efficiency.

Honourable Members, my Government will continue to accord serious attention to the field of education. The performance of Islamic religious teaching and "dakwah" in schools will be improved through the introduction of a new syllabus in Islamic religious education for primary schools and the revision of the syllabus for secondary

schools and to equip the existing secondary schools with adequate facilities. The present focus on Western countries for technical and professional education will be balanced with an equal emphasis on Eastern countries. My Government has communicated with the Governments of Japan and the Republic of Korea to achieve this objective. In addition, language centres will be established to enable the people to achieve proficiency in various languages.

The health situation of the country has improved. My Government will continue to uplift the health standard of the country be extending the coverage and upgrading the quality of the health service. My government is aware that the hospital construction programme has been less than satisfactory. To overcome this, especially at the district level, my Government will adopt the use of the Accelerated Implementation System.

As a country population comprise mainly of youths, serious attention will continue to be given to the problems of the youth. Programmes aimed at deterring youths from involving themselves in anti-social activities will be expanded thereby channelling their attention and effort towards national development.

Meanwhile, my Government will strengthen efforts to eradicate anti-social behaviour amongst groups and measures aimed at rehabilitation will be further strengthened. However, for this purpose the involvement of the whole society is vital. To overcome the ever-increasing problem of dadah addiction, my Government will not only provide for more effective treatment and rehabilitative facilities but will also institute preventive measures through education and more stringent laws. A comprehensive study with a view to the establishment of a central agency to deal with all aspects of dadah addiction is presently being done.

I am proud that lately sporting activities of the country has fostered a spirit of unity and national pride among my people. My Government will strengthen efforts to accommodate the needs of the people in

the field of sports and recreation. Detailed planning is being done to raise the standard of sports at national and international levels. I am fully convinced that sports and recreational activities will not only give rise to a more active society but will also promote the spirit of neighbourliness and responsibility in society.

Honourable Members, only in the context of a united, peaceful and stable society, and through the implementation of the policies, programmes and projects which I have earlier outlined, can our hopes and aspirations, be fulfilled. As such, we need to curtail those activities which can adversely affect unity, peace and national security. We must bear in mind that threats to national security take various forms. Besides the threat posed by the communist, threats from racial and religious extremists can also endanger national security.

In the context of our multiracial society, I would like to advise that sensitive issues which will hurt the feelings of a particular racial or religious group should not be exploited for vested interests. Although our Constitution guarantees religious freedom, the bitter incidences experienced by the country as a result of the exploitation of sensitive issues should be a lesson to us all.

My Government is convinced that the approach in overcoming security problems does not lie in the expansion of the Security Forces alone. Security and development are closely related. For the welfare of the people, the very effort of accelerating development will, by itself, strengthen national resilience.

Islam represents a strong force against all elements which threaten individual well-being and spiritual happiness. Islam will further be strengthened if all Muslims unite to achieve progress. Those activities which undermine the unity of the "ummah" will only serve to weaken the strength of Islam and destroy the nation's defence itself.

I appeal that all activities and teachings which deviate from the true teachings of Islam and which can cause disunity among Muslims, be stopped. As a

religion, Islam gives equal importance to material and spiritual well-beings. As a matter of fact, Islam requires the total involvement of the individual in all aspects of life. In accordance with the teachings of our Prophet Muhammad (May peace and blessings of Allah be upon him). "to strive hard as if one is going to live forever and to adhere to the teachings of Islam as if one is going to die tomorrow", all Muslims in this country should play their respective roles as those laid out in the Prophet's teaching.

In Islam, every good deed done forms part of the person's "ibadah". This includes all aspects of state administration, development efforts currently being undertaken, and includes those activities which lead to peace in the country and the people's participation towards these objectives. We should not be influenced by elements which, in the long run, will weaken the strength of Islam.

My Government places great importance on national security and defence. I am thankful that the security situation during the past year has improved. The existing peace and tranquility in the country is the result of the excellent work of the Security Forces with the cooperation of the people in combating the enemies of the nation. My Government is in the process of upgrading the efficiency and capability of our Security Forces. I am convinced that this can be achieved through the alertness, cooperation, unity and participation of the people.

Our foreign policy represents our country's first-line of defence. My Government will continue to give the highest priority to Malaysia's role in regional peace, security and cooperation in South East Asia as well as her efforts towards securing international peace and understanding.

My Government will continue to play an active role in the search for a comprehensive political solution to the Kampuchean problem and to guarantee peace, security and stability in this region.

At the same time, my Government will continue to play a greater role in achieving

cooperation amongst Islamic nations. As a member of the Sahel Committee, to aid the people on the fringes of the Sahara, my Government has negotiated with the Government of Mali and will supply her with rice. With regard to the concept of mutual assistance among the countries of the "South" or the developing countries, emphasis will be given towards cooperation with the nations of the South Pacific area. Although my Government will give emphasis on bilateral relations. Malaysia's role in international organisations will continue to be given due attention.

Our aim is to have a clean, competent and efficient administration. As such, all those in the Government should regard their service as a golden opportunity to serve the country rather than their own personal interest. In order to increase efficiency in administration, my Government has continually made available training opportunities to them to obtain skills and expertise in various fields. However, the acquisition of such skills and knowledge will be more meaningful if they are used with ingenuity, in line with good values, attitudes and personal character which calls for sincerity, sacrifice and discipline.

The shortage of skilled manpower, both in the public and private sectors can adversely affect the rate of development in the country. As such, human resources planning, with the aim of matching qualification and skills with work requirements is urgently required at the present moment. My Government is taking steps to increase the supply of skilled manpower for the future. The private sector too, has to adopt such an action as it can no longer continue to be dependent on the Government to train its own requirements for skilled manpower. It is skilled manpower in the Government and in the private sector which will guarantee the future development of the country.

Honourable Members, I believe that under the leadership of our beloved Prime Minister, Dato' Seri Dr Mahathir

Mohamad, our country, Malaysia, will progress as fast as possible to become a strong nation which we can be proud of. However, to achieve this objective, the direct participation of all Malaysians and at all levels is critical. This involves the participation of not only the Honourable Members in the House, but also administrators, workers, farmers, professional groups, the private sector and all individuals who love this country. Only by consolidating the physical and mental resources will we be able to forge a strong and respected nation. May Almighty Allah bless and fulfill these hopes and aspirations.

While the country is moving ahead under the new leadership, I take this opportunity to convey my deep gratitude to our beloved Tun Hussein Onn for his great contribution to the nation, the people and religion. His admirable personality and the commendable manner in which he has put the nation above his personal interest have placed him among the ranks of true and prominent statesmen.

I am also taking this opportunity to convey my sincere thanks to all my people, for their contributions in all fields of national development. I would also like to thank members of the public services especially those in the Security Forces for their sacrifice in order to maintain peace and national security.

Honourable Members, finally, I pray to Almighty Allah, for His blessings and guidance for all Members of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in discharging the duties and responsibilities entrusted upon them.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga suka hendak memaklumkan iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1982;

2. Akta Waktu Standard Malaysia 1981;
3. Akta Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) 1981;
4. Akta Kewangan 1982;
5. Akta Galakan Pelaburan (Pindaan) 1982;
6. Akta Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) 1982;
7. Akta Bank Negara Malaysia dan Bank (Pindaan) 1982;
8. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1982;
9. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1982;
10. Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1982;
11. Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 1982;
12. Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1982;
13. Akta Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) 1982;
14. Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1982; dan
15. Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dua perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Penggal yang lalu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan-perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“23hb Disember, 1981.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujukan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1982;

2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981);
3. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2);
4. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia dan Bank (Pindaan); dan
5. Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2).

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

“18hb Januari, 1982.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,
Dewan Negara telah mempersetujukan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan);
2. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
5. Rang Undang-undang (Perancangan) Wilayah Persekutuan;
6. Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan); dan
9. Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan).

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

MENABUR FITNAH ATAS USAHA KERAJAAN

1. Tuan Haji Hashim bin Haji Razali meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar ada terdapat golongan masyarakat Islam di negara ini yang sedang giat menabur fitnah terhadap segala usaha Kerajaan untuk memajukan rakyat dan pembangunan negara. Jika sedar, apakah tindakan beliau bagi menghapuskan kegiatan terhadap fitnah tersebut.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar tentang adanya segolongan orang-orang Islam yang giat menabur fitnah terhadap usaha-usaha murni Kerajaan untuk membangunkan negara dan memajukan rakyat. Perbuatan ini adalah suatu perbuatan yang kotor dan jijik di sisi Agama Islam yang suci itu. Perbuatan mereka itu memesongkan rakyat daripada menikmati faedah-faedah daripada usaha-usaha Kerajaan yang sentiasa bertujuan memajukan kehidupan mereka seperti dikehendaki oleh agama Islam. Mereka ini sengaja tidak suka melihat rakyat maju. Mereka mahukan rakyat terus menderita supaya dari penderitaan ini mereka dapat memancing sesuatu bagi diri mereka. Perbuatan menabur fitnah ini, sekiranya tidak diawasi dan dikawal, boleh menimbulkan kesan-kesan yang boleh mengancamkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Sungguhpun prinsip-prinsip demokrasi yang diamalkan di negara ini menjaminkan kebebasan bercakap dan mengeluarkan pendapat, tetapi kebebasan ini ada batas-batasnya seperti mana yang diperuntukkan dalam undang-undang yang ada.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak tertentu atau pihak berkenaan mengatakan PAS menentang pembangunan dan menghasut rakyat jelata supaya jangan menerima pembangunan itu termasuk di dalam takrif "menaburkan fitnah"?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingat saya sebut PAS langsung dalam jawapan saya di sini.

Saya rasa barangkali Ahli Yang Berhormat itu terasa pedas bila makan cili (*Tepuk*).

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sudah tidak tahan lagi dengan kritik-kritik sehingga setiap kritik terhadap apa-apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan mengenai pembangunan sudah ditakrifkan dan diertikan fitnah untuk menghalang masyarakat Islam dan rakyat seluruhnya dari menikmati pembangunan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sanggup menerima kritik daripada mana-mana pihak selama-lamanya tetapi yang menjadi masalah bukan Kerajaan, usaha fitnah ini telah dapat menyelewengkan fahaman rakyat yang berugama Islam terutamanya sehingga ada daripada mereka yang sekarang ini sembahyang di dalam masjid yang menggunakan simbol parti politik tempat mereka menyembah.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Amat Berhormat sedia maklum bahawa fitnah itu lebih bahaya daripada komunis. Jika Kerajaan kita berhabis-habisan menentang pergerakan komunis, apakah setakat ini Kerajaan telah mengambil tindakan berhabis-habisan untuk menentang orang-orang yang melakukan fitnah?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bezanya antara komunis dengan orang yang berfitnah ini ialah komunis ini agak pandai sedikit, orang yang berfitnah ini agak bodoh sedikit (*Ketawa*) kerana mereka tidak faham tentang kesan fitnah mereka terhadap iman dan akidah orang-orang Islam.

MEMOTONG GAJI MENTERI/ TIMBALAN MENTERI/ SETIAUSAHA PARLIMEN

2. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah perkembangan cadangan beliau untuk memotong gaji, elauan dan lain-lain faedah dan kemudahan yang diperolehi oleh

Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen setakat ini dan bilakah cadangan tersebut akan dilaksanakan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang teliti cadangan saya itu. Saya memerlukan sedikit masa lagi kerana sekiranya hendak dibuat apa-apa potongan ianya hendaklah menasabah dan tidak mengganggu para Anggota Pentadbiran yang sentiasa bekerja keras untuk rakyat dan negara.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedikit masa ini, ini adakah maknanya selepas pilihanraya umum ataupun sebelum?

Tuan Yang di-Pertua: Pilihanraya bila pula?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Itulah tanya—agak-agak!

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sedikit masa bermakna sedikit masalah. Tetapi sedikit dengan banyak ini atas tafsiran Ahli Yang Berhormat.

PERUNTUKAN KHAS BAGI KAWASAN-KAWASAN PARLIMEN

3. **Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali** minta Perdana Menteri menyatakan apakah benar kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Penerangan ketika merasmikan kursus di Seberang Prai bahawa kawasan Parlimen yang diwakili oleh Pembangkang tidak diberi peruntukan di bawah nama peruntukan Parlimen. Jika ya, di mana duduknya amalan demokrasi dan slogan BN di dalam pilihanraya iaitu “Undilah BN untuk perpaduan, keadilan dan kemakmuran”.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan ada meluluskan peruntukan di bawah Peruntukan B. 4100 bagi kawasan-kawasan Parlimen yang diwakili oleh Pembangkang mengikut keperluannya dan setelah diberi penelitian yang sewajarnya. Antara kawasan-kawasan Pembangkang yang telah diberi peruntukan tersebut pada tahun 1981 misalnya ialah Batu Gajah \$100,000,

Seremban \$100,000, Menglembu \$100,000, Pengkalan Chepa \$100,000, Bachok \$200,000 dan Baling \$200,000. Bagi kawasan Ahli Yang Berhormat sendiri iaitu Permatang Pauh sebanyak 99 buah projek pembangunan yang bernilai \$142,215 telah diluluskan di bawah peruntukan tersebut untuk faedah seluruh rakyat di kawasan tersebut.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak dengar pun kawasan Kota Setar dan soalan tambahan saya begini. Adakah sekiranya jikalau saya selaku Yang Berhormat kawasan Kota Setar menceritakan kepada rakyat jelata bahawa kami sebagai ahli Pembangkang tidak pun diberi peruntukan kepada kami sebanyak \$200,000 untuk membuat sedikit sebanyak projek kecil di kawasan kami itu masuk dalam takrif fitnah ataupun menabur fitnah?

Tuan Yang di-Pertua: Itu di luar daripada soalan asal. Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock.

PERLAKSANAAN SYSTEM 3M

4. **Tuan Chan Kok Kit** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Presiden MCA Datuk Lee San Choon telah menyatakan bahawa perlaksanaan sistem 3M di dalam sekolah rendah Cina adalah satu penghinaan bukan sahaja kepada beliau tetapi juga kepada Perdana Menteri. Jika sedar adakah Kerajaan akan menarik balik sistem 3M dari sekolah rendah Cina dan mengambil tindakan disiplin yang tegas kepada mereka yang bertanggungjawab bagi memperkenalkan dan melaksanakan sistem tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan ini terdapat sebanyak 36 soalan yang menyentuh sistem 3M. Saya ingin memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab semua soalan-soalan itu sekaligus pada hari ini dengan harapan supaya pihak yang khuatir dan bimbang dengan sistem ini dapat ditenangkan dan mereka yang mencari isu untuk kepentingan lain tidak lagi boleh berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebaik-baiknya. Sila!

Perdana Menteri: Terima kasih. Perkara pertama yang ingin saya sentuh ialah mengenai asas penggubalan Kurikulum 3M itu sendiri. Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang meragui sama ada Kurikulum 3M ini digubal dengan persetujuan Menteri Pelajaran dan Timbalan-timbalannya atau dengan sesuka hati pegawai-pegawai Kementerian sahaja. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan bagi golongan-golongan masyarakat yang masih ragu itu, saya ingin menegaskan di sini bahawa Kurikulum 3M ini diasaskan kepada perakuan Jawatankuasa Kabinet yang ahli-ahlinya terdiri daripada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat mewakili parti-parti komponen dalam Barisan Nasional, dan telahpun diterima oleh Kerajaan. Antara perakuan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa tersebut dalam Laporannya yang diedarkan pada khalayak ramai pada akhir tahun 1979 ialah:

“Kementerian Pelajaran mengambil langkah tertentu supaya pendidikan di peringkat rendah bercorak pendidikan asas dengan memberi penegasan kepada pendidikan dalam bidang 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.”

Perancangan Kurikulum 3M ini telah dibuat dengan teliti, dan pendapat-pendapat dari semua pihak khasnya para pendidik, wakil persatuan guru, para profesional, ibu-bapa dan wakil-wakil dari semua golongan masyarakat telah diterima dan ditimbangkan semasa menggubal Kurikulum 3M ini. Juga sekatan-sekatan (constraints) dalam Dasar Pelajaran dan Perlembagaan negara diambilkira. Dari segi persediaan ikhtisas, pihak Kementerian Pelajaran telah menggunakan segala pengalaman yang ada berkaitan dengan perkembangan kurikulum bagi pendidikan peringkat rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kurikulum yang berjalan sekarang tidak memberi penekanan yang mencukupi kepada kemahiran membaca, menulis dan mengira. Dengan itu terdapat sebilangan murid yang telah tidak dapat menguasai ketiga-tiga kemahiran asas ini dengan baik. Kurikulum 3M sebaiknya memperuntukkan masa yang lebih untuk

membolehkan murid-murid menguasai kemahiran-kemahiran asas ini, dan penekanan kepada mata pelajaran Bahasa dan Matematik akan menentukan supaya murid-murid akan dapat kemahiran asas yang kukuh. Murid-murid juga diberi peluang untuk membentuk nilai dan sikap yang baik melalui mata pelajaran Agama Islam untuk murid-murid beragama Islam dan Pendidikan Moral untuk murid-murid yang bukan beragama Islam.

Untuk membolehkan kanak-kanak memahami alam sekelilingnya mata pelajaran Alam dan Kemanusiaan disediakan. Selain daripada itu untuk membantu mengembangkan minat dan bakat kanak-kanak, Kurikulum 3M juga mengandungi mata pelajaran-mata pelajaran Pendidikan Jasmani, Pendidikan Seni dan Muzik. Dari segi penegasan kepada pencapaian kemahiran asas dan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, Kurikulum 3M adalah lebih baik daripada Kurikulum yang sedang dilaksanakan sekarang di sekolah-sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang banyak dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat ialah soal sama ada Kurikulum 3M akan menukar ciri, ‘character’, corak atau keperibadian Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Sebenarnya saya kurang faham apakah yang dimaksudkan dengan istilah-istilah *ciri*, ‘character’, *corak* dan *keperibadian*, dalam soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Setahu saya sejajar dengan perakuan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet yang saya sebutkan tadi sistem persekolahan peringkat rendah yang ada sekarang yang menggunakan tiga bahasa pengantar akan diteruskan. Ini bermakna yang sekolah kebangsaan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, sementara Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Bukan sahaja mereka terus wujud, malahan masa untuk mempelajari bahasa-bahasa pengantar di sekolah-sekolah tersebut ditambah, melalui Kurikulum 3M ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan soal mengenai bahan-bahan yang digunakan oleh guru dan yang digunakan oleh murid-murid. Bahan-bahan untuk kegunaan guru seperti Sukatan Pelajaran, Buku Panduan Am, Buku Panduan Khas dan Buku Sumber disediakan dalam Bahasa Malaysia, kerana ini adalah amalan biasa di semua sekolah-sekolah dan tiada siapa pernah membantahnya atau menganggap amalan ini menukar corak atau ciri Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ataupun Tamil. Harus diingat bahawa khusus untuk 3M penggubalan bahan-bahan untuk guru dibuat dengan penyertaan guru-guru semua jenis sekolah termasuk guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

Mengenai bahan-bahan untuk kegunaan murid yang terdiri daripada kad-kad imbasan, kad-kad bacaan, buku teks, bahan-bahan bacaan, dan pita lagu-lagu untuk pelajaran Muzik, Moral dan Bahasa, semuanya disediakan dalam bahasa pengantar sekolah. Urusan persediaan bahan-bahan ini juga melibatkan guru-guru sekolah yang berkenaan iaitu, bahan untuk Sekolah Kebangsaan melibatkan guru-guru Sekolah Kebangsaan, bahan untuk murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) melibatkan guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan bahan untuk murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) melibatkan guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Dari lawatan dan tinjauan yang telah dibuat di sekolah-sekolah dalam bulan Januari dan Februari tahun ini, ternyata guru-guru dari semua jenis sekolah berupaya menggunakan bahan-bahan guru yang disediakan dalam Bahasa Malaysia. Ada terdapat guru-guru yang kurang menguasai Bahasa Malaysia kerana mereka telah menerima latihan dalam Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Untuk mereka ini langkah-langkah sedang diambil untuk membantu mereka. Kementerian Pelajaran juga tidak menghalang usaha-usaha oleh pihak-pihak lain untuk menterjemahkan bahan-bahan ini ke dalam Bahasa Cina ataupun Bahasa Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jadual penyediaan bahan, pada keseluruhannya bahan-bahan yang

disediakan oleh Kementerian Pelajaran, termasuk bahan-bahan untuk guru dan murid akan disiapkan dalam tahun sebelum tahun perlaksanaan; sebagai contoh, bahan untuk tahun 2 yang akan digunakan dalam tahun 1983 akan siap sebelum pertengahan tahun 1982 ini. Bahan-bahan bacaan kebanyakannya akan disediakan oleh penerbit swasta. Sebanyak 108 penerbit telah diberi penerangan yang jelas dengan sistem ini dan mereka telah menyatakan kesanggupan mereka untuk mengeluarkan bahan-bahan tersebut dalam semua bahasa.

Berkenaan dengan bahan untuk mata pelajaran Muzik pihak Kementerian Pelajaran mencadangkan 18 lagu dalam Bahasa Malaysia untuk diajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Lagu-lagu dalam Bahasa Malaysia ini adalah untuk membantu mengukuhkan penguasaan Bahasa Malaysia murid-murid ini, dan akan diajar apabila murid-murid telah mempelajari Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyatakan keraguan mereka mengenai kesediaan Kementerian Pelajaran melaksanakan sepenuhnya Kurikulum 3M ini mulai tahun 1983. Sukacita saya menyatakan bahawa untuk menjaminkan sistem baru ini berjalan dengan licin, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telahpun menubuahkan sebuah Jawatankuasa Pelaksanaan untuk mengesan perlaksanaan terhad yang berlangsung di 302 buah sekolah sekarang, serta merancang perlaksanaan sepenuhnya mulai tahun 1983. Hasil pengesanan yang dibuat oleh pegawai-pegawai di peringkat Kementerian dan juga di peringkat Negeri telah dan akan disampaikan kepada Jawatankuasa ini.

Antara masalah yang telah dapat dikesan setakat ini ialah berhubung dengan keupayaan guru, kekesaan bahan dan kesesakan bilik darjah. Langkah-langkah sewajarnya sedang diambil bagi mengatasi masalah-masalah ini.

Sebagai persediaan ke arah perlaksanaan sepenuhnya di Darjah I dalam tahun 1983 Kementerian Pelajaran akan memberi latihan kepada semua guru Darjah I, dan persediaan-persediaan untuk mengadakan bahan-bahan

untuk guru dan murid sedang giat dijalankan. Memandangkan langkah-langkah persediaan yang teliti yang telah diambil, saya tidak ragu-ragu yang Kurikulum 3M boleh dilaksanakan di semua sekolah mulai 1983 seperti yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa perlaksanaan sistem 3M adalah satu perubahan kurikulum yang tidak ada kena-mengena dengan Dasar Pelajaran Negara kita. Tidak ada niat dan tidak ada tindakan diambil untuk menghapuskan bahasa sesiapa. Tuduhan ini dibuat oleh pihak tertentu mungkin pada mulanya kerana tidak faham. Tetapi sekarang semua pihak sudah diberi maklumat yang cukup tentang sistem 3M. Saya sendiri telah menegaskan bahawa Kerajaan tidak berhajat untuk menghapuskan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang mengguna Bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa penghantar.

Malangnya masih ada pihak-pihak yang sengaja menyalah tafsir usaha baik Kerajaan. Kini mereka sekali lagi mengaitkan peruntukan dalam Akta Pelajaran berkenaan dengan kuasa yang membolehkan (enabling clause) Kerajaan menukar Sekolah Jenis Kebangsaan kepada Sekolah Kebangsaan. Perkara ini sudahpun dijelaskan dahulu dan rekod Kerajaan selama 25 tahun menunjukkan bahawa tidak ada niat Kerajaan untuk menyalahgunakan peruntukan itu. Kerajaan Malaysia ialah Kerajaan campuran dalam mana terdapat semua kaum. Kerajaan satu kaum tidak mungkin berkuasa di Malaysia melainkan kerjasama antara kaum yang terdapat sekarang ditamatkan.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa beberapa masalah perlaksanaan yang terdapat dalam percubaan Sistem 3M tahun ini memanglah dijangka. Kerana kita meramalkan masalah akan timbul, sebab itu kita mencuba dahulu. Sekarang kita dapat mengesahkan masalah-masalah dan saya yakin menjelang perlaksanaan sepenuhnya pada tahun 1983 hampir semua masalah akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah tegas dalam perkara ini dan kepentingan politik mana-mana pihak tidak akan dibenar

merosakkan nasib anak-anak kita yang sedang belajar dan keharmonian yang kita rancang dan usaha untuk negara kita Malaysia (*Tepuk*).

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebutkan tentang keseronokan beberapa pihak untuk menimbulkan perkara isu 3M hingga menimbulkan keresahan di kalangan rakyat.

Saya ingin bertanya kepada beliau apakah beliau sedar bahawa isu 3M ini adalah isu politik yang menyeronokkan dan yang kedua berapa parti politik setelah kita umumkan penjelasan-penjelasan yang kita buat masih menentang akan perlaksanaan 3M dan ketiga beliau berpuashati bahawa hurai terhadap isu 3M ini agak tidak jelas hingga boleh menyenangkan orang memesongkannya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya isu 3M ini bukan isu politik tetapi isu pelajaran. Yang menjadikannya isu politik ialah orang-orang tertentu yang sudah kehilangan modal. Setakat yang saya tahu penjelasan yang dibuat oleh pihak Kerajaan boleh difahami oleh kanak-kanak berumur 5 tahun ke atas. Kalau mereka masih tidak faham saya kurang pasti bagaimana lagi kita dapat memahamkan mereka itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi satu jaminan yang agak panjang untuk menyenangkan orang ramai tentang perlaksanaan Kurikulum 3M khasnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, tetapi adakah Perdana Menteri sedar bahawa masih terdapat banyak badan-badan pendidikan Cina dan Tamil ada menyuarakan rasa tidak puas hati mereka berkenaan hal ini dan sekiranya Yang Amat Berhormat sedar tentang hal ini, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu pungutan suara untuk menentukan berkenaan sama ada orang yang berkenaan berkehendakkan perlaksanaan 3M di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil?

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian daripada soalan tambahan itu tadi sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

tetapi tentang sama ada hendak diadakan suara atau tidak, itu saya jemput Yang Amat Berhormat menjawab.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa penjelasan saya ini dapat menyenangkan rakyat keseluruhannya. Tetapi apabila mereka berasa senang ada orang berasa tidak senang kerana tidak dapat mencari kesempatan. Sebab itu masih juga dibangkitkan soal hendak pungut suara dalam negara kita ini. Perkara ini tidak perlu kita pungut suara. Ahli Yang Berhormat itu tertarik sangat dengan pilihanraya yang akan datang, kita akan lihat siapa yang akan dipilih.

Tuan Chan Teck Chan: Saya mengucapkan terima kasih atas jaminan, penjelasan serta penegasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sanggup mengikis segala keraguan dan kebimbangan selama ini didapati dalam masyarakat Cina dan Tamil. Tetapi memandangkan sistem kurikulum 3M ini adalah merupakan satu sistem yang baharu, maka adakah Yang Amat Berhormat akan mempertimbangkan jika sekiranya ada beberapa kelemahan yang terdapat di dalam proses percubaan yang mana telah diutarakan oleh pihak-pihak yang tertentu kepada Jawatankuasa Perlaksanaan di bawah Kementerian Pelajaran. Adakah Yang Amat Berhormat akan memberikan satu jaminan bahawa semua rayuan dan kelemahan-kelemahan yang dilaporkan ini akan diberikan satu pertimbangan yang sewajarnya? Dan juga

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah itu soalan tambahannya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembetulan sedikit. Sistem 3M ini bukan sistem baharu bahkan dianya sistem buruk kerana dianya ialah sistem yang saya guna masa saya berada di sekolah dahulu. Tetapi oleh kerana ada orang yang membawa sistem moden kononnya menyebabkan budak-budak kita tidak dapat jumlah satu dengan dua jadi empat, maka kita terpaksa pulang kepada sistem yang buruk yang sekarang ini dipanggil oleh Ahli Yang Berhormat sebagai sistem yang baharu. Jadi tidak perlulah kita hendak menjelaskan banyak tentang sistem yang sebahagian besar

daripada kita menggunakan di waktu kita di bangku sekolah.

Berkenaan dengan rintahan dan lain-lain perkara yang dibangkitkan oleh pihak-pihak yang tertentu, Kementerian sedia menerima dan menimbangkannya tetapi tidak mungkinlah kita berjumpa dengan tiap-tiap seorang daripada mereka yang membuat teguran untuk membincang dengan mereka itu. Walaupun demikian, kita akan mengambil kira segala bantahan ataupun teguran yang dibuat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengulangi jaminan yang diberi oleh lain-lain tokoh bahawa bahasa pengantar untuk sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil di bawah sistem 3M tidak akan berubah tetapi adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa masalahnya ialah bukan bahasa pengantar, masalahnya ialah sama ada di bawah sistem 3M character pelajaran ibunda akan dikekalkan dan sebab itu sekurang-kurangnya ada 4 point dikemukakan oleh badan-badan, pertubuhan-pertubuhan yang mewakili badan-badan pelajaran semacam "Tung Chung Chiao Chung" supaya 4 point itu diterima oleh pihak Kerajaan dalam melaksanakan 3M untuk menjamin bahawa character tidak ditukar.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah jelaskan tadi, kita akan menimbang segala teguran berkenaan dengan pelaksanaan sistem 3M ini sebab itu kita pada tahun ini cuma mencuba sahaja dengan beberapa buah sekolah sebelum kita melaksanakan dengan sepenuhnya. Sebabnya diadakan percubaan seperti saya telah jelaskan tadi ialah untuk mengetahui apakah kelemahan-kelemahan. Kalau kita hendak tahu sama ada kelemahan ada atau tidak tujuannya tentulah kerana hendak diperbetulkan. Sekarang ini kita sudah dapat maklumat dan segala usaha akan dibuat untuk memperbetulkan segala kelemahan-kelemahan ini.

Tuan Mohd. Nakhaei bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa di dalam kurikulum 3M itu penekanan kepada

tulisan jawi telah dikurangkan sehingga tulisan itu diajar di dalam darjah IV berlainan dengan apa yang dilaksanakan sekarang iaitu diajar di dalam darjah II? Mengapakah langkah yang agak mundur ke belakang ini dilaksanakan di dalam kurikulum 3M itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa ada pengurangan dalam penekanan terhadap tulisan jawi. Walau bagaimanapun, mempelajari tulisan ini memerlukan latihan bukan sahaja di bangku sekolah tetapi juga di rumah-rumah.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelas tidak ada sedikit pun kekurangan dan perubahan tetapi apa yang kita lihat masih ada lagi juga putar belit dijalankan oleh pihak-pihak tertentu bagi menyelewengkan pemikiran rakyat jelata masalah pelaksanaan 3M ini. Dan seperti negara kita ini berbilang kaum, demi untuk menyelamatkan negara kita dan untuk menyatupadukan rakyat tidakkah pihak Kerajaan bercadang supaya sesiapa sahaja hendak belitkan isu 3M ini diletakkan di bawah Akta Sensitif.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan luar daripada soalan asal.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa ada dua jenis masalah 3M. Satu jenis masalah pelajaran atau boleh disifatkan sebagai kelemahan-kelemahan cara atau sistem 3M? Tetapi masalah kedua yang sekarang ini merugui kaum-kaum Cina dan Tamil khasnya ialah mengenai masalah character pelajaran ibunda dan tidak bersangkut-paut dengan sama ada ada kelemahan atau tidak ada kelemahan.

Mengenai perkara yang kedua itu bolehkah Kerajaan bersetuju bahawa semua buku-buku panduan, buku-buku sumber dan lain-lain buku-buku, baikpun untuk murid-murid atau untuk guru-guru boleh ditulis, boleh dibuat dalam bahasa pengantar di bawah syllabus yang ada dan bukan sebagai satu jenis terjemahan oleh kerana ini akan melibatkan masalah character?

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum Yang Berhormat sampai ke dalam Dewan ini tadi. Ini perkara yang sudah lazim dijalankan oleh Kementerian Pelajaran, tidak perlu dijawab lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, masalah lazim ialah lain hal tetapi oleh kerana ini bersangkut-paut dengan masalah character oleh kerana sekarang tidak ada buku-buku teks untuk pelajar-pelajar. Masalah lazim mungkihilah patut untuk ditukarkan di mana apa yang lazim sekarang sudah tidak lazim.

Tuan Yang di-Pertua: Daripada penjelasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi tidak hendak tukar apa yang ada kelaziman itu.

HARTA-BENDA—PENGISYIHKARAN

5. **Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana menyatakan sama ada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Menteri Besar, Ketua Menteri, dan Ahli Exco Negeri telah mengisytiharkan harta-benda mereka dan jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil terhadap mereka yang gagal mengisytiharkan harta-benda mereka dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang didapati memiliki harta-benda yang tidak seimbang dengan sumber pendapatan mereka yang diketahui.

40. **Tuan Chan Teck Chan** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa apakah kemajuan telah dicapai daripada amalan pengisytiharan harta-benda Menteri Kabinet, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ketua Menteri, Menteri Besar, Ahli Exco dan pegawai Kerajaan, sama ada semuanya tersebut telah mematuhi arahan beliau dan apakah halangan telah dialami serta nyatakan apakah tindakan telah diambil untuk memproses borang mereka bagi tujuan kempen anti-korupsi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan No. 40 daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila!

Perdana Menteri: Sukacita saya memaklumkan bahawa semua Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik telah mengemukakan pengisytiharan masing-masing. Saya percaya para Anggota Pentadbiran di peringkat Negeri telah juga berbuat demikian. Pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi 'D' ke atas dan Ketua-ketua Jabatan telah juga mengemukakan pengisytiharan masing-masing dan borang-borang pengisytiharan mereka sedang diproses.

Sekiranya didapati ada antara mereka yang mempunyai harta-benda yang tidak seimbang dengan pendapatan mereka, siasatan lanjut akan dilanjutkan.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan bahawa beliau percaya Ahli-ahli Exco Negeri dan Pegawai-pegawai Negeri telah membuat pengisytiharan. Saya ingin mendapat tahu sama ada pengisytiharan itu akan dibuat terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Ahli-ahli Exco itu akan membuat pengisytiharan kepada Ketua Menteri dan Menteri Besar sahaja.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ketua Menteri dan Menteri Besar dikehendaki menyampaikan segala pengisytiharan kepada saya sendiri.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, bolehkah Perdana Menteri memberitahu mengapa pengisytiharan harta-benda Menteri dan lain-lain yang berkenaan dibuat hanya kepada Perdana Menteri dan bukan kepada umum?

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang sekali soal itu?

Tuan Chan Kok Kit: Bolehkah Perdana Menteri memberitahu mengapa pengisytiharan harta-benda Menteri dan lain-lain berkenaan dibuat hanya kepada Perdana Menteri dan bukan kepada umum?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah oleh kerana sebahagian besar daripada pengisytiharan ini adalah masalah peribadi

dan masalah peribadi sesiapa tidak harus diumumkan kepada masyarakat. Yang penting ialah sama ada mereka terlibat di dalam kegiatan-kegiatan yang menyeleweng daripada tanggungjawab mereka yang mana ini dapat diketahui oleh saya segala tindakan yang perlu akan diambil.

DASAR "GO EAST"

6. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa dasar "Go East" sekarang yang bertujuan menghantar pelajar-pelajar untuk menerima latihan di Jepun dan Korea Selatan tidak termasuk Taiwan kerana Taiwan juga adalah satu contoh baik di mana terdapat etika kerja dan kemajuan teknologi yang baik.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun memberi pertimbangan mengenai langkah menoleh ke timur, khasnya terhadap usaha mengenal pasti negara-negara yang paling sesuai untuk menampung keperluan menghantar pelajar-pelajar kita bagi mengikuti kursus-kursus, terutama sekali kursus vokasional dan teknik. Pertimbangan tersebut dibuat dari semua aspek dan bukanlah semata-mata dari segi kemajuan teknologi sahaja. Dari segi keperluan dan kepentingan negara yang meliputi bidang latihan tenaga manusia, bidang teknologi, etika pekerjaan, sikap terhadap pekerjaan malahan sejarah pembangunan dan lain-lain lagi adalah didapati yang negara Jepun dan Korea Selatan boleh memenuhi hasrat Kerajaan dengan sebaik-baiknya. Langkah yang diambil oleh Kerajaan ini merupakan langkah pertama dalam usaha kita mengalihkan pandangan dari negara-negara barat ke negara-negara timur. Sebagai langkah permulaan ataupun perintis Kerajaan berpendapat adalah memadai buat masa ini untuk menumpukan latihan-latihan tersebut ke negara Jepun dan Korea Selatan sahaja.

UNDANG-UNDANG ISLAM PELAKSANAAN

7. Tuan Awang bin Jabar minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ke arah melaksanakan undang-undang Islam di negara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia Islam perlaksanaan undang-undang Islam adalah berbeza di antara satu negara dengan negara yang lain. Tidak ada satu negara yang mempunyai penduduk dari orang Islam, sama ada hampir seratus peratus atau sebagai minoriti yang melaksanakan undang-undang Islam seratus peratus. Amalan mengenakan faedah oleh bank umpannya terdapat di seratus peratus negara Islam termasuk yang mendakwa diri sebagai negara Islam tulen.

Keadaan ini terdapat bukan kerana negara-negara ini membelaikan agama Islam tetapi kerana Islam memberi kelonggaran dalam perlaksanaan undang-undang Islam mengikut keadaan dalam sesuatu negara, iaitu mengikut al-siasah.

Terdapat di dunia ini kumpulan-kumpulan orang Islam yang minoriti yang sudah tentu tidak mungkin menjalankan undang-undang Islam kerana percubaan membuat demikian akan membawa tindakan yang keras dari kaum majoriti. Bagi negara yang penduduknya hampir seratus peratus Islam, keadaan perhubungan politik dan dagang dengan negara asing juga mempunyai kesan terhadap perlaksanaan undang-undang Islam dalam negeri.

Dalam keadaan yang mana orang Islam adalah 50% sahaja dari penduduk sebuah negeri, perlaksanaan undang-undang Islam tentulah terpaksa mengambilkira siasah yang wujud dalam keadaan ini. Yang pertamanya ialah soal keadilan. Adalah tidak adil dalam masyarakat majmuk jika pencuri Islam dipotong tangan tetapi pencuri bukan Islam tidak dikenai hukum sama sekali kerana tidak ada saksi-saksi Islam. Dalam keadaan ini hukuman terhadap penjenayah terpaksa disamakan baik dari segi proses keadilan atau hukuman. Yang penting ialah kesalahan yang pada pandangan agama Islam dihukum dengan hukuman yang berasaskan kepada keadilan yang terdapat dalam agama Islam. Jika ini dibuat maka mengikut kelonggaran yang diberi oleh agama Islam dalam keadaan siasah yang tertentu, maka undang-undang Islam dianggap sebagai terlaksana. Malaysia adalah di dalam kategori ini. Jika Malaysia dikatakan tidak melaksanakan undang-undang Islam maka dunia terpaksa akui

bahawa tidak ada negara Islam di dunia ini, dan tidak ada tempat di mana undang-undang Islam dilaksanakan. Pendapat yang akhir ini adalah tidak tepat kerana Islam memang memberi kelonggaran dan Islam tidak bermaksud untuk menyusahkan penganutnya sehingga mereka terdedah kepada bahaya yang mungkin menghapuskan mereka.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan undang-undang Islam sejarar dengan siasah di Malaysia. Langkah-langkah ini diasaskan kepada sunnah Nabi, yang mana seperti kita semua tahu perlaksanaan hukum-hukum mengambil kira bukan sahaja hukum yang ditetapkan bagi sesuatu jenayah tetapi juga kedudukan pengikut Islam di masa tertentu dan perasaan peri kemanusiaan. Inilah sebabnya ibu yang hamil yang mengakui berzina tidak dihukum serta-merta tetapi disuruh balik berfikir dan akhirnya apabila ia berkali-kali membuat pengakuan, hukuman dijalankan cuma setelah ia melahirkan anaknya. Islam adalah agama yang adil dan berperikemanusiaan dan kita di Malaysia berpandu kepada ajaran Islam yang sebenar dalam melaksanakan undang-undang Islam.

Semua langkah yang perlu diambil mengikut siasah telah pun diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi melaksanakan undang-undang Islam. Langkah-langkah ini adalah lebih daripada yang diambil dahulu kerana siasah dahulu tidak mengizinkan, dan mungkin jika umat Islam di Malaysia tidak dipecah-pecah dan dilemahkan langkah-langkah akan betambah di masa-masa hadapan mengikut keadaan siasah pada masa-masa itu.

Tuan Mohd. Nakhaei bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Perdana Menteri sedar bahawa jawapan beliau itu mengandungi suatu bentuk pertentangan kerana di suatu ketika beliau telah menyebut tentang keadilan Undang-undang Islam itu sendiri yang sudah tentu keadilannya itu menyeluruh kepada semua rakyat dan semua manusia dan di suatu pihak yang lain pula beliau meragukan tentang pelaksanaan Undang-undang Islam itu sebagai berlaku tidak adil kepada masyarakat bukan Islam terutamanya di dalam keadaan negara kita penduduk Islamnya hanya 50% sahaja dan

dengan pengertian bahawa Undang-undang Islam itu dilaksanakan dengan secara beransur-ansur dan juga penekanannya bukanlah dari aspek pelaksanaan hukum jenayah sahaja tetapi ialah dengan menggunakan siasah tadi dengan mendahulukan aspek-aspek yang lain terutama aspek-aspek kemasyarakatan dan juga ekonomi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah berkata bahawa Undang-undang Islam tidak adil. Ahli Yang Berhormat yang berkata demikian. Undang-undang Islam memang adil dan keadilannya itu adalah berasas bukan semata-mata kepada hukum dan jenayah, tetapi kepada keadaan semasa ataupun keadaan siasah. Kalau kita mempertimbangkan keadaan siasah di dalam negara kita ini maka hukuman yang dikenakan secara persamaan antara orang-orang Islam dan bukan Islam di dalam Malaysia ini adalah adil di sisi agama.

KEKURANGAN TENAGA BURUH

8. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah telah menyiapkan kajian mereka mengenai kekurangan buruh dalam sektor masing-masing dan apakah kemajuan terakhir berhubung dengan perangkaan satu sistem yang kemas mengenai pekerjaan untuk buruh-buruh pendatang ke negara ini.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kajian yang menyeluruh mengenai kekurangan tenaga buruh di dalam sektor perladangan dan pembinaan oleh Kementerian-kementerian berkenaan telah pun selesai. Kepastian awal telah pun dibuat atas perlunya Kerajaan mengambil sesuatu langkah untuk mengatasi masalah ini. Satu daripada caranya ialah dengan mengambil tenaga pekerja dari luar negeri dengan keutamaan kepada negara-negara tetangga ASEAN. Kerajaan sedang meneliti segala aspek penggubalan satu sistem yang teratur untuk mempastikan supaya apa juga aspek pelaksanaannya dibuat

atas kepentingan semua pihak termasuklah negara-negara yang terlibat di samping negara kita sendiri.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, semasa Kerajaan menimbangkan supaya mengambil pekerja dari negara-negara ASEAN, adakah Kerajaan kita menimbangkan supaya membolehkan mereka yang memegang Kad Pengenalan yang berwarna merah itu bekerja dengan lebih senangnya buat sementara ini?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya telah pun mengumumkan bagaimana pihak-pihak yang berkenaan telah dibenarkan untuk melonggarkan syarat supaya mereka yang memegang Kad Pengenalan merah itu diberi peluang untuk bekerja.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan juga membuat kajian tentang kekurangan pekerja-pekerja yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil akibat daripada pindahan tenaga-tenaga kerja di luar bandar ke bandar-bandar besar dan juga ke Singapura?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soal ini berkaitan tetapi soal yang dikemukakan ialah atas soal kekurangan pekerja-pekerja di peringkat peladangan dan pembinaan.

HUBUNGAN PERDAGANGAN DAN EKONOMI DENGAN JEPUN DAN KOREA

9. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- kejayaan yang dicapai setakat ini dalam perkembangan hubungan perdagangan dan ekonomi dengan Negara-negara Jepun dan Korea; dan
- sama ada perkara-perkara berkaitan dengan pertukaran pandangan mengenai pembangunan negara akan dibincangkan dalam masa lawatan-lawatan beliau yang akan datang ke dua-dua buah negara itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin berhubung dengan jawapan kepada soalan:

(a) jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Jepun telah meningkat sejak beberapa tahun lalu dan Jepun merupakan satu-satunya rakan dagang Malaysia yang terbesar di mana 21% dari jumlah eksport Malaysia adalah ke Jepun dan 23% jumlah import Malaysia dari Jepun.

Dari segi jumlah perdagangan jumlah perdagangan untuk 9 bulan pertama dalam tahun 1981 ialah 8,951.6 juta ringgit dalam jangkamasa yang sama dalam tahun 1980. Dalam 9 bulan pertama tahun 1981 lebihan telah menurun menjadi US\$251.8 juta berbanding dengan US\$1,410 juta dalam tahun 1980. Walau bagaimanapun, keadaan ini masih boleh diperbaiki dan adalah diharapkan Jepun akan lebih liberal lagi dalam mengurangkan sekatan tarif dan bukan tarif supaya barang buatan dan setengah buatan kita dapat masuk ke pasaran mereka.

Hubungan ekonomi dengan Jepun telah meningkat dengan baiknya dan pelaburan Jepun di Malaysia terus menerus meningkat dengan setelah sejumlah 267 projek yang disertai oleh Jepun diluluskan sehingga penghujung bulan Jun, 1981.

Jepun juga telah menunjukkan kesediaan memberikan berbagai bantuan kewangan antara lain seperti Kredit Yen. Sehingga hari ini kita telah menerima 7 bantuan Kredit Yen berjumlah Yen 123.68 billion (lebih kurang M\$1,200 juta). Mengenai Republik Korea pula, hubungan duahala telah meningkat dengan rancaknya sejak empat tahun kebelakangan iaitu berjumlah kira-kira 2.5% dari jumlah perdagangan dunia kita.

Dalam tahun 1976, jumlah perdagangan hanya \$307.9 juta tetapi telah bertambah menjadi \$702.8 juta dalam tahun 1979 dan bertambah lagi

menjadi \$1,009.1 juta dalam tahun 1980. Kedudukan perdagangan ini sebenarnya menguntungkan kita di mana untuk 9 bulan pertama tahun 1981 ianya berjumlah \$430.2 juta.

Walaupun begitu peluang untuk meningkatkan jumlah perdagangan kedua-dua buah negara masih ada lagi. Untuk tujuan memperluaskan lagi kerjasama perdagangan dan industri, kedua-dua buah negara bersetuju mengadakan mesyuarat-mesyuarat tahunan peringkat Menteri dan sebuah pejabat perdagangan telah pun ditubuhkan di Seoul dalam bulan Ogos, 1981.

Mengenai kerjasama ekonomi, Korea Selatan telah bersetuju membantu kita dalam mewujudkan industri-industri bidang kecil dan sederhana. Mereka akan menghantar satu pasukan ke Malaysia untuk mengenal pasti projek-projek untuk pembangunan industri-industri itu dan untuk melihat kemungkinan kerjasama dalam bidang usahasama.

Baru-baru ini, sebagai menyahut minat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembangunan sumber manusia, Kerajaan Korea Selatan telah mengumumkan bahawa ianya bersedia untuk membantu kita dalam usaha-usaha pembangunan dengan menawarkan tempat-tempat di berbagai institusi pengajian tinggi mereka kepada rakyat Malaysia. Mereka juga mencadangkan untuk mengadakan kelas-kelas bahasa Korea di Malaysia.

Korea Selatan juga bersetuju menawarkan perkhidmatan kepakaran untuk membantu kita dalam pembangunan luar bandar dan pertanian di bawah Gerakan Sememaul Undang (Gerakan Kommuniti Baru). Malaysia memang bercadang mendapatkan kepakaran Korea Selatan dalam mengujudkan industri-industri kecil dan sederhana di kawasan luar bandar.

- (b) Berhubung dengan pertanyaan (b), Ahli Yang Berhormat tentunya sedar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil keputusan untuk membuat lawatan rasmi ke Jepun pada penghujung tahun 1982 ini. Tujuan lawatan tersebut ialah untuk memperkuatkan hubungan dan memupuk kerjasama duahaha yang lebih erat lagi dengan Jepun dalam bidang-bidang ekonomi dan teknik.

Dalam hubungan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkemungkinan akan mengemukakan kepada Kerajaan Jepun tentang perlunya bantuan ekonomi dan teknik untuk pembangunan negara kita dan disamping itu kita juga memerlukan bantuan kredit untuk membiayai projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat khususnya dalam pembangunan loji tenaga, permodenan keretapi dan pembangunan pelabuhan. Kredit Yen Jepun dalam hubungan ini mempunyai nilai yang tinggi kepada kita.

Satu lagi bidang yang menarik minat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah pembangunan sumber kemanusiaan. Jepun menghargai sepenuhnya keperluan-keperluan kita dan bersedia untuk memberikan kerjasama dalam bidang ini dengan melatih pelajar-pelajar kita. Apa yang kita perlukan ialah pelajar-pelajar kita dapat mempelajari kemahiran dan ketika kerja di gedung-gedung perniagaan Jepun dan kemudahan awam. Kita akan menghantar seramai 140 orang pelajar ke Jepun dan mereka akan ditempatkan di berbagai gedung perniagaan Jepun untuk latihan sambil kerja.

PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU

10. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimakah usaha yang hendak dijalankan bagi melaksanakan dasar pertanian negara yang bersepadu.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, terdapat di dalam Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan menumpukan perhatian kepada dua strategi terbesar bagi membangunkan pertanian.

Strategi yang pertama ialah untuk membangunkan kawasan-kawasan tanah berkenaan untuk tanaman-tanaman seperti kelapa sawit, getah dan koko yang dilaksanakan oleh agensi-agensi seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan juga agensi-agensi Kerajaan Negeri, manakala strategi kedua ialah membangunkan kawasan-kawasan yang sedia ada melalui penyediaan berbagai infrastruktur, kredit, perkhidmatan, sokongan teknikal, pemasaran dan sebagainya melalui pendekatan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADB). Kira-kira \$1,000 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan pertanian melalui pendekatan IADB. Projek-projek IADB yang dilaksanakan pada masa ini adalah mengikut beberapa pesat pelaksanaan. Projek-projek seperti Pembangunan Pertanian Bersepadu Johor Barat, Barat Laut Selangor, Negeri Sembilan Timur, Kelantan Utara, Kemasin/Semerak, Seberang Perak dan Rompin/Endau adalah di dalam peringkat pelaksanaan di mana penyeliaan pembinaan infrastuktur-infrastruktur seperti jalan-jalan ladang, talair, bangunan-bangunan pejabat dan lain-lain sedang dalam pembinaan.

Beberapa projek lagi sedia untuk dilaksanakan seperti projek Pembangunan Pertanian Negeri Melaka dan Projek Pembangunan Pertanian Lembah Kedah. Selain daripada itu, beberapa projek yang serupa sedang di dalam peringkat penyediaan, umpamanya, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Balik Pulau, Seberang Prai, Perlis, Pahang Barat, Samarahan di Sarawak, Lembah Trengganu, Trengganu Utara, Kawasan Sungai Tumbuh, Perak Tenggara, Ulu Perak dan Johor Barat Peringkat II.

Selain daripada Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu ini, Kerajaan juga melaksanakan program-program bagi menambahkan pengeluaran pertanian melalui peningkatan tahap pengeluaran petani-petani. Program-program yang dimaksudkan

itu ialah seperti program subsidi baju padi, dan subsidi harga kepada penanam-penanam padi, program memulih dan menanam semula kelapa yang diselingkan dengan tanaman seperti koko, kopi dan juga pemeliharaan lembu tenusu bagi kawasan-kawasan tanaman kelapa, pemberian berbagai jenis subsidi kepada nelayan-nelayan dan skim pemasaran bersepada bagi sayur-sayuran. Sebagai satu langkah bagi menentukan semua program ini berjalan secara berkesan dan mendatangkan faedah kepada petani dan nelayan maka segala khidmat sokongan yang berupa khidmat nasihat teknikal, kredit, latihan, amalan dan pemasaran serta pemerosesan disediakan oleh Kementerian saysa.

SISTEM "CLOCK-IN"

11. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan apakah reaksi dan kemajuan telah dicapai daripada sistem "clock-in" dan bagaimanakah sistem ini dapat dimajukan untuk memperhebatkan kempen 'orientasi sikap berkhidmat secara dedikasi, cekap dan bermoral tinggi' di kalangan perkhidmatan awam.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, penggunaan sistem Kad Perakam Waktu (KPW) memang satu sistem yang baru di dalam perkhidmatan awam dan telah mendapat berbagai-bagai reaksi. Ada pihak yang mengatakan sistem ini menjatuhkan maruah pegawai Kerajaan. Tetapi setelah sistem ini dicuba dan dikaji secara mendalam oleh pihak MAMPU, beberapa faedah telah dapat diakui. Ia telah betul-betul dapat menanamkan kesedaran kepada waktu dan "sense of urgency" antara pegawai/kakitangan Kerajaan. Di samping itu ia juga memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa pegawai-pegawai Kerajaan akan berada di tempat masing-masing tepat pada pukul 8.00 pagi. Kerana inilah Kerajaan tidak teragak-agak lagi untuk menggunakan sistem ini di seluruh peringkat awam di negara ini.

Setakat ini 85 buah agensi Kerajaan telah melaksanakan sistem ini dan yang lain sedang menguruskan pembelian mesin supaya sistem ini dapat dijalankan dengan lancarnya di seluruh peringkat Kerajaan dalam bulan ini juga.

Penggunaan sistem KPW ini hanyalah satu daripada tindakan Kerajaan untuk membawa orientasi sikap dan menambahkan dedikasi dan kecekapan perkhidmatan awam di negara ini. Langkah menambah kesedaran waktu dan dedikasi hanya sebagai langkah asas dan seterusnya Kerajaan sedang berusaha untuk memastikan supaya satu etika kerja yang baru untuk menambah hasil dan mutu kerja dalam perkhidmatan awam akan dilaksanakan. Usaha awal di bidang ini telahpun berjalan dengan menggunakan gerakan Perkhidmatan Cemerlang dan memperketatkan disiplin di pejabat. Langkah-langkah lain termasuklah menyusun semula cara dan prosidur bekerja, menilai semula dan meringkaskan peraturan-peraturan lama yang tidak sesuai lagi dan memodenkan sistem pentadbiran seluruhnya dengan menggunakan alat-alat yang lebih moden dan efficient. Kerajaan juga berhasrat untuk melupuskan semua sikap dan cara lama dengan membawa konsep-konsep serta pendekatan baru dalam sistem pentadbiran dan pengurusan berdasarkan cara-cara pengurusan di negara-negara Timur yang sudah mencapai kejayaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini sejauh mana pelaksanaan sistem "clock-in" telah dapat meninggikan daya pengeluaran (productivity) di kalangan perkhidmatan awam di negara kita ini?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam jawapan saya yang agak panjang tadi telahpun saya menyentuh bahwasanya kesan yang baik telah dapat dilihat dari penggunaan Sistem Kad Perakam Waktu (KPW) dalam erti kata pegawai-pegawai kita tepat berada di pejabat pada pukul 8.00 pagi dan ini juga ditinjau dari segi penggunaan tenaga manusia (man-hours) maka ini adalah berupa satu improvement yang sangat baik.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa hasil yang didapati ialah pegawai dan Kakitangan Kerajaan telah sampai pada waktu jam 8.00 pagi tetapi adakah satu kawalan selepas daripada 8.00 pagi sewaktu

pegawai-pegawai berada di pejabat, misalnya, untuk menentukan bahawa kedatangan mereka pada jam 8.00 pagi itu benar-benar memberi daya penggerak untuk produktiviti?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:
Kita tidak ragu-ragu bahwasanya pegawai-pegawai kita yang datang ke pejabat pada pukul 8.00 pagi itu akan memberi perhatian mereka kepada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka oleh Kerajaan.

AMANAH SAHAM NASIONAL— SAMBUTAN PEGAWAI KERAJAAN

12. Tuan Haji Umar bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan yang dicapai oleh pihak Amanah Saham Nasional sehingga ke tarikh yang terakhir sekali dan nyatakan juga adakah benar dakwaan yang mengatakan bahawa Pegawai dan kakitangan Kerajaan dan pihak swasta sangat kurang melabur dalam Amanah Saham Nasional, apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan lagi penyertaan semua pihak untuk melabur dalam Amanah Saham Nasional.

19. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan bahawa mengapakah sokongan pegawai-pegawai Kerajaan mengenai pembelian Amanah Saham Nasional menerusi potongan gaji bulanan tidak mendapat sokongan, dan sama ada beliau sedar bahawa potongan gaji yang dibuat melalui ANGKASA adalah terlalu lambat. Jika demikian, sama ada potongan itu dapat dibuat terus kepada bank-bank/pejabat pos yang berkenaan untuk tindakan sewajarnya.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:
Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin menjawab soalan 12 dan 19 sekali kerana kedua-dua soalan ini adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas dan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat adalah berkaitan dengan Skim Amanah Saham Nasional.

Sehingga bulan Januari, 1982 seramai 850,272 orang atau 18.7% daripada pelabur yang layak telah melabur sebanyak \$322.22 juta. Jumlah pelabur-pelabur adalah dijangka akan meningkat kepada satu juta orang pada pertengahan tahun ini.

Jumlah Bumiputra di sektor awam yang layak menyertai Skim Amanah Saham Nasional adalah dianggarkan lebih kurang 522,000 orang. Dari jumlah ini, seramai lebih kurang 160,000 orang kakitangan Kerajaan telah melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional. Oleh yang demikian, dakwaan yang menyatakan pegawai-pegawai sektor awam kurang melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional adalah tidak benar sama sekali.

Adalah tidak benar skim potongan gaji yang dibuat melalui Biro Perkhidmatan angkasa itu lambat. Sebenarnya, kelambatan dalam potongan gaji adalah disebabkan oleh sistem persediaan lembaran gaji dan kerja memproses segala borang-borang yang diterima adalah berbeza antara Jabatan-jabatan Kerajaan. Tempoh pelaksanaan potongan gaji telah ditentukan oleh Jabatan-jabatan atau Majikan itu sendiri. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah cara potongan yang ada sekarang.

Untuk melicinkan lagi penyertaan menerusi sistem potongan gaji ini, pihak Amanah Saham Nasional Berhad, melalui para pegawai pemasarannya di merata negeri, telah dan akan mengedar borang-borang Pengakuan Potongan Gaji kepada kakitangan Kerajaan Bumiputra. Salinan borang ini kelak dihantar kepada Ibu Pejabat ASNB untuk semakan dan pengesahan manakala satu salinan dihantar ke Biro Perkhidmatan Angkasa untuk diproses dan rekod potongan dikemaskini. Pihak Biro boleh memproses selewat-lewatnya dalam masa dua hari sekitaranya borang itu dalam keadaan teratur.

Sebagai langkah meningkatkan penyertaan semua pihak untuk melabur dalam Skim, pihak ASNB telah menyediakan beberapa strategi.

Pertama, ialah menerusi pelaburan berkelompok di mana Pegawai Pemasaran ASN pergi ke jabatan berkenaan dengan membawa agen atau wakil ASN untuk

membolehkan kakitangan Bumiputra di Jabatan tersebut membuat pelaburan.

Kedua, menerusi pengiklanan yang memberi tumpuan kepada beberapa sasaran terkumpul seperti kumpulan bergaji, peneroka dan suri rumahtangga. Ia bertujuan untuk memberi galakan kepada mereka serta menyakinkan kumpulan-kumpulan ini untuk terus melabur.

Ketiga, menerusi penurunan had umur pelabur-pelabur dari 21 tahun kepada 18 tahun. Penurunan had umur ini akan meningkatkan lagi jumlah Bumiputra yang layak untuk menyertai Skim ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup.

(*Masa bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 18 dan 20 hingga 50 adalah diberi di bawah ini*)

PERDAGANGAN TAYAR PERNAS—CHINA

13. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:-

- (a) apakah perjanjian yang dibuat di antara PERNAS dengan Negeri China dalam perdagangan tayar buatan Malaysia; dan
- (b) mengapakah Hongkong menjadi negeri perantaraan dalam perdagangan ini dan tidak secara berterusan.

Tengku Dato Ahmad Rithaudeen Al-Haj:

(a) Sebenarnya tidak ada Perjanjian yang ditandatangani di antara pihak PERNAS dan China berhubung dengan perdagangan tayar. Saya percaya bahawa apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah Perjanjian yang ditandatangani pada 31hb Disember, 1981 di antara PERNAS Trading (M) Sdn. Bhd. dengan pihak Dunlop Industries (M) Sdn. Bhd. di mana PERNAS Trading telah dilantik sebagai pengedar kepada tayar Dunlop buatan Malaysia khususnya bagi tayar-tayar besar (heavy duty tyres) untuk dipasarkan di Republik Rakyat China.

Selaras dengan tarafnya sebagai pengedar, PERNAS Trading telah membuat sebutharga kepada pihak Perbadanan Import/Eksport China yang berkenaan. Sehingga kini, PERNAS masih lagi menunggu jawapan daripada pihak tersebut.

- (b) Sebagaimana yang dinyatakan di dalam jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat yang pertama tadi, tawaran kepada China tersebut telah dirunding dan dibuat melalui perantaraan Cawangan PERNAS di Hongkong. Jika sekiranya pihak China bersetuju untuk membeli tayar-tayar buatan Malaysia tersebut, maka urusniaga barang-barang tersebut akan dijalankan secara terus di antara PERNAS dan pihak Perbadanan Import/Eksport China yang berkenaan.

LAWATAN LORD CARRINGTON KE MALAYSIA

14. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada tertubuhnya sebuah badan jawatankuasa tertinggi antara Kementerian seperti yang dicadangkan oleh Setiausaha Luar Negeri British yang berkunjung bagi meredakan ketegangan perhubungan di antara Malaysia dan England akan memberi faedah atau bermakna jika England meneruskan sikap bermusuhan terhadap Malaysia.

28. Tuan Ismail bin Arshad minta Kementerian Luar Negeri menyatakan apakah hasil-hasil rundingan yang telah dibuat dan diperolehi semasa pertemuan lawatan Setiausaha Luar British dan juga Perdana Menteri Korea Selatan yang berkunjung ke Malaysia pada baru-baru ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pertanyaan ini adalah berkaitan dengan soalan nombor 28 mengenai hasil lawatan Setiausaha Luar British, Lord Carrington. Dengan kebenaran Dewan yang mulia, saya ingin menjawab kedua-dua soalan sekali gus.

Berkaitan dengan lawatan Setiausaha Luar British Lord Carrington ke sini, beliau telah

membuat kunjungan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mengadakan rundingan yang ditumpukan kedudukan hubungan dua hala antara Malaysia dan Britain. Yang Berhormat Menteri Luar juga telah mengadakan rundingan dengan Lord Carrington berkenaan situasi di Kampuchea. Kedua-dua Menteri telah bersetuju bahawa usaha-usaha mesti diteruskan untuk mencari penyelesaian politik ke atas masalah Kampuchea. Di dalam hubungan ini, Lord Carrington menyokong penubuhan gabungan ketiga-tiga golongan di Kampuchea.

Dalam rundingannya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Lord Carrington ingin mengetahui kesilapan yang telah berlaku terhadap hubungan antara Britain dengan Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan bahawa masalah tersebut adalah berkaitan dengan sikap, di mana pihak British kurang memahami masalah yang dihadapi oleh Malaysia dan usaha-usaha yang kita jalankan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Beliau merasa kesal bahawa institusi-institusi British seperti pihak akhbar dan ahli-ahli perniagaannya yang tidak menunjukkan pengertian terhadap Dasar Ekonomi Baru. Kita tidak mengharap pihak British menyelesaikan masalah yang kita hadapi kerana kita sedang menjalankan usaha-usaha untuk menyelesaikannya tetapi sekurang-kurangnya perkara-perkara yang mereka kata dan buat janganlah sampai menghalang perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menarik perhatian Lord Carrington mengenai arahan kerajaan terhadap barang-barang British yang mana keputusan tersebut bukanlah suatu keputusan yang mendadak tetapi adalah akibat sikap British yang telah berakar umbi begitu lama. Arahan Kerajaan baru-baru ini mengenai pembelian barang-barang British adalah bertujuan untuk mengelakkan pemberian keistimewaan kepada barang-barang British. Perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara akan diteruskan seperti biasa. Akhirnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa Malaysia ingin mempunyai hubungan yang lebih baik dengan Britain tetapi Britain perlu menukar sikap.

Lord Carrington menghargai penjelasan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kebimbangan yang di rasainya. Beliau menyatakan bahawa Kerajaan British amat faham dan bersympati terhadap usaha-usaha yang kita jalankan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Selanjutnya beliau menyatakan bahawa masyarakat British juga memahami perkara ini dan telah pun menyesuaikan diri mereka. Beliau memberi jaminan bahawa beliau akan berusaha sedaya upaya supaya pihak British lebih memahami dan menyedari akan masalah dan hasrat kita.

Dalam hubungan ini Lord Carrington telah mencadangkan penubuhan sebuah suruhanjaya bersama pegawai-pegawai kanan Kerajaan dalam usaha untuk mengatasi masalah yang sedia ada sebelum masalah itu tidak dapat dikawal lagi. Berkaitan dengan yuran persekolahan bagi pelajar-pelajar pula, beliau memberitahu bahawa Britain mungkin akan menggunakan wang bantuan Kerajaan sebanyak lebih kurang £40 juta untuk memberi bantuan kepada 10,000-12,000 orang pelajar.

Bagi cadangan penubuhan Suruhanjaya Bersama pula kami sedang mengkaji perkara itu. Sekiranya perkara ini dirasakan penting, maka Kerajaan dengan mudah boleh menubuhkan kumpulan tersebut dan membiarkannya bergerak bagi memastikan hubungan antara kedua-dua negara tidak merosot. Walaupun demikian telah ada kemajuan di dalam hubungan kedua-dua negara. Setiausaha Luar British telah menyatakan bahawa mereka akan mengambil langkah-langkah untuk memahami dan menyedari masalah-masalah yang dihadapi serta polisi negara kita. Apa yang penting adalah lawatan Setiausaha Luar British ini telah membuat pihak British mengerti bahawa perubahan sikap adalah penting dan mereka telah pun mula menyesuaikan diri. Memandangkan perkara ini saya rasa soal pihak Britain mengambil sikap hostile tidak timbul.

PERSATUAN PENGELOUAR BLIJH TIMAH

15. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perusahaan Utama

menyatakan setakat ini berapa buah negara-negara pengeluar bijih timah telah memberi sambutan kepada cadangan Malaysia supaya ditubuhkan suatu persatuan pengeluar-pengeluar bijih timah.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Berdasarkan perbincangan-perbincangan awal yang telah diadakan di antara Malaysia dengan negara-negara pengeluar timah ASEAN, iaitu Indonesia dan Thailand, suka saya maklumkan bahawa kedua-dua negara tersebut telah bersetuju pada dasarnya supaya negara-negara pengeluar timah patut mengadakan kerjasama yang lebih rapat lagi bagi menjaga dan memajukan kepentingan perusahaan timah di negara masing-masing. Mereka bersetuju supaya negara-negara pengeluar menyediakan suatu rancangan kontigensi sekiranya Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam tidak dapat dikuatkuasakan dengan berkesan pada tarikh yang telah ditetapkan. Berkenaan dengan perkara ini satu mesyuarat di antara Menteri-menteri negara-negara pengeluar timah ASEAN akan diadakan di Kuala Lumpur pada awal bulan Mei 1982. Rumusan daripada mesyuarat ini akan dikemukakan kepada lain-lain negara pengeluar untuk dikaji. Suatu mesyuarat di antara ke semua negara-negara pengeluar akan diadakan di Nigeria kelak supaya satu pendirian bersama dan pendekatan menyeluruh akan dapat dibentuk oleh negara-negara di dalam perkara ini.

LAWATAN PERDANA MENTERI KOREA UTARA KE MALAYSIA

16. Tuan Haji Hashim bin Endut meminta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Y.A.B. Encik Li Jong Ok, Perdana Menteri Korea Utara ke Malaysia baru-baru ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Korea (Korea Utara) Encik Li Jong Ok yang telah melakukan lawatan ke Malaysia dari 11-15hb Februari, 1982 adalah bertujuan untuk bertukar-tukar fikiran dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai isu-isu antarabangsa dan serantau yang mempunyai

kepentingan bersama dan mencari jalan bagi meningkatkan hubungan ekonomi duahala antara kedua-dua negara.

Semasa berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Perdana Menteri Korea Utara itu telah menyentuh tentang keadaan dunia yang bertambah butuk akibat dari perlumbaan senjata dan persaingan kuasa-kuasa besar. Beliau menegaskan bahawa memang perlu bagi negara-negara kecil tidak melibatkan diri dalam pertelingkahan kuasa-kuasa besar. Untuk mencapai maksud tersebut adalah penting bagi negara-negara berkecuali memperkuatkan pergerakan tersebut, memelihara dan mempertahankan kemurnian pergerakan serta menyokong prinsip-prinsip asalnya, Tuan Li juga menghargai peranan Malaysia dalam memperkuatkan perpaduan dan persefahaman Pergerakan Negara-negara Berkecuali. Beliau juga menyokong usaha-usaha ASEAN bagi mengujudkan keamanan di rantau Asia Tenggara dan menyokong cadangan ZOPFAN kita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju bahawa negara-negara kecil tidak sepatutnya terlibat dalam persaingan kuasa-kuasa besar dan sepatutnya bekerjasama mengujudkan keamanan dan keselamatan dunia.

Berhubung dengan hubungan duahala, kedua-dua Perdana Menteri bersetuju mencari jalan meningkatkan kerjasama dalam bidang-bidang perdagangan dan ekonomi keuntungan bersama. Kerajaan Korea Utara bersetuju membeli lebih barang kita seperti getah, bijih timah, minyak sawit dan kayu balak. Kerajaan negara itu akan menghantar satu delegasi ke Malaysia untuk mengkaji keperluan-keperluan minyak sawit untuk kegunaan industri dan makanan.

Dalam bidang ekonomi dan teknik, Kerajaan Korea Utara telah mengemukakan beberapa cadangan projek usahasama dalam perlombongan bijih timah dan emas dan projek eksplorasi/eksploitasi bersama sumber-sumber arang batu di Sabah dan Sarawak. Kerajaan negara tersebut mengatakan ianya mampu membekalkan jentera untuk maksud ini. Dalam bidang

kerjasama tenaga, Kerajaan Korea Utara telah menawarkan bantuan teknik dalam membangunkan projek kuasa hidro. Dalam soal ini, Lembaga Letrik Negara telah bersetuju membeli sebuah janakuasa turbine Korea Utara untuk maksud-maksud pengujian.

Kerajaan Korea Utara juga menawarkan untuk membantu kita dalam pembangunan pertanian dari segi memberikan bantuan teknik dan membekalkan alat kelengkapan untuk projek-projek pengairan.

Kita telah mengambil ingatan tentang cadangan-cadangan Kerajaan Korea Utara dan memberitahunya bahawa kita perlu menimbangkan lagi cadangan-cadangan tersebut khususnya berhubung dengan kerjasama dalam bidang tenaga dan pertanian.

Semasa lawatan itu, satu perjanjian perkhidmatan udara telah ditandatangani oleh kedua-dua negara pada 15hb Februari, 1982. Perjanjian tersebut merupakan satu perjanjian yang asas, tanpa mempunyai rujukan kepada butir-butir operasional.

Secara keseluruhannya, lawatan tersebut telah memberikan peluang kepada kedua-dua Perdana Menteri bertukar-tukar pandangan dan membaharui hubungan supaya dapat memperkuatkan lagi hubungan baik di antara kedua-dua buah negara. Memang dirasakan bahawa telah ada potensi dalam memperluaskan kerjasama duahala di antara kedua buah negara khususnya dalam perdagangan langsung dan projek-projek kuasa hidro.

BUKU PANDUAN 3M BAHASA CHINA/TAMIL

17. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab ketiadaan penterjemahan bahan pengajaran dan buku-buku panduan 3M dalam bahasa China dan Tamil apabila skim 3M mula diujudkan. Sama ada beliau akan menimbul penggantungan sementara sekim ini sehingga semua bahan bacaan dan pengajaran sedia ada dalam semua bahasa.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Adalah menjadi amalan biasa Kementerian Pelajaran menyediakan bahan rujukan untuk guru dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran tidak menghalang usaha menterjemahkan bahan-bahan ini ke dalam bahasa China dan Tamil. Bahkan pada masa ini buku-buku dalam bahasa berkenaan sudah pun ada. Oleh sebab bahan-bahan untuk murid dalam semua bahasa pengantar sudah ada dan juga sedang dalam persediaan maka soal penangguhan pelaksanaan Kurikulum 3M tidak timbul.

AMALAN MENTERI MELANGGAR “CONFIDENTIALITY” ADUAN-ADUAN

18. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan sama ada menjadi amalan bagi Menteri-menteri untuk melanggar “confidentiality” aduan-aduan yang disampaikan kepada mereka yang menyebabkan satu keadaan di mana pihak yang diadu itu mengugut mengambil tindakan undang-undang sivil terhadap si pengadu.

Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Bukanlah menjadi amalan bagi Menteri-menteri mendedahkan nama orang yang membuat aduan kepada mereka, ataupun mendedahkan apa-apa aduan yang diterima oleh mereka kepada sesiapa pun, terutama sekali kepada orang yang kena adu itu. Setakat yang Kerajaan ketahui Menteri-menteri tidak pernah melanggar amalan “confidentiality” terhadap aduan-aduan yang mereka terima sehingga boleh menyebabkan ada terdapat orang yang kena adu itu telah pun membuat ugutan untuk mengambil tindakan undang-undang sivil terhadap si pengadu.

PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

20. Dato' Hishamuddin bin Haji Yahya minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah jangka panjang Kerajaan untuk memperolehi syarat-syarat perdagangan yang adil dan saksama bagi Malaysia dari negara-negara pengguna terutamanya mengenai hasil utama negara ini.

Tengku Dato Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Kerajaan senantiasa menyedari bahawa

ekonomi negara ini banyak bergantung kepada prestasi perdagangan luarnya. Menyedari hakikat inilah maka Kerajaan senantiasa mengambil berat dan berusaha untuk mempastikan bahawa layanan-layanan perdagangan yang adil dan saksama diberikan kepada barang-barang eksport negara ini.

Sukacitalah juga saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa, sebagai sebuah negara ekonomi terbuka, perdagangan luar negara ini adalah tertakluk kepada keadaan ekonomi dunia yang mana adalah di luar kawalan kita. Oleh yang demikian, kemelesetan yang sedang melanda ekonomi dunia kini merupakan punca utama yang menyebabkan kejatuhan harga beberapa eksport utama Malaysia khususnya getah.

Sukalah saya menghuraikan di sini langkah-langkah jangka panjang Kerajaan untuk memperolehi syarat-syarat perdagangan yang adil dan saksama bagi negara ini, dalam dua aspek. Pertamanya dari sudut untuk mendapatkan harga yang stabil dan berpatutan bagi hasil-hasil utama negara, dan keduanya perihal usaha-usaha Kerajaan untuk mendapatkan kemudahan kemasukan barang-barang perkilangan dan separuh perkilangan Malaysia ke dalam pasaran-pasaran asing.

Harga bahan-bahan utama adalah tertakluk kepada faktor-faktor permintaan dan pembekalan. Dalam hubungan ini Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (United Nations Conference On Trade and Development-UNCTAD) telah mewujudkan beberapa Perjanjian-perjanjian Barang-Barangan Utama Antarabangsa (International Commodity Agreements) dan menubuhkan Tabung Bersama (Common Fund) yang menggunakan skim penstabilan harga, yang bertujuan untuk mendapatkan dan mengekalkan harga yang menguntungkan kepada pengeluar dan berpatutan kepada pengguna.

Malaysia telah pun menjadi ahli antara lain kepada dua Perjanjian Barang Utama Antarabangsa, iaitu Perjanjian Getah Asli Antarabangsa dan Perjanjian Timah Antarabangsa. Berhubung dengan getah,

Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (International Natural Rubber Agreement—INRA) telah pun berkuatkuasa, dan Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO), badan yang bertanggungjawab mengawas kejatuhan harga getah telah juga memulakan operasi untuk membeli getah untuk menentukan bahawa harga bahan ini dipertahankan pada peringkat yang lebih memuaskan. Di samping itu juga, Malaysia bersama-sama negara-negara pengeluar yang lainnya akan terus menggesa supaya jarak-harga dapat ditingkatkan lagi untuk mengimbangi kos pengeluaran getah yang meningkat.

Mengenai bijih timah, negara-negara pengeluar dan negara-negara pengguna adalah dalam proses untuk mewujudkan Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Keenam. Pada masa yang lalu, Perjanjian-Perjanjian Timah Antarabangsa telah berjaya menstabilkan harga timah pada peringkat yang munasabah. Walau bagaimanapun, pada masa akhir-akhir ini Perjanjian Timah Antarabangsa telah tidak begitu efektif disebabkan oleh sikap tidak mahu bertolak ansur setengah negara-negara pengguna, yang membantah kenaikan jarak-harga kepada paras yang lebih wajar. Di samping itu penjualan timah oleh Kerajaan Amerika Syarikat dari Stok Penimbal General Services Administration (GSA)nya telah memburukkan lagi pasaran timah antarabangsa. Oleh yang demikian, Kerajaan sedang mengambil langkah untuk merapatkan lagi kerjasama dengan lain-lain negara pengeluar timah dalam usaha-usaha untuk menstabilkan lagi pasaran timah dan untuk melindungi kepentingan industri timah.

Dari sudut mendapatkan kemudahan memasuki pasaran-pasaran asing, Kerajaan akan terus menghadiri dan mengambil bahagian yang aktif di dalam forum-forum antarabangsa seperti UNCTAD dan Perjanjian Umum Mengenai Tarif dan Perdagangan (General Agreement on Tariff and Trade—GATT) yang membincangkan soal-soal berhubung dengan mewujudkan satu sistem perdagangan antarabangsa yang bebas dan adil. Di dalam hubungan ini, Malaysia akan senantiasa berusaha untuk mendapatkan pengurangan tarif ke atas barang-barang

perkilangan dan separuh perkilangannya, terutamanya keluaran-keluaran perkilangan yang berasaskan kepada bahan-bahan utama negara ini. Begitu juga, Malaysia akan terus menggesa negara-negara maju untuk membuka pasaran mereka dan membubarkan sekatan-sekatan perdagangan bukan tarif seperti kuota, keperluan lesen import dan sebagainya, yang menyekat pertumbuhan eksport barang-barang Malaysia.

Dalam hal ini juga, Kerajaan akan terus mengadakan perbincangan-perbincangan dua hala dengan negara-negara rakan perdagangannya untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan kemasukan barang perkilangan Malaysia. Melalui perbincangan pelbagai hala pula, Malaysia dan anggota-anggota ASEAN lainnya akan terus mengadakan dialog dengan negara-negara maju yang merupakan pengguna-pengguna bahan utama kita dengan tujuan yang sama juga.

DAGANGAN TUKARBARANG FILIPINA-SABAH—MEMBERHENTIKAN

21. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pedagang tukarbarang Filipino yang ditangkap di Sabah kerana mempunyai senjata dan dadah; bilangan mereka yang telah dituduh di mahkamah atas kesalahan yang sama dan sama ada Kerajaan akan menimbang memberhentikan dagangan tukarbarang di antara Filipina dan Sabah, jika tidak, kenapa.

Dato' Musa Hitam: Dalam tahun ini sehingga bulan Februari, seramai 5 orang pedagang tukarbarang bangsa Filipino telah ditangkap di Sabah atas kesalahan memiliki ganja dan tiada sebarang tangkapan berhubung dengan kesalahan memiliki senjata. Mereka ini telah dituduh di mahkamah dan sedang menunggu perbicaraan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan belum bercadang untuk memberhentikan dagangan tukarbarang antara Filipina dan Sabah kerana sudah menjadi dasar kerajaan untuk meningkatkan hubungan perdagangan dengan negara-negara jiran.

KESESAKAN LALULINTAS

22. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa kesesakan lalulintas membawa kepada kelambatan perjalanan kenderaan. Jika sedar apakah tindakan Kementerian yang berkenaan untuk mengelakkan perkara yang tersebut dan apakah langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan Lebuhraya yang dirancang oleh Kerajaan dari Perlis ke Johor.

Datuk S. Samy Vellu: Kementerian ini sedar bahawa kesesakan lalulintas adalah membawa kepada kelambatan perjalanan kenderaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini setiap masa mengemaskini rekod jumlah lalulintas di jalan-jalan yang sedia ada dan mengkaji rekod tersebut. Berdasarkan kepada kajian ini, Kementerian saya mengambil tindakan yang sewajarnya iaitu samada untuk memperbaiki atau membina jalan baru supaya jalan-jalan tersebut dapat menampung keadaan kesesakan lalulintas.

Untuk melaksana lebuhraya yang dicadangkan, Kerajaan telah menubuahkan satu badan berkanun iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia sebagai agensi pelaksana. Agensi itu telah mengambil tindakan untuk membina lebuhraya dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru. Pembinaan ini adalah dibahagikan kepada beberapa "package" dan package-package tersebut dijalankan dalam tempoh yang sama seberapa yang boleh.

KOMPLEKS KASTAM DI JOHOR BAHRU

23. Datuk Lee Boon Peng minta Menteri Kewangan menyatakan apa tindakan-tindakan positif yang akan diambil supaya meningkatkan kekesaran (efficiency) di tempat-tempat kawalan kastam dan kemudahan-kemudahan di jalan tambak di Johor Bahru.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Untuk mengekalkan kecekapan yang tinggi Jabatan Kastam dan Eksais sentiasa mengkaji polisi serta peraturan-peraturannya dan sentiasa

mengeluarkan arahan kepada pegawai-pegawaiannya di stesen. Selain daripada itu, Jabatan akan sentiasa mengkaji keperluan-keperluan dari segi kelengkapan dan gunatenaga bagi membolehkan pegawai-pegawai mereka menjalankan tugas mereka dengan cekap. Sebagai contoh, waktu bekerja di Kompleks Kastam di Johor Bahru telah ditambah dari 6 pagi hingga 9 malam.

Berkenaan dengan Kompleks Kastam di Johor Bahru, satu jawatankuasa di Peringkat Yunit Penyelarasan dan Perlaksanaan telah ditubuhkan bagi:

- (a) memperbaiki kemudahan-kemudahan pemeriksaan penumpang;
- (b) menyelaraskan aktiviti-aktiviti Jabatan Kastam dengan Jabatan Imigresen;
- (c) untuk memperbaiki dan memperindahkan kawasan itu secara keseluruhan;
- (d) pembinaan jejambat baru untuk melicinkan lagi pergerakan keluar masuk kenderaan-kenderaan.

PERANAN MAMPU

24. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan apakah peranan MAMPU boleh menguntungkan negara, khasnya orang-orang Melayu, dengan adanya penyiasatan dan soaljawab terhadap agensi Kerajaan oleh Kumpulan Ahli MAMPU. Jika benar, sejauh manakah kejayaannya.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: MAMPU telah ditubuhkan dalam tahun 1977 dan peranan-peranan asasnya ialah untuk:

- (a) merancangkan pemodenan sistem pentadbiran serta memberi perkhidmatan perundingan kepada perkhidmatan awam;
- (b) menjalankan serta menyelaraskan proses-proses perancangan serta kemajuan tenaga manusia.

Tugas-tugas ini dilaksanakan dengan menjalankan berbagai penyelidikan berhubung dengan masalah pentadbiran dan pengurusan di Kementerian-kementerian serta di Jabatan-jabatan di peringkat

Persekutuan, negeri dan daerah, seperti yang diminta sendiri atau diarahkan oleh pihak Kerajaan. Tugas itu melibatkan penyusunan semula struktur organisasi, memodenkan susunatur pejabat, memperbaiki sistem perjalanan kerja, sistem maklumat dan juga sistem penyimpanan fail-fail dan rekod di pejabat itu di samping membawakan teknik-teknik dan innovasi-innovasi baru bagi memperbaiki lagi sistem pengurusan di pejabat itu pada keseluruhannya. Setakat ini kira-kira 134 kajian sudah dibuat di bidang ini di samping menyediakan kertas-kertas kerja untuk timbangan Jawatankuasa Pentadbiran Pembangunan Negara dan lain-lain Jawatankuasa.

Dari segi perancangan tenaga manusia, MAMPU menjalankan berbagai-bagai kajian dan usaha untuk mengumpul maklumat mengenai kedudukan tenaga manusia mahir yang ada pada masa ini, keperluannya di masa akan datang dan mengesan tindakan-tindakan yang perlu supaya keperluan masa akan datang itu dapat dipenuhi. MAMPU hanya menyelaraskan kerja-kerja perancangan dan analisa tenaga manusia sedangkan tugas-tugas sebenarnya dijalankan oleh agensi-agensi yang berkenaan. Setakat ini, kira-kira 15 kajian besar dan kecil telah dijalankan dan hasilnya sedang dikaji dan dilaksanakan oleh agensi-agensi yang terlibat.

Antara keuntungan atau faedah kepada negara, khasnya orang-orang Melayu, yang diperolehi dari kegiatan-kegiatan MAMPU itu ialah, dengan menambah kecekapan hasil kerja dan kekesaran pengurusan melalui pemodenan serta penggunaan teknik-teknik pengurusan baru, segala usaha pentadbiran Kerajaan akan dapat dipertingkatkan. Dengan itu, maklumat-maklumat pembangunan Kerajaan akan didapati dengan lebih berkesan baik untuk faedah rakyat seluruhnya ataupun masyarakat bumiputra.

Berhubung dengan masyarakat Bumiputra, khususnya kajian-kajian MAMPU adalah juga melibatkan pemodenan pentadbiran di peringkat negeri dan daerah, iaitu sistem pentadbiran yang mempunyai hubungan paling rapat dengan masyarakat terutamanya masyarakat luarbandar yang kebanyakannya terdiri dari kaum Bumiputra. Pemodenan

sistem pentadbiran daerah adalah bertujuan untuk mengemaskinlagi jentera pelaksanaan pembangunan di peringkat itu untuk membolehkan masyarakat luarbandar mencapai nikmat pembangunan dengan lebih segera di samping memudahkan lagi cara-cara mereka berurus dengan Kerajaan. Setakat ini, sebanyak 23 kajian telah dibuat terhadap sistem pentadbiran Negeri dan Daerah. Sebanyak empat buah Pejabat Daerah Contoh telah diwujudkan, iaitu di Kelantan, Kedah, Selangor dan Negeri Sembilan adalah tujuan Kerajaan untuk mewujudkan sebuah Pejabat Daerah Contoh di tiap-tiap Negeri suapaya pejabat-pejabat Daerah yang lain akan dapat menggunakan sebagai rujukan bagi memodeni sistem pentadbiran dan pengurusan sendiri.

Di samping itu, MAMPU juga menjalankan kajian-kajian pemodenan secara umum seperti memperbaiki lagi sistem penilaian prestasi pegawai-pegawai, melancarkan penggunaan sistem Kad Perakam Waktu, mengkaji dan menimbang keperluan menggunakan komputer serta alat-alat moden yang lain di samping melaksanakan arahan-arahan lain yang berhubung dengan pemberian sistem pengurusan dan pentadbiran di negara ini.

Memandangkan tugas-tugas dan peranan yang dijalankan oleh MAMPU sebagai sebuah agensi perunding dan penyelidik Kerajaan mengenai perkara-perkara pengurusan dan pentadbiran, Kerajaan puashati bahawa ia telah memberi faedah sewajarnya dan masyarakat Bumiputra.

PENABUR FITNAH—TINDAKAN

25. Tuan Haji Ibrahim bin Mohamed minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar penabur fitnah itu lebih merbahaya dari Komunis dan boleh merosakkan keselamatan dan ketenteraman awam. Oleh itu apakah tindakan setimpal yang boleh diambil terhadap orang-orang yang mengamalkan fitnah itu.

Dato' Musa Hitam: Kerajaan memang sedar adanya segolongan masyarakat yang giat membuat/menabur fitnah sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa di dalam sebuah negara demokrasi seperti negara kita, kebebasan bercakap dan mengeluarkan pendapat adalah dijamin oleh Perlembagaan negara. Namun begitu, Kebebasan yang diberikan itu ada mempunyai batas-batas tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi.

Kerajaan adalah sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan semua pihak dan jika sekiranya didapati percakapan atau perbuatannya menyalahi undang-undang negara atau boleh mengancam keadaan ketenteraman awam atau keselamatan negara maka tindakan sewajarnya di sisi undang-undang akan diambil.

PEGAWAI-PEGAWAI/KAKITANGAN KERAJAAN MENGISYTIHARKAN HARTA

26. Tuan Seow Hun Kim minta Perdana Menteri menyatakan samada benar bahawa arahan asal beliau, hanya pegawai-pegawai awam Superscale "D" dan ke atas dan Ketua ketua Jabatan sahaja dikehendaki mengumumkan harta mereka masing-masing; jika ya, siapakah pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang telah salah faham kandungan arahan beliau sehingga semua pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan dikehendaki mengumumkan harta mereka; berapa banyakkah wang telah membazir atas salah faham ini dan samada tindakan tatatertib akan diambil terhadap pegawai-pegawai yang berkenaan itu.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Adalah benar bahawa saya telah mengarahkan supaya pegawai-pegawai Kerajaan dalam Tingkatan Tertinggi "D" ke atas dan semua Ketua Jabatan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah supaya mengisyiharkan harta masing-masing. Dalam pada itu, sebagaimana yang dikehendaki oleh Perintah Am 8, Bab "D", 1980, semua pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah dikehendaki mengisyiharkan harta mereka dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh mereka dalam perkhidmatan Kerajaan, dan juga, apabila memiliki sesuatu harta dalam tempoh

perkhidmatan mereka. Oleh hal yang demikian, sangkaan orang ramai bahawa pegawai-pegawai kanan Kerajaan telah salah faham kandungan arahan saya tidaklah berbangkit. Apa sebenarnya yang diputuskan oleh Kerajaan baru-baru ini ialah bahawa pegawai-pegawai dalam Tingkatan Tertinggi "D" ke atas dan Ketua-ketua Jabatan adalah dikehendaki mengisyiharkan harta mereka mengikut borang-borang seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1981. Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang lain masih tertakluk kepada Perintah Am yang berkenaan, tetapi tidak perlu menggunakan borang-borang pengisyiharan seperti yang digunakan oleh pegawai-pegawai dalam Tingkatan Tertinggi "D" ke atas dan Ketua-ketua Jabatan.

Pembaziran wang dan tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai berkenaan tidak berbangkit dalam perkara ini.

TV MALAYSIA—MENGURANGKAN RANCANGAN HIBURAN

27. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Penerangan menyatakan samada seruan yang dibuat oleh pemimpin-pimpin tertinggi Kerajaan supaya rakyat Malaysia meniru sifat rajin rakyat Negara Jepun dan Korea itu boleh diertikan dalam media massa kita seperti TV dengan mengurangkan ataupun menghapuskan langsung filem-filem yang berbentuk hiburan yang boleh menghayalkan muda-mudi kita, dengan menggantikannya dengan filem-filem dan rencana yang bercorak kerjaya dan berdikari.

Datuk Mohamed bin Rahmat: RTM telah dan sedang berusaha untuk memperseimbangkan sukanan rancangan-rancangan importnya supaya tidak dibanjiri oleh rancangan-rancangan dari sesuatu sumber yang tertentu sahaja. Berkaitan dengan seruan Kerajaan untuk mencari sumber ilham kerajinan serta sikap berdikari dan berdisiplin dari negara-negara maju di Timur seperti Jepun dan Korea, RTM telah meningkatkan lagi usaha-usahanya untuk mendapat rancangan-rancangan yang memaparkan semangat ini dari negara-negara

tersebut. Kebelakangan ini, TV Malaysia telah menyiarkan 12 rancangan rencana mengenai berbagai aspek kehidupan di Jepun dan Korea. Rancangan-rancangan lain sedang ditempah. Walau bagaimanapun, sumber rancangan-rancangan dari negara-negara ini tidaklah sebeginu banyak seperti yang terdapat dari negara-negara barat.

Oleh yang demikian, tidaklah bermakna siaran rancangan-rancangan ini akan mengakibatkan penghapusan sama sekali siaran rancangan-rancangan yang berbentuk hiburan. Imbalan yang sihat dan wajar harus dikekalkan antara rancangan-rancangan yang berbentuk hiburan dan bimbingan. Dalam pada itu RTM senantiasa berhati-hati dalam pemilihan rancangan-rancangan yang berbentuk hiburan supaya tidak menghayalkan muda-mudi kita ke arah yang tidak manfaat.

BAHAN KURIKULUM 3M

29. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar para pendidik dan ibubapa murid-murid sekolah rendah China dan Tamil tidak menerima bahan-bahan pengajaran yang digubal dan dikarang dalam Bahasa Malaysia untuk digunakan sebagai bahan pengajaran dalam sekolah-sekolah rendah China dan Tamil dan mereka mahukan segala bahan-bahan pengajaran sistem 3M itu digubal dan dikarang pada asalnya dalam Bahasa China dan Tamil sejajar dengan memelihara dan mengekalkan bahasa ibunda mereka.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Bahan-bahan kurikulum 3M terdiri daripada 2 jenis:

- (i) Bahan untuk kegunaan dan rujukan guru seperti Sukatan Pelajaran, Buku Panduan Am, Buku Panduan Khas dan Buku Sumber.
- (ii) Bahan untuk kegunaan murid seperti kad-kad imbasan/kad-kad bacaan dan lain-lain.

Bahan yang digunakan untuk keperluan pengajaran di bilik darjah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan (Tamil) adalah dikarang dan disusun dalam bahasa China dan Tamil dengan libatan guru-guru dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China)/(Tamil).

Oleh itu, adalah tidak benar bahan-bahan pengajaran untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China)/(Tamil) digubal dan dikarang dalam Bahasa Malaysia.

DAKWAH—KERJASAMA MALAYSIA/ KUWAIT/ARAB SAUDI

30. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kerjasama di bidang Dakwah di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan-Kerajaan Kuwait dan Arab Saudi setakat ini.

Dato' Haji Mohammad bin Nasir: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkara-perkara yang boleh dikatakan termasuk dalam bidang dakwah adalah begitu luas. Jika apa yang dimaksudkan di dalam pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat itu meliputi juga perkara-perkara seperti mengadakan kemudahan-kemudahan untuk mempelajari ilmu pengetahuan yang ada kaitan dengan Islam dan sebagainya, memanglah ada kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan-kerajaan Kuwait dan Arab Saudi. Kedua-dua negara tersebut telah memberi kerjasama mereka dengan memberi tempat-tempat dan biasiswa kepada sebahagian daripada pelajar-pelajar kita yang menuntut di sana. Negara-negara tersebut juga pernah memberi bantuan kepada institusi-institusi ugama yang terdapat di negara ini. Di samping itu, Kerajaan negara-negara tersebut juga telah menyatakan hasratnya untuk memperluaskan lagi kerjasama dengan negara kita dalam bidang-bidang tersebut.

MAKANAN DALAM KANTIN SEKOLAH

31. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar murid-murid bukan Melayu tidak dijual makanan dalam kantin sekolah-sekolah semasa bulan puasa; jika ya, beri sebab-sebab.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Setakat ini tidak ada sebarang Surat Pekeliling atau arahan dari Kementerian Pelajaran untuk menghalang kantin sekolah-sekolah menjual makanan semasa bulan puasa kepada murid-murid bukan Melayu atau bukan berugama Islam. Keputusan sama ada kantin sekolah

perlu dibuka atau tidak pada bulan puasa adalah terpulang kepada kebijaksanaan pihak pentadbiran sekolah dan penjaga kantin. Di antara faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pihak pentadbiran sekolah dan penjaga kantin sekolah adalah seperti berikut:

- (a) Bilangan pembeli/pengguna, iaitu bilangan murid-murid yang memerlukan perkhidmatan kantin dalam bulan puasa;
- (b) Kesanggupan pekerja-pekerja kantin untuk bekerja dalam bulan puasa;
- (c) Keuntungan yang diperolehi oleh pihak penjaga kantin;
- (d) Syarat-syarat tender yang dikenakan oleh pihak pentadbiran sekolah dan dipersetujui oleh pihak penjaga kantin.

SISTEM PELAJARAN 3M

32. Tuan P. Patto minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sistem pelajaran 3M yang diumumkan akan dilaksanakan di semua sekolah bermula dengan Darjah Satu pada 1983 boleh mempastikan penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira oleh anak-anak kita di bawah sistem ini tentu lebih baik daripada sistem yang ada sekarang, jika ya, bagaimanakah beliau dapat mengambil keputusan itu; dan jika tidak, mengapakah Kerajaan masih berdegil dalam perlaksanaan sistem 3M mulai 1983.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kurikulum baru sekolah-sekolah adalah digubal dengan berdasarkan kepada perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengesyorkan, "Kementerian Pelajaran mengambil langkah tertentu supaya pendidikan di peringkat rendah bercorak pendidikan asas dengan memberi penegasan kepada pendidikan dalam bidang 3M iaitu membaca, menulis dan mengira."

Kurikulum baru sekolah rendah yang dirancang itu memberi penegasan kepada pencapaian kemahiran asas 3M. Peruntukan masa yang diberikan kepada bidang ini ialah sebanyak 77.2% daripada jumlah masa belajar keseluruhannya bagi Tahap I dan 46.4% bagi Tahap II. Kurikulum yang ada

sekarang didapati tidak memberi penekanan yang cukup kepada kemahiran asas. Dipandang dari segi ini sahaja pun Kerajaan yakin bahawa penguasaan murid dalam kemahiran asas yang dapat dihasilkan oleh kurikulum 3M adalah lebih baik daripada kurikulum yang ada sekarang. Di samping itu, daripada lawatan-lawatan yang dibuat untuk mengesan pelaksanaan Kurikulum 3M di sekolah-sekolah menunjukkan bahawa murid-murid lebih tertarik dan lebih aktif untuk belajar, guru-guru bertambah yakin, dan kemahiran yang telah dapat dicapai oleh murid-murid sangat menggalakkan.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ-KOLEJ UNIVERSITI—KAJIAN SEMULA

33. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran memberi satu laporan kemajuan tentang pengkajian semula yang dibuat terhadap Akta Universiti dan Kolej-kolej Universiti, berapakah perwakilan atau memorandum yang diterima, perkara-perkara utama yang dibuat oleh perwakilan-perwakilan tersebut dan masa berapa lamakah Kerajaan akan mengambil untuk mengemukakan pindaan-pindaan kepada Akta tersebut dalam Parlimen, dan bahagian-bahagian di mana mungkin pindaan-pindaan akan dibuat.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran telah menerima pandangan-pandangan dari beberapa buah universiti dan masih lagi menunggu pandangan-pandangan daripada beberapa buah universiti-universiti tempatan yang lain mengenai perkara ini. Mengenai pandangan memorandum tersebut, saya berpendapat adalah tiada wajar bagi saya setakat ini mengumumkan perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Sementara itu Kementerian sendiri sedang mengkaji cadangan-cadangan ini. Dalam pada itu satu memorandum telah diterima daripada Persatuan Alumni Undang-Undang Universiti Malaya (PALUUM).

SISTEM PELAJARAN 3M

34. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan di bawah sistem 3M, apakah semua buku pengajaran termasuk

buku-buku bacaan, buku-buku panduan am dan panduan khas, buku-buku sumber, buku-buku tambahan dan alat-alat pengajaran untuk darjah-darjah di semua peringkat di sekolah-sekolah rendah jenis Kebangsaan China dan Tamil melainkan pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris akan atau telah dikanang dan disusun dalam bahasa ibunda; jika ya, nyatakan samada bahan-bahan dan alat-alat pengajaran itu disusun secara langsung atau diterjemahkan daripada Bahasa Malaysia dan sekiranya diterjemahkan daripada Bahasa Malaysia dan sekiranya diterjemahkan sahaja, kenapa ia tidak dituliskan dalam bahasa ibunda.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Bahan-bahan Kurikulum 3M terdiri daripada dua jenis:

- (i) Bahan untuk kegunaan guru seperti Sukatan Pelajaran, Buku Panduan Am, Buku Panduan Khas dan Buku sumber. Bahan-bahan ini adalah disediakan dalam Bahasa Malaysia. Namun begitu penggubalannya adalah dengan penyertaan guru-guru semua jenis sekolah termasuk guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil.

Bahawa bahan-bahan guru yang tersebut ini adalah merupakan arahan untuk guru-guru dan disediakan dalam Bahasa Malaysia. Dalam pada itu, Kementerian Pelajaran tidak menghalang usaha untuk menterjemahkan bahan-bahan ini ke dalam bahasa China dan Tamil.

- (ii) Bahan untuk kegunaan murid seperti kad-kad imbasan, kad bacaan, buku teks, pita lagu-lagu untuk pelajaran Muzik, Moral dan Bahasa. Bahan-bahan ini disusun secara langsung dalam bahasa pengantar sekolah yang juga melibatkan guru-guru sekolah yang berkenaan. Bahan-bahan untuk setengahnya dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran dan setengahnya dikeluarkan oleh penerbit swasta. Bahan-bahan daripada Kementerian Pelajaran adalah disiapkan mengikut satu jadual rancangan. Bahan untuk murid-murid

tahun 2 misalnya, akan siap sebelum pertengahan tahun 1982, untuk murid-murid tahun 3 akan siap sebelum pertengahan tahun 1983, dan seterusnya.

KAWALAN KESELAMATAN PERAIRAN SABAH TIMUR

35. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kesannya kawalan yang dijalankan oleh pasukan keselamatan kita yang ditugaskan mengawal di perairan pantai timur Sabah khasnya di kawasan Silam dalam daerah Semporna; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang menempatkan terus tentera mengawal supaya keadaan keselamatan dapat dikawal daripada ditandatangani oleh lanun-lanun yang selalu mengancam para nelayan dan juga penduduk-penduduk kampong di kawasan tersebut.

Dato' Musa Hitam:

- (a) Kawalan yang dijalankan oleh pasukan keselamatan di perairan pantai timur Sabah khasnya di kawasan Silam dalam daerah Semporna adalah berkesan kerana kegiatan lanun di kawasan tersebut adalah terkawal.
- (b) Kerajaan bercadang untuk menempatkan terus pasukan keselamatan kita di timur Sabah selagi keadaan keselamatan di sana masih memerlukannya.

BELIA-BELIA—MERAPATKAN HUBUNGAN

36. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah perancangan-perancangan yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian beliau untuk memastikan kejayaan hendak merapatkan hubungan matlamat Belia-belia di Negara ini.

Datuk Mokhtar bin Haji Hashim: Untuk merapatkan hubungan belia-belia di Negara ini, Kementerian saya sedang menjalankan berbagai projek dengan tujuan merapatkan hubungan dan memperkuatkan perpaduan di kalangan belia. Program-program yang dilaksanakan, ialah Kursus Perpaduan, Khemah Perpaduan dan Lawatan Sambil Belajar. Dengan adanya program-program ini, maka matlamat merapatkan hubungan di antara belia berbagai kaum dapat dicapai.

Di samping itu, usaha menggabungkan pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di bawah satu majlis adalah juga satu langkah yang bertujuan, bagi menggalakkan hubungan rapat dan kerjasama di antara pertubuhan-pertubuhan belia.

UBI KENTANG—MENGGALAKKAN TANAMAN

37. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar mengenai kekurangan ubi kentang di negara ini dan jika ya, sama ada beliau akan menggalakkan penanaman ubi kentang di negara ini.

Dato Abdul Manan bin Othman: Sepanjang masa ini, Malaysia bergantung kepada import untuk membekalkan permintaan ubi kentang di negara ini. Import-import dan nilai import ubi kentang meningkat dari setahun ke setahun. Di tahun 1980, import bersih ubi kentang adalah 43,753 ton metrik dan nilainya ialah \$18.3 juta. Walau bagaimanapun, sepanjang pengetahuan Kementerian ini adalah didapati tiada kekurangan ubi kentang di pasaran pada masa sekarang.

Kementerian ini memang menggalakkan tanaman makanan yang sesuai di negara ini sama ada bagi tujuan sara-diri atau sebagai pengganti import. Walau bagaimanapun, ini akan bergantung kepada daya majunya tanaman itu. Pihak Jabatan Pertanian pernah menjalankan beberapa percubaan menanam ubi kentang di tanah gambut di Negri Johor sebelum tahun 1977, tetapi didapati hasilnya tidak menggalakkan. Selanjutnya MARDI juga ada membuat penyelidikan untuk mendapatkan sejenis ubi kentang yang sesuai

dari segi iklim dan tanah serta ekonomi dari segi pengeluarannya. Walau bagaimanapun, segala kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan tidak mendapatkan hasil yang memuaskan. Oleh sebab itu, MARDI telah mengambil keputusan tidak melanjutkan lagi percubaan menanam ubi kentang.

INDUSTRI KECIL DI LUAR BANDAR— MEMAJUKAN

38. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan untuk menguatkan semangat rakyat bagi mempergiatkan usaha mereka mengambil keputusan tidak melanjutkan lagi percubaan menanam ubi kentang.

Datuk Sanusi bin Junid: Untuk menguatkan semangat supaya mereka lebih giat berusaha dalam bidang industri kecil di luar bandar, Kerajaan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (a) Bagi syarikat-syarikat yang sedang berjalan dan menghadapi masalah-masalah pengurusan dan sebagainya, pihak kerajaan terutama melalui MARA, boleh memberikan khidmat nasihat memulihkannya;
- (b) Bagi mereka yang baru hendak memulakan perusahaan kecil, terutama mereka yang ada kemahiran dan pengetahuan pengurusan berkaitan dengan industri yang dipilihnya, pihak kerajaan juga sedia memberikan bimbingan dan bantuan secara menyeluruh iaitu meliputi aspek pinjaman, latihan, teknikal dan pasaran;
- (c) Selain daripada itu, kerajaan sentiasa giat mencari pasaran yang lebih baik dan luas di luar negeri serta memperbaiki jentera pasaran produk-produk industri kecil;
- (d) Satu usaha lain yang penting untuk menguatkan semangat rakyat ialah mengemaskinikan teknologi-teknologi industri kecil supaya usaha mereka menjadi lebih efisen dan dengan demikian mendapatkan keuntungan yang lebih lumayan.

SISTEM PELAJARAN 3M

39. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyahut ketakutan ibubapa-ibubapa dan pendidik-pendidik bahawa pelaksanaan sistem 3M di sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil akan mengubah ciri sekolah-sekolah tersebut, dan sama ada langkah-langkah sedang diambil untuk menggantungkan pelaksanaan sistem 3M itu sehingga pengubahsuaian dibuat untuk memastikan ciri sekolah-sekolah rendah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar tidak akan berubah.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sebenarnya saya kurang faham apakah yang dimaksudkan dengan istilah pengubahan "ciri" Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Setahu saya, sejarah dengan Perakuan Pertama dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet yang saya sebutkan tadi, sistem persekolahan peringkat rendah yang ada sekarang yang menggunakan tiga bahasa pengantar akan diteruskan.

Ini bermakna yang sekolah kebangsaan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar akan terus wujud. Bukan sahaja mereka terus wujud, malahan masa untuk mempelajari bahasa-bahasa pengantar di sekolah-sekolah tersebut ditambah, melalui Kurikulum 3M ini. Oleh itu, ibubapa-ibubapa dan pendidik-pendidik tidak perlu bimbang mengenai pelaksanaan Kurikulum 3M ini. Soal penggantungan pelaksanaan Kurikulum ini tidak timbul.

KESESAKAN DI PEJABAT PENGANGKUTAN JALAN

41. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa barisan menunggu giliran yang panjang di Pejabat-pejabat PPKM sudah menjadi suatu kebiasaan; jika ya, apakah langkah-langkah beliau bercadang mengambil untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Lee San Choon: Saya sedar mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bagi mengatasinya, Jabatan Pengangkutan Jalan telah dan sedang mengambil berbagai langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah pengguna-pengguna perkhidmatan pengangkutan jalan yang terpaksa berbaris menunggu giliran yang panjang dan lama di kaunter-kaunter Pejabat Pengangkutan Jalan di seluruh negara.

Di hantar langkah-langkah jangka panjang ialah dengan membina pejabat-pejabat kecil, pejabat-pejabat cawangan dan membesarkan ruang pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan di Ibu Negeri. Setakat ini, Jabatan Pengangkutan Jalan telah menubuhkan sebanyak 12 buah pejabat kecil sementara dengan tujuan mengurangkan kesesakan di kaunter-kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan yang sedia ada.

Jabatan Pengangkutan Jalan telah memperkenalkan sistem komputer pada awal tahun ini dan melancarkan projek SIKAP (Sistem Informasi Kenderaan dan Pemandu). Sistem ini bertujuan untuk meninggikan mutu perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan supaya orang ramai boleh mendapatkan maklumat-maklumat dan perkhidmatan yang cepat tanpa menunggu masa lama.

Perkhidmatan "drive-in counter" untuk urusan memperbaharui lesen memandu dan cukai jalan akan dilaksanakan untuk memberi perkhidmatan pengangkutan jalan secepat mungkin kepada rakyat. Beberapa langkah jangka pendek telah diambil untuk mengatasi kesesakan di Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan. Di antaranya ialah dengan membuka kaunter pada masa rehat makan tengahari dan melanjutkan perkhidmatan kaunter bagi membaharui cukai jalan dan lesen memandu sehingga pukul 3.30 petang pada hari bekerja setengah hari pada waktu-waktu kesibukan.

Kerjasama daripada orangramai juga diharapkan supaya lebih awal lagi membaharui cukai jalan dan lesen memandu dan jangan menunggu pada saat-saat terakhir.

Adalah diharapkan dengan adanya langkah-langkah tersebut, masalah pengguna-

pengguna perkhidmatan di Pejabat Pengangkutan Jalan yang terpaksa berbaris menunggu giliran yang panjang akan dapat diatasi.

RASUAH—JUMLAH KES DISIASAT

42. Tuan Wong Hoong Keat minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kes-kes yang disiasat dan jumlah kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah di bawah pentadbiran baru dan masalah-masalah ditempoh oleh Biro Siasatan Negara dalam tugas penyiasatannya untuk membasmi rasuah.

Perdana Menteri: Jumlah kes rasuah yang disiasat antara bulan Julai 1981 hingga bulan Februari, 1982 ialah sebanyak 2,177. Dalam tempoh itu, sebanyak 107 kes telah dibawa ke mahkamah.

Masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Biro Siasatan Negara dalam menjalankan tugas-tugas penyiasatannya ialah:

- (i) Bagi setengah-setengah kes adalah sukar untuk mengesan saksi-saksi kerana mereka telah berpindah ke tempat lain dari masa ke semasa.
- (ii) Ada setengah saksi yang tidak sanggup tampil ke hadapan untuk pergi ke mahkamah kerana khuatir tindakan balas oleh pihak yang didakwa.
- (iii) Ada setengah saksi enggan pergi ke mahkamah kerana pada fikiran mereka banyak masa terbuang dan mereka mengalami kerumitan yang tidak biasa dialami dalam kehidupan sehari-hari mereka.
- (iv) Kekurangan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu seperti akaun, kejuruteraan dan sebagainya.
- (v) Kekurangan alat-alat bantuan teknik yang moden sekali untuk membantu siasatan yang sophisticated.
- (vi) Kekurangan pegawai-pegawai yang benar-benar mahir dalam bidang penyiasatan.

Walau bagaimanapun, Biro Siasatan Negara sedang berusaha dengan giatnya

untuk mengatasi masalah-masalah tersebut, termasuklah meningkatkan pengambilan pegawai-pegawai baru termasuk pegawai-pegawai profesional seperti akauntan dan jurutera, memberi latihan lengkap kepada pegawai-pegawai siasatan serta mendapatkan alat-alat bantuan teknik yang lebih moden.

RASUAH DI JABATAN TANAH DAN GALIAN, PULAU PINANG— HASIL SIASATAN

43. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan hasil penyiasatan BSN atas perkara penyelewengan dan rasuah dalam Jabatan Tanah dan Galian Pulau Pinang dalam tahun yang lalu, berikutan dengan kenyataan yang telah dibuat dalam Dewan ini pada 21hb Oktober, 1981 yang menyatakan bahawa siasatan sedang dijalankan.

Perdana Menteri: Biro Siasatan Negara telah pun selesai menjalankan siasatan terhadap kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Setelah dikaji dengan mendalam didapati tidak ada bukti-bukti yang nyata untuk dipertengahkan bagi tindakan mahkamah.

PERLAKSANAAN SISTEM 3M

44. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar badan-badan pendidikan Cina dan Tamil serta ibubapa murid-murid sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil menentang pelaksanaan sistem 3M di sekolah-sekolah berkenaan kerana pelaksanaan sistem itu akan mengubah ciri sekolah-sekolah berkenaan; jika ya, sama ada Kerajaan akan menggantungkan pelaksanaan sistem 3M di sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil dengan serta-merta.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran sedar mengenai adanya golongan-golongan yang menentang perlaksanaan Kurikulum 3M di kalangan badan-badan pendidikan Cina dan ibubapa murid-murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Ini berlaku kerana golongan-golongan ini telah mendapat

gambaran yang mengelirukan mengenai rancangan Kurikulum 3M. Kerajaan tidak bercadang hendak mengubah ciri-ciri Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan dengan itu adalah tidak perlu Kerajaan menggantungkan perlaksanaan sistem 3M di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina).

PUSAT TAHRANAN PULAU JEREJAK— KEKACAUAN

45. Tuan P. Patto minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab berlakunya kekacauan baru-baru ini dalam tempat perlindungan di Pulau Jerejak dan apa tindakan telah diambil supaya tidak berlakunya kekacauan-kekacauan seumpama itu.

Dato' Musa Hitam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekacauan-kekacauan yang berlaku di Pusat Tahanan Pulau Jerejak adalah berpuncu di antaranya:

- (1) Perselisihan yang memang telah wujud di kalangan orang-orang tahanan itu sendiri sebelum daripada kejadian yang berkenaan.
- (2) Salah pemahaman mengenai peraturan-peraturan baru yang dikenakan oleh pihak berkuasa Pulau Jerejak demi kepentingan pentadbiran dan keselamatan.
- (3) Terdapatnya golongan tertentu yang menghasut dan mengapi-apikan rasa tidak puas hati di kalangan orang-orang tahanan terhadap tindakan disiplin yang dikenakan kepada mereka berhubung kesalahan tatatertib yang dilakukan oleh orang-orang tahanan.

Kementerian ini mengambil perhatian berat terhadap kejadian tersebut. Untuk mengelakkan dari berlaku lagi rusuhan tersebut, pihak Polis dan Jabatan Penjara telah diarahkan supaya orang-orang tahanan itu diambil tindakan disiplin yang ketat termasuklah dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya dengan kes yang dilakukannya. Pihak Jabatan Penjara juga telah mengambil langkah mengasingkan orang tahanan yang terlibat dengan pergaduhan tersebut di pusat pemulihan yang lain.

BAHAN KURIKULUM 3M

46. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada bahan-bahan ajaran 3M untuk Darjah Dua, Tiga, Empat, Lima dan Enam sudah pun siap dan jika tidak, nyatakan bilakah setiap set untuk darjah-darjah tersebut akan siap; dan mengapa Kementerian Pelajaran tidak benarkan bahan-bahan ajaran untuk dikarang pada asalnya dalam bahasa Mandarin dan Tamil untuk sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil dan bukan menterjemahkannya dari versi Bahasa Malaysia.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Bahan-bahan Kurikulum 3M terdiri daripada dua jenis:-

- Bahan untuk kegunaan murid seperti kad-kad imbasan, kad bacaan, bahan bacaan, buku teks, pita lagu-lagu untuk pelajaran Muzik, Moral dan Bahasa. Bahan-bahan ini disusun secara langsung dalam bahasa pengantar sekolah dengan melibatkan guru-guru sekolah yang berkenaan.

Bahan-bahan untuk murid setengahnya dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran dan setengahnya dikeluarkan oleh penerbit swasta. Bahan-bahan daripada Kementerian Pelajaran adalah disiapkan mengikut satu jadual rancangan. Bahan untuk murid-murid tahun 2 misalnya, akan siap sebelum pertengahan tahun 1982, untuk murid-murid tahun 3 akan siap sebelum pertengahan tahun 1983, dan seterusnya. Kementerian Pelajaran telah memberi taklimat kepada 108 penerbit-penerbit swasta untuk menghasilkan bahan bacaan tambahan sebagai tambahan kepada bahan-bahan yang telah sedia ada.

- Bahan untuk kegunaan guru ialah seperti Sukatan Pelajaran, Buku Panduan Am, Buku Panduan Khas dan Buku Sumber. Bahan-bahan ini adalah disediakan dalam Bahasa Malaysia. Namun begitu penggubalannya adalah dengan penyertaan guru-guru semua jenis sekolah termasuk guru Sekolah

Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

Bahawa bahan-bahan guru yang tersebut ini adalah merupakan arahan untuk guru-guru dan disediakan dalam Bahasa Malaysia. Dalam pada itu, Kementerian Pelajaran tidak menghalang usaha untuk menterjemahkan bahan-bahan ini ke dalam bahasa Cina dan Tamil.

MATA-PELAJARAN KURIKULUM 3M

47. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan waktu pengajaran yang ditetapkan untuk setiap mata-pelajaran di bawah sistem 3M untuk Darjah I, II, III, IV, V dan VI di semua sekolah rendah dan juga nyatakan apakah bahasa pengantar yang akan digunakan untuk mengajar mata-pelajaran-mata-pelajaran tersebut serta bahasa pengantar peperiksaan yang bakal diadakan berkait dengannya.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Peruntukan masa belajar yang ditetapkan bagi tiap-tiap mata-pelajaran dalam Kurikulum 3M adalah seperti berikut:

Peruntukan masa Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Kebangsaan ialah 780 minit seminggu untuk tahun 1 dari bulan Januari hingga Jun. Mulai bulan Julai peruntukan masanya ialah 540 minit seminggu dan ini berterusan hingga tahun 3. Mulai tahun 4 hingga 6 mata-pelajaran Bahasa Malaysia diberi peruntukan masa sebanyak 420 minit seminggu. Bahasa Inggeris mula diajarkan kepada murid-murid tahun 1 pada bulan Julai dengan peruntukan masa sebanyak 240 minit seminggu. Keadaan ini berterusan sehingga tahun 3. Mulai tahun 4 hingga tahun 6 peruntukan masa bagi mata-pelajaran ini ialah sebanyak 270 minit seminggu.

Bagi mata-mata pelajaran lain peruntukan masanya tidak berubah dari tahun 1 hingga tahun 6, iaitu Matematik 240 minit seminggu, Pendidikan Agama Islam bagi murid-murid Islam dan Pendidikan Moral bagi murid-murid bukan Islam masing-masing 150 minit seminggu, mata-pelajaran Muzik 50 minit seminggu. Pendidikan Seni 50 minit seminggu dan Pendidikan Jasmani 50 minit seminggu.

Mata-pelajaran Alam dan Manusia diberi peruntukan masa sebanyak 210 minit seminggu dan mula diajarkan pada Tahun 4. Peruntukan masa bagi mempelajari bahasa Cina di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Bahasa Tamil di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) adalah sama dengan peruntukan masa bagi Bahasa Malaysia di Sekolah Kebangsaan. Peruntukan masa bagi mata-pelajaran Matematik, Pendidikan Moral, Muzik, Pendidikan Seni, Pendidikan Jasmani dan Alam Manusia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan juga tidak berbeza dengan yang di Sekolah Kebangsaan. Mata-pelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) mula diajarkan pada bulan Julai Tahun 1 dengan peruntukan masa sebanyak 240 minit seminggu. Keadaan ini berterusan hingga tahun 2. Mulai tahun 3 hingga tahun 6 peruntukan masa bagi mata-pelajaran ini ialah 180 minit seminggu. Mata-pelajaran Bahasa Inggeris pula mula diajarkan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) pada tahun 3 seperti yang dijalankan pada masa ini. Murid-murid tahun 3 diberi peruntukan masa sebanyak 60 minit seminggu dan mulai Tahun 4 hingga 6 peruntukan masanya ialah 90 minit seminggu. Jumlah masa belajar di semua jenis sekolah rendah adalah sama iaitu 1,320 minit seminggu bagi Tahap 1 dan 1,440 minit seminggu bagi Tahap II.

Bahasa Pengantar ialah Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Kebangsaan, bahasa Cina di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan bahasa Tamil di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Bahasa yang digunakan untuk keperluan peperiksaan adalah bahasa pengantar sekolah iaitu Bahasa Malaysia bagi Sekolah Kebangsaan, bahasa Cina bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan bahasa Tamil bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil).

KURIKULUM 3M—SAMBUTAN RAKYAT

48. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa amaran yang diberikan oleh beliau dan Timbalannya baru-baru ini mengenai Kurikulum 3M telah menimbulkan rasa tak

puas hati di kalangan rakyat, dan sama ada beliau sedia mengadakan satu pungutan suara untuk menilai keinginan rakyat sama ada mereka berkehendakkan Kurikulum 3M dilaksanakan dalam Sekolah Rendah Cina dan Tamil di seluruh negara.

Perdana Menteri: Saya telahpun menjawab soalan-soalan ini semasa menjawab soalan No. 4 hari ini. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

SISTEM 3M—PERBINCANGAN

49. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa pihak polis menolak permohonan yang dibuat oleh Dewan Perhimpunan China Selangor untuk mengadakan mesyuarat dengan pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan dan guilds China dan di Perak pula oleh Majlis Sekolah-sekolah China untuk membincang sistem 3M di Kuala Lumpur pada 14-12-1982 dan Ipoh baru-baru ini dan bukankah tindakan polis itu adalah bertentangan dengan tujuan Kerajaan untuk menerima maklum balas tentang 3M dan juga memberi peluang kepada rakyat untuk melahirkan pendapat mereka.

Dato' Musa Hitam: Soalan yang hampir sama telah dijawab oleh YAB Perdana Menteri di Dewan Yang mulia ini pada 9hb Mac, 1982 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

KWSP—WANG DEPOSIT MEMBELI RUMAH

50. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan pencarum-pencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dibenarkan mengeluar sebahagian dari wang mereka yang disimpan dalam KWSP untuk membeli rumah-rumah dan disebabkan amaun yang dibenarkan dikeluarkan adalah terlalu kecil dan kadangkala tidak cukup untuk membuat bayaran wang pertaruhan, sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meninggikan kadar pencaruman kepada KWSP serta juga meninggikan kadar faedah yang dibayar oleh KWSP.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tujuan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja membolehkan pengeluaran caruman oleh seseorang ahli ialah untuk membantu ahli-ahli mengatasi masalah mendapatkan wang deposit sebanyak 10% daripada harga rumah yang biasanya diperlukan oleh pemaju-pemaju perumahan. Bergantung kepada gaji masing-masing dan tempoh caruman mereka tentu ada ahli-ahli yang mendapat jumlah yang boleh dikeluarkan kepada mereka adalah kurang daripada 10% dari harga rumah.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan mulai pada 1hb Disember, 1980 telah menaikkan kadar minima caruman kepada KWSP daripada 13% kepada 20% yang terbahagi kepada 9% sumbangan pekerja dan 11% sumbangan majikan. Kenaikan kadar caruman sebanyak 7% ini akan dapat meningkatkan jumlah simpanan pekerja di KWSP dan diharap ini membolehkan mereka mengeluarkan wang yang mencukupi bagi maksud bayaran pendahuluan rumah pada masa yang akan datang. Oleh kerana kadar caruman yang baru berkuatkuasa lebih sedikit dari satu tahun sahaja, jumlah caruman yang layak dikeluarkan kepada ahli-ahli KWSP pada ketika ini masih dipengaruhi oleh kadar caruman yang lama. Oleh demikian elok diberi masa untuk kadar caruman baru dilaksanakan beberapa tahun lagi sebelum kita menilaikan kesannya. Lagi pula caruman ini baharu sahaja dinaikkan, dan Kerajaan tidak bercadang menaikkan lagi kadar caruman ini buat masa sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar-kadar caruman ini merupakan kadar yang menima sahaja dan seseorang pekerja dan majikan atau mana-mana satu pihak boleh mencarum lebih daripada kadar-kadar berkanun ini dengan memberitahu KWSP.

Mengenai kadar faedah yang dibayar oleh KWSP kepada pencarum-pencarum, kadar faedah pada sesuatu tahun adalah bergantung kepada jumlah hasil atau keuntungan yang didapat daripada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh KWSP. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun-tahun kebelakangan ini kadar faedah yang dibayar oleh KWSP telah menunjukkan aliran atau

“trend” yang meningkat dari 7% dalam tempoh 1976 hingga 1978 kepada 7.25% dalam tahun 1979 dan pada masa ini ialah 8%.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1981 dan 1982)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1981 dan 1982 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHAN-JAYA PERKHIDMATAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG TANAH KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan

Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BADAN PENCEGAH RASUAH

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Badan Pencegah Rasuah, bagi memberi kuasa-kuasa kepada pegawai-pegawai Badan itu dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Perihal Dagangan 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK KELAPA SAWIT (PERBADANAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan

melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.47 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam

Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kelima.”

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Baginda yang memakan masa lebih kurang 40 minit semalam Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda menyentuh banyak aspek termasuk agama, perpaduan, keselamatan, ekonomi dan lain-lain yang secara keseluruhannya menggambarkan minat dan perhatian berat Baginda terhadap kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jelas kelihatan di dalam Titah Baginda itu bahawa Baginda sangat yakin dan percaya bahawa Islam adalah menjadi benteng bagi mempertahankan kebahagiaan itu di mana Titah Baginda:

“Islam merupakan benteng pertahanan yang kukuh dari segi menentang semua anasir yang mengancam kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Islam akan lebih kukuh sekiranya umat Islam terus bersatu dan mencapai kemajuan. Kegiatan-kegiatan yang bercorak memecah-belahkan perpaduan ummah akan hanya melemahkan kekuatan Islam dan menghancurkan benteng pertahanan negara.”

Tuan Yang di-Pertua, memang tepat sekali Titah Baginda itu kerana Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah Subhanahu wa ta’ala kepada manusia sebagai satu cara hidup yang menyeluruh dan merangkumi semua aspek termasuk pemerintahan, ekonomi, keselamatan, masyarakat dan lain-lain. Untuk memperkembangkan ajaran Islam yang unggul ini, Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. telah menjalankan seruan dan dakwahnya pada peringkat awal di Mekah dan selepas itu berpindah ke Madinah. Di Madinah Rasulullah dapat mendirikan Kerajaan Islam Madinah setelah membuat perjanjian dengan beberapa puak yang bukan Islam di Madinah pada waktu itu.

Oleh ahli-ahli sejarah ditimbulkan persoalan bagaimakah Rasulullah boleh mendirikan sebuah Kerajaan Islam dalam

masyarakat yang orang-orang Islamnya minoriti. Oleh ahli-ahli ilmu juga membuat kajian bahawa selain daripada kewibawaan Rasulullah sebagai pemimpin ummah, ada faktor-faktor lain yang menyebabkan penerimaan orang-orang bukan Islam, Yahudi umpamanya, terhadap pemerintahan Islam di Madinah itu. Antara lain, Tuan Yang di-Pertua, ialah latar belakang pengetahuan mereka tentang Islam sudah sedia ada kerana mereka itu adalah dari kumpulan pengikut-penganut agama Thawawi sama ada menerusi kitab-kitab Taurat, Zabor dan Injil yang banyak menceritakan hal-hal Rasulullah dan yang mengenai Islam.

Tuan Yang di-Pertua, meneliti sejarah perkembangan Islam dari sejak bertapak di negara ini kira-kira lima setengah abad yang lalu hingga sekarang ini, ianya telah menempuh beberapa tahap yang terpenting. Dari peringkat yang tidak formal, yang menerusi pondok-pondok, madrasah-madrasah, masjid-masjid dan surau-surau hingga kepada bentuk penyibaran yang secara formal menerusi sekolah dan sebagainya. Lebih dari itu, Tuan Yang di-Pertua, perubahan ataupun proses-proses yang dilalui ialah dari Islam sebagai agama orang Islam hingga pengiktirafan Kerajaan Islam sebagai, dengan izin, “Religion of the State”.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari dan menginsafi kedudukan Islam dalam Perlembagaan negara kita, Kerajaan Barisan Nasional dengan mengambil kira sejarah dan latar belakang masyarakat, bangsa dan keturunan yang ada dalam sebuah masyarakat majmuk di Malaysia ini, telah mengatur langkah setapak demi setapak ke arah penghayatan Islam sepenuhnya di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Kerajaan bukan sahaja mengadakan program-program penyibaran dan pendidikan Islam malahan juga Kerajaan merancang dan melaksanakan program pembangunan untuk meninggikan taraf hidup umat Islam di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui untuk membaiki taraf hidup orang-orang Islam di negara ini Kerajaan melalui sektor-sektor pertanian, perindustrian, perdagangan dan lain-lain telah mengadakan

program-program yang besar yang telah berjaya mengubah taraf hidup dan nasib umat Islam di negara ini daripada keadaannya yang dahulu sehingga-lah seperti yang dapat kita lihat sekarang ini.

Dalam usaha Kerajaan menyibarkan pengajaran Islam secara persekolahan selain dari mengadakan matapelajaran-matapelajaran Agama di sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara ini, Kerajaan telah mengadakan Maktab Perguruan Islam, Fakulti Islam dan Institusi-institusi Islam yang lain di seluruh negara dan yang lebih membanggakan kita semua ialah pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua hari yang lepas mengenai penubuhan Universiti Negara-negara Islam di Malaysia pada tahun hadapan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, waktu menyambut Abad 15 Hijrah yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meletakkan batu asas pembinaan sebuah Kompleks Islam yang mengandungi Pusat-pusat Dakwah, Pusat Penyelidikan dan lain-lain bahagian. Tuan Yang di-Pertua, negara kita memang perlu kepada sebuah kompleks yang seperti ini. Keperluan kepada Pusat Dakwah dan Pusat-pusat Penyelidikan ini lebih dirasakan apabila melihat daripada segi peranan Malaysia dalam ASEAN dan dalam Persatuan Negara-negara Islam yang lain di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pusat-pusat ataupun Kompleks Islam yang mengandungi pusat-pusat yang saya sebut tadi adalah berfungsi untuk melatih mualigh Islam di rantau ini bagi menyiarkan dan menyibarkan Islam di rantau ini juga untuk mengkaji aspek kebudayaan Islam umumnya dan aspek-aspek kebudayaan yang lain yang mempengaruhi kehidupan masyarakat di negara kita. Kajian ini amat perlu kerana ini boleh membantu usaha Kerajaan ke arah memainkan peranan yang lebih berkesan di dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, lagi pula dengan membuat kajian-kajian yang mendalam mengenai ciri kehidupan orang-orang Melayu dan pandangan hidup Islam serta

hubungannya dengan pandangan hidup dunia luar, Kerajaan akan dapat memilih cara-cara yang wajar dan berkesan dalam memperbaiki keadaan masyarakat bumiputra dalam konteks membentuk sebuah masyarakat adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan sesungguh-sungguhnya, dengan wujudnya Universiti Negara-negara Islam dan Kompleks Islam itu penyibaran Islam yang akan dapat dijalankan dengan secara seluas-luas, bukan sahaja kepada orang-orang Islam malahan juga kepada mereka yang bukan Islam dan ini adalah program jangka panjang Kerajaan ke arah menyiapkan latar belakang masyarakat yang akan menerima perlaksanaan hukum-hukum Islam dengan sepenuhnya di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin kelincinan perjalanan Universiti dan Pusat Islam yang saya sebutkan tadi, saya menyarankan agar pengambilan kakitangan atau pegawai hendaklah terdiri dari mereka yang berkebolehan, yang berlatar agama dan berpengalaman pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesibukan Kerajaan mengatur langkah dan strategi ke arah menyiapkan masyarakat yang faham akan kesucian dan ketinggian Islam, tiba-tiba ada suara-suara lantang dan nada sumbang yang dikeluarkan oleh parti Pembangkang, PAS saya tegaskan, mempertikai kewibawaan dan kesungguhan Kerajaan dalam melaksanakan Islam di negara kita ini. Sebagai seorang yang menjunjung demokrasi, suara-suara itu adalah terlalu lumrah dan amat biasa sekali. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang cintakan perpaduan, sayangkan persatuan ummah, maka suara-suara tadi, nada-nada tadi, tindak-tinduk dan kegiatan PAS adalah dirasakan tidak kena sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan perkara ini dengan melihat insiden-insiden, kejadian-kejadian yang berlaku di Terengganu. Di Terengganu, barangkali di negeri-negeri lain juga berlaku, bermula dari keinginan PAS hendak memperkuatkan kedudukan partinya, pemimpin-pemimpinnya atau ahli-ahlinya telah menarik pandangan rakyat di kampung-kampung

dengan mengatakan Kerajaan sekarang tidak Islam dan pemimpin-pemimpin Kerajaan juga tidak Islam. Yang anihnya, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, pemimpin-pemimpin UMNO khususnya diberi title yang memeningkan kepala kita yang tertentu seperti pemimpin-pemimpin Kerajaan sekarang adalah Firaun, Namrud, Taghut, Tan Sri Abu Lahab dan berbagai-bagai nama lagi dan lalu mereka mendakwa PAS sahajalah yang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kepada rakyat yang boleh membuat pertimbangan mereka dapat memisahkan di antara yang hak dengan yang batil. Tetapi kepada rakyat yang kuat takliknya dan yang kuat fanatiknya kepada ugama dakwaan-dakwaan yang seperti itu adalah dirasakan sudah menjadi kerosakan akidah dan pangkal kepada perpecahan ummah.

Tuan Yang di-Pertua, rosak akidah apabila dipercayai bahawa PAS itu adalah ugama Islam dan masyarakat akan berpecah-belah, bersuku-sakat, dan berpuak berdasarkan kepada pegangan mereka terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin PAS sama ada di peringkat nasional, di peringkat negeri, di peringkat bahagian dan ranting mereka. Ini terbukti, banyak fatwa yang diberi kepada rakyat khususnya yang kita dapat di Trengganu. Antara lain, tidak sah sembahyang berimamkan orang-orang UMNO. Tidak boleh makan sembelihan orang-orang UMNO. Tidak sah nikah yang diakadkan oleh imam UMNO. Tidak boleh sembahyang jenazah orang UMNO. Jika anak PAS, bapa UMNO tidak berhak menerima pesaka dan tidak salah kalau derhaka. Bayaran pencek bekas Yang Berhormat PAS ialah hukumnya harta rampasan ataupun mengikut istilah "al-Taib". Ini fatwa-fatwa setengah daripada fatwa-fatwa yang ditaburkan, yang diperkatakan dibanyak tempat di negeri Trengganu. Akibatnya berlakulah pemulauan sembahyang jenazah terhadap mayat orang-orang UMNO, pemulauan jemputan kenduri-kendara yang diadakan oleh orang-orang UMNO, pemulauan Jumaat di masjid-masjid Kerajaan, membuang daging kurban yang disembilih oleh orang-orang UMNO dan

zakat fitrah telah dibayar tidak kepada amil-amil yang dilantik oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, hingga sekarang ini di Trengganu sudah ada 25 buah kampung yang mendirikan dua Jumaat pada satu hari akibat dari hasutan tersebut. 21 daripadanya berlaku di Daerah Besut, yang di antara 21 kampung ini jarak antara masjid Kerajaan dengan surau yang didirikan sembahyang Jumaat satu lagi itu adalah rata-rata di antara 45-80 meter sahaja dan rata-rata pula tempat-tempat yang didirikan Jumaat yang bukan daripada masjid Kerajaan ini adalah terdiri daripada kelab PAS yang bersimbulkan bulan penuh pernama.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian dan cerita mengenai Jumaat di kampung Gong Pasir, Besut adalah satu insiden atau peristiwa yang amat menarik. Pada tanggal 19-2-82 orang PAS hadir bersama untuk sembahyang Jumaat di sebuah masjid yang sama-sama dihadiri oleh mereka yang lain. Sampai saat hendak mendirikan sembahyang segala-galanya dilakukan, azan, khutbah dan sebagainya, apabila orang mendirikan sembahyang Jumaat, kumpulan PAS ini menunggu sahaja tidak sembahyang dan apabila selesai ataupun selepas sahaja kumpulan ini bersembahyang maka mereka turun daripada masjid itu terus pulang.

Pada tanggal 26-2-82 sewaktu orang UMNO dan orang-orang lain sembahyang Jumaat, mereka menunggu seperti hari yang sebelumnya tetapi manakala selesai orang-orang ini sembahyang Jumaat dan pulang mereka terus mendirikan satu Jumaat lain dengan mengadakan azan, dengan mengadakan bacaan khutbah dan terus sembahyang yang lain di masjid yang sama. Dan pada 5-3-82 baru-baru ini sembahyang Jumaat didirikan oleh orang-orang UMNO sahaja kerana kumpulan ini sudah tidak datang lagi ke masjid Gong Pasir. Ini satu peristiwa.

Tuan Yang di-Pertua, berlaku juga di kampung Bari Besar di daerah Besut juga. Di kampung ini penduduknya tidak ramai yang boleh berjumaah kira-kira 55-60 orang sahaja. Yang berlaku di Bari Besar ini hingga ke minggu lepas sudah kira-kira 30 kali orang-

orang di kampung ini tidak mendirikan sembahyang Jumaat, kerana tidak ada koram yang disebabkan oleh tidak hadirnya kumpulan PAS ke masjid itu dengan dakwaan bahawa masjid itu adalah masjid Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu peristiwa lagi di belakang Sekolah Kebangsaan Akar, Besut juga sebidang tanah seluas 1.4 hektar telah dibeli oleh orang PAS dengan harga \$5,000 dalam tahun 1979 untuk dijadikan tanah perkuburan mereka sendiri. Mulai tahun 1980 mereka mula menjadikan tanah itu satu tempat perkuburan dan hingga sekarang ini saya difahamkan bahawa sudah ada 12 mayat orang-orang PAS dikebumikan di tempat perkuburan itu. Tetapi yang menyedihkan kita apabila orang-orang UMNO meminta supaya mayat-mayat orang UMNO juga ditanam dikubur ini maka mereka tidak memberi izin dengan alasan-alasan bahawa mayat orang-orang UMNO tidak sewajarnya bersekali dengan mayat orang-orang PAS..

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara Jumaat, masjid dan surau juga dikhianat. Umpamanya, di Masjid Pancur, Ulu Besut pada awal Julai 1981 berlaku kecurian bedok. Bedok dicuri. Dalam bulan Ogos berlaku lagi satu peristiwa yang aneh iaitu di atas masjid ini dikencing. Dalam bulan September 1981 terdapat bangkai biawak diletakkan berhampiran dengan mimbar di dalam masjid itu. Jadi ini satu usaha yang direncanakan untuk mengkhianati tempat-tempat suci dan rata-rata penduduk di situ menyatakan bahawa ini adalah berpunca daripada fatwa-fatwa, hasutan-hasutan yang saya telah sebutkan tadi.

Berlaku juga, Tuan Yang di-Pertua, surau Kampung Bekok pada hari Ahad 27 hb Oktober, 1981 peristiwa membuang air besar di dalam baju sembahyang wanita di surau tersebut. Jadi ini pun satu perkara yang aneh. Pada 27hb September, 1981 sebuah kelas Al-Quran di Gong Pasir, Besut juga diberakkan. Ini adalah semacam dosa yang tiada maaf bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di satu masjid lain di Lak Lok, Besut juga tanggal 7hb Julai, 1981 peristiwa kecurian bedok berlaku. Pada 26hb Julai, 1981 seorang daripada Wakil Rakyat

kawasan itu mengeluarkan sedikit peruntukan untuk menggantikan sebuah bedok yang baru tetapi malangnya pada 27hb Julai 1981 bedok yang diganti itu dipecahan semula dan sehingga sekarang bedok itu masih pecah dan tidak diperbaiki. Inilah peristiwa-peristiwa susulan ataupun ekoran daripada hasutan-hasutan fatwa-fatwa yang menyeleweng yang dibuat oleh PAS di Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengikut laporan Kadi Daerah Besut dalam tahun 1979, 1980 dan 1981 ada terdapat 200 pasangan suami isteri bercerai kerana tidak sama politik.

Tuan Yang di-Pertua, ada terdapat berlaku pergaduhan dan perbalahan seperti umpamanya yang berlaku di Bukit Tanah, Besut. Pergaduhan berlaku kerana seorang UMNO sudah tidak tahan dengan tuduhan-tuduhan, perkataan-perkataan yang dilemparkan oleh saudara dia juga tetapi orang PAS yang menyatakan "bapa kafir" dan berbagai-bagai lagi. Jadi selepas tidak sabar lagi, pergaduhan berlaku. Jadi, oleh kerana isu dan peristiwa yang berlaku itu boleh merosakkan akidah dan menjelaskan perpaduan Islam di negara ini maka saya berpendapat sudahlah sampai masanya semua pihak memberi pandangan berat terhadap perkara ini. Kepada pemimpin-pemimpin PAS sama ada di peringkat nasional, diperingkat negeri, di peringkat bahagian dan cawangan mereka, saya mencabar supaya turun ke kampung balik kepada rakyat, menarik balik tuduhan-tuduhan, fatwa-fatwa yang menyesatkan yang boleh memecahbelahkan, yang boleh menghuruharakan masyarakat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, juga janganlah kerana kepentingan politik masyarakat Islam rela kita lihat berpecah belah. Dan kepada Kerajaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, saya berharap supaya perhatian yang serius perlu diberi kepada masalah ini. Masalah ini tidak boleh dipandang enteng dan dipandang rengan kerana masalah ini adalah melibatkan akidah, keimanan dan keyakinan masyarakat Islam yang telah dipertanggungjawabkan oleh Allah kepada kita, Kerajaan yang memerintah di negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana mendapat seorang Ketua Negara yang sentiasa memberi perhatian berat kepada masalah keselamatan rakyat di negara ini di mana pada hari semalam Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda bertitah, "Kerajaan Beta sentiasa memberi perhatian berat kepada keselamatan dan pertahanan negara."

Tuan Yang di-Pertua, pengkalan keamanan dan keselamatan dalam negara adalah untuk mencapai pembangunan ekonomi dan sosial yang merupakan asas yang paling kukuh untuk pembangunan negara. Di masa-masa yang lalu banyak usaha kita telah kita tumpukan untuk menambahkan keupayaan dan ketahanan negara bagi mengatasi masalah keselamatan yang timbul dari kegiatan-kegiatan pengganas kominis, anasir-anasir subversif dan anti nasional. Tetapi dengan perkembangan yang berlaku di Asia Tenggara dan di rantau-rantau di tahun-tahun kebelakangan ini, rasa saya keperluan mengubah program-program pertahanan negara adalah dikehendaki. Dengan erti kata yang lain program-program pertahanan negara masih diarah kepada arah yang lebih besar dan lebih berkesan lagi.

Untuk tujuan yang tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan selain daripada usaha kita untuk memperbesarkan angkatan tentera kita dengan menambahkan tenaga manusia dan alat-alat kelengkapan moden, sikap dan kebijikan anggota tentera kita juga hendaklah diberi perhatian yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, sikap ataupun sifat-sifat dedikasi anggota tentera seperti sikap rela berkorban untuk ugama, bangsa dan tanahair amatlah diperlukan di saat-saat kita berada di dalam dilemma kebendaan dunia hari ini. Dan sifat-sifat ini boleh kita tanam, boleh kita semai kepada anggota-anggota tentera kita melalui kempen-kempen kesedaran, melalui kursus-kursus intensif yang ada sangkut-paut dengan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan khususnya hendaklah dari semasa ke semasa menjalankan usaha-usaha ini demi mewujudkan sikap baik di kalangan anggota-anggota tentera kita.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada kebijikan anggota-anggota tentera dan keluarganya dari segi tempat tinggal dan lain-lain, saya menggesa, merayu, dan memohon kepada Kementerian Pertahanan agar mereka itu diberi perlindungan yang baik, diberi kebijikan yang sempurna selain daripada gaji yang cukup, rumah-rumah mereka hendaklah dilengkapkan kerana ada terdapat banyak daripada keluarga-keluarga tentera kita yang tidak mendapat kebijikan perumahan yang bersesuaian khususnya untuk melindungi keluarga mereka semasa mereka menjalankan tugas di hutan belantara. Di mana tempat-tempat persediaan perumahan tidak mencukupi, imbuhan sewa rumah yang semasa setimpal dengan kedudukan tempat dan masa hendaklah diadakan kepada bala tentera kita itu. Kerana dengan berbuat demikian, Tuan Yang di-Pertua, permasalahan batin tidak berlaku di kalangan mereka dan dengan secara langsung tumpuan secara serius kepada tugas dan tanggungjawab mereka dapat mereka lakukan dengan sebaik-baiknya. Apabila mereka itu dapat menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya maka pertahanan dan keselamatan negara kita adalah sentiasa terjamin. Apabila keselamatan terjamin, jaminan untuk kebahagiaan ummah, kesenangan rakyat, kestabilan politik dan negara ini akan wujud dan rakyat di negara kita ini akan hidup senang-lenang menunggu saat-saat kebahagiaan yang ditunggu-tunggu iaitu kematian untuk menerima kesenangan pula di akhirat nanti. Ini adalah bayaran daripada hasrat Titah yang dilafaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Raub.

4.25 ptg.

Tuan Tan Koon Swan (Raub): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Awang bin Jabar untuk mengucapkan syukur atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan yang mulia ini.

Dalam Titah Ucapannya, Baginda menggesa semua rakyat supaya jangan berpuas hati walaupun kita telah mencapai kemajuan yang pesat dalam berbagai bidang melalui usaha-usaha gigih Kerajaan dan sokongan penuh rakyat. Baginda juga menggesa rakyat supaya membaharui azam untuk mencapai sesuatu yang lebih baik serta mempercepatkan kemajuan dengan menangung lebih kewajipan, menguatkan semangat berdikari, meninggikan productivity dan lebih berdisiplin. Seruan Baginda tahun ini mempunyai satu dimensi yang baharu iaitu kita bukan sahaja harus maju tetapi juga bersedia untuk mempertahankan hak-hak dan kehormatan kita dalam hubungan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, seruan Baginda amatlah tepat pada waktunya dan perlu supaya rakyat kita tidak sahaja insaf tentang keperluan untuk kemajuan tetapi juga faktor-faktor yang memperakui dan mengawal kemajuan dan setakat manakah kemajuan kita bergantung kepada masyarakat antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, pesanan penting yang disampaikan oleh Baginda adalah kita tidak hidup secara berasingan. Kita tinggal di dunia yang luas di mana pembangunan dan kemajuan satu negara dipengaruhi oleh tindakan negara-negara lain. Dalam perkataan lain, kita tinggal di dunia yang saling bergantung dan kita hendak bersedia untuk mempertahankan hak-hak dan kehormatan kita sekiranya tindakan-tindakan tersebut menjelaskan pembangunan dan kemajuan negara kita. Adalah dari segi ini saya menganggap seruan Baginda sangat-sangat penting. Saya ingin mengeluarkan pendapat saya mengenai perkara asing bergantungan kerana ini mempunyai maksud yang istimewa dari segi nasional dan dari segi antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bermula daripada perspektif antarabangsa. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan saya kepada Kerajaan, khususnya kepada Perdana Menteri yang dikasihi kerana mengambil sikap dan tindakan yang tabah terhadap negara-negara pengguna dalam usaha mencapai harga yang saksama untuk bahan-bahan utama kita yang dieksport.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah pengeluar besar bahan-bahan utama iaitu timah, getah, minyak kelapasawit dan petroleum. Selain daripada petroleum sektor ini memberi sumbangan sebanyak 25% kepada Keluaran Dalam negara Kasar dan menggunakan pekerja seramai 1.6 juta orang yang merupakan 35% jumlah pekerja-pekerja di negara kita. Adalah dijangkakan bahawa pekerja-pekerja ladang dan lombong termasuk pekerja-pekerja pekebun kecil adalah 62% dari bilangannya masih hidup dalam kemiskinan.

Adalah wajar dan wajib bagi Kerajaan kita menumpukan perhatian kepada kebijakan golongan rakyat tersebut. Kita mempunyai kewajipan dan tanggungjawab terhadap mereka untuk memastikan bahawa mereka menerima balasan yang saksama bagi usaha-usaha mereka dan bahawa kehidupan mereka tidak dijejasikan sehingga mereka membuangkan pekerjaan-pekerjaan mereka. Sektor ini sekarang menghadapi kekurangan pekerja yang teruk dan sekiranya keadaan ini menjadi lebih buruk, pengeluaran bahan-bahan utama akan dijejaskan dan ini akan bukan sahaja melambatkan pembangunan dan kemajuan negara kita tetapi juga perindustrian-perindustrian dunia yang bergantung kepada bahan-bahan utama kita. Adalah dalam kepentingan negara-negara pengeluar dan negara-negara pengguna dan perdagangan antarabangsa untuk memastikan bahawa negara-negara pengeluar menerima harga-harga yang berpatutan bagi keluaran-keluaran eksport mereka. Sekiranya perdagangan antarabangsa dijalankan berdasarkan prinsip faedah bandingan (comparative advantage) dan selama-lamanya faedah wujud, faedah itu harus dibahagikan secara saksama. Kita mengenalkan keperluan negara-negara pengguna untuk melindungi perusahaan mereka supaya menjamin kehidupan mereka, memelihara mutu kehidupan mereka, memastikan bahawa perusahaan mereka dapat keuntungan untuk mencukupi, untuk mengekalkan sistem sosial mereka. Demikian juga pekerja-pekerja kita harus hidup, perlukan 3 kali makan sehari tanpa mengira kualiti kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, atas alasan ini rakyat harus menyokong Kerajaan dalam usahanya

dan saya berharap Kerajaan akan terus berusaha supaya mendapat layanan yang adil bagi keluaran-keluaran negara kita.

Dalam mengendalikan perhubungan perdagangan antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua, kita patut juga menghadapi satu kenyataan yang jelas, satu reality yang kita mesti terima iaitu tidak sesiapa pun berhutang budi kepada kita. Dalam saling pergantungan mesti wujud faedah bagi semua pihak; satu pihak bergantung kepada pihak lain dan sebaliknya negara lain akan bersikap baik kepada kita jika kita bersikap baik terhadap mereka. Oleh yang demikian kita hendaklah mengkaji apakah peranan kita boleh memainkan dan apakah sumbangan kita boleh memberikan kepada kemajuan masyarakat sedunia.

Tuan Yang di-Pertua, seruan Baginda kepada rakyat negara ini supaya mereka memperkuuhkan semangat berdikari meninggikan produktiviti, lebih berdisiplin, mempunyai maksud yang penting. Walaupun negara kita kecil, kita boleh memberi sumbangan yang penting terhadap kemajuan masyarakat antarabangsa jika rakyat kita menjadi lebih berdisiplin, lebih terlatih dan produktif dan boleh mengeluarkan barang yang bermutu dan berkos competitive jika rakyat kita bersedia bersaing dan membuka pasaran-pasaran yang baru. Kita mempunyai peluang yang tidak terbatas yang dapat digunakan untuk memajukan rakyat kita, negara dan dunia.

Dalam hubungan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar yang dikasihi atas usaha yang gigih supaya mempertingkatkan kecekapan Kerajaan dan rakyat dan membuka lebih banyak peluang di bidang perdagangan dan perindustrian. Di samping itu Kerajaan juga berusaha untuk mendapat sumber bantuan teknikal dari timur supaya mempertingkatkan daya pengeluaran dan kemahiran rakyat. Kemajuan memang hasil dari keputusan yang berani dan innovative ini dan dari pengurusan yang cekap dan berkesan haluan telah ditunjukkan. Saya menyeru kepada rakyat kita supaya membalas dengan positifnya. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan nota awas tentang perhubungan

perdagangan antarabangsa adalah tindakan positif dan pragmatik bagi kita mencari sahabat-sahabat baru dan memberi pasaran baru tetapi janganlah kita melupakan perhubungan kita dahulu dan pasaran-pasaran tradisional. Janganlah kita membiarkan kemewahan kita mewujudkan kesangsian atau membuat sesuatu yang boleh memusnahkan keyakinan dan penghormatan yang dinikmati oleh negara kita.

Pada akhirnya kita adalah sebuah negara yang kecil, kita mengeluarkan bahan-bahan utama. Kita masih memerlukan pelaburan-pelaburan asing, Malaysia memerlukan sahabat yang boleh menyokong kita dalam masa-masa yang kita memerlukan mereka. Oleh yang demikian matlamat kita dalam perdagangan ialah untuk memperbesarkan pasaran-pasaran kita, menubuhkan perhubungan baru dan menunjukkan bahawa kita ialah sebuah negara progresif yang mempunyai kehendak dan keazaman untuk menjayakan diri, bukan sahaja dalam pembangunan negara tetapi juga dalam memainkan peranan yang bermakna dalam memajukan muhibbah dan perdagangan antarabangsa.

Dengan demikian juga, Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita, kita juga memerlukan rakyat dari semua kaum untuk menyokong Kerajaan, seumpamanya sebuah negara tidak dapat hidup berasingan, tidak ada satu-satu kaum dapat hidup secara berasingan di Malaysia yang berbilang bangsa. Jika falsafah ini diterima, kita dapat wujudkan asas kuat bagi political stability. Saling bergantungan, meningkatkan keadaan keseimbangan (equality), persefahaman dan muhibbah antara semua kaum, tolenrasi dan kesedaran tentang perkara-perkara sensitif yang dihadapi oleh tiap-tiap kaum dan menggunakan kesederhanaan dalam penggunaan kuasa. Ini hendaklah ditanamkan dan dijadikan asas falsafah kebangsaan dan persendirian dan Kerajaan kita mesti menjadi tauladan dan menunjukkan bahawa dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan tidak ada satu-satu kaum yang akan dibenarkan untuk menguasai kaum lain. Jika Kerajaan mengambil keputusan atas dasar atau perkara yang menyentuh sensitivity sesuatu kaum atau yang melibatkan

kebudayaan dan kepercayaan sesuatu kaum, polisi itu hendaklah dilaksanakan hanya selepas perundingan-perundingan yang berpatutan diadakan. Dalam mengendalikan perkara-perkara ini kita mesti mempunyai keikhlasan dan kehormatan, kalau tidak kos kepada negara kita untuk membetulkan kerosakan yang disebabkan oleh kesangsian dan salah faham ini akan sangat mahal. Yang lebih penting, hak-hak perlembagaan seseorang untuk menjadikan potensi-potensinya atau hak sesuatu kaum untuk belajar atau mengamalkan bahasa, ugama dan adat-adatnya janganlah disebatkan.

Proses integrasi dan kehendak untuk mewujudkan identiti Malaysia tidak dapat dijalankan mengikut jadual masa oleh kerana perasaan manusia, kepercayaan dan sikap tidak boleh ditukar dengan cepat. Perpaduan dan integrasi hanya boleh dicapai melalui proses pembangunan sosial yang natural dan proses ini hanya boleh dimajukan dalam sekitar di mana rakyat kita mempunyai perasaan keamanan dan "sense of belonging".

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini terkandung dalam satu pernyataan dalam Titah Ucapan Baginda apabila Baginda menegaskan bahawa harapan dan hasrat negara kita hanya dapat dicapai dalam konteks masyarakat yang bersatu-padu, aman dan stabil. Baginda juga membuat seruan supaya menyekatkan aktiviti-aktiviti yang boleh menjelaskan keamanan, perpaduan dan keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulang seruan Baginda. Seruan itu adalah penting dan mendesak.

Pentadbiran baru di bawah pimpinan yang cekap dan dinamik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam telah menunjukkan keazaman dan keberanian baru untuk menyediakan negara dan rakyat kita untuk menemui cabaran-cabaran pembangunan negara dengan semangat dan kewajipan baru. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada mereka ke atas prestasi mereka sehingga masa ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang hendak diselesaikan dengan segera; jika tidak mereka boleh diexploitkan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan persendirian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sangat kritis ialah perkara yang berkaitan dengan sistem 3M dalam dasar pelajaran kita. Perkara ini telah membangkitkan kekeliruan kepada rakyat kita, khasnya kepada mereka yang terlibat dengan perkembangan pelajaran dalam sekolah-sekolah rendah Cina.

Tuan Yang di-Pertua, ketakutan mereka ialah bahawa sistem 3M ini cuba mengubah sifat sekolah-sekolah vernacular tetapi Kerajaan telah menerangkan bahawa ini tidak benar. Perdana Menteri telah menegaskan bahawa tujuan seperti itu tidak wujud. Timbalan Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak akan membuat demikian. Walaupun kepanasan telah dikurangkan selepas jaminan-jaminan tersebut masih terdapat sedikit bakinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada keraguan bahawa rakyat kita mempunyai keyakinan mutlak ke atas keikhlasan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Mereka percaya kepada Kerajaan. Tetapi seperti lain-lain dasar dan lain-lain rancangan Kerajaan yang direncanakan dengan maksud-maksud baik untuk memberi faedah kepada semua rakyat-rakyat Malaysia masalah dalam perlaksanaan selalu membangkit. Kita terdapat salah fahaman tentang kehendak-kehendak Kerajaan. Saya tidak sedar sama ada ini disebabkan oleh garis panduan yang kurang jelas ataupun oleh kelebihan pegawai-pegawai yang melaksanakannya. Masalah-masalah selalu membangkit dalam perlaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya telah diputuskan bahawa sifat sekolah-sekolah vernacular tidak diubah, pesanan yang diberikan untuk perlaksanaan hendaklah terang. Sukatan, garis panduan, dan bahan-bahan mengajar dalam bentuk dan substance mesti membayangkan tujuan ini. Prinsip hendaklah selaras dengan tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, sistem 3M tidak menyediakan buku-buku teks bagi matapelajaran selain dari matapelajaran Bahasa dan Ilmu Hisab. Pada peringkat percubaan, dan dalam Darjah Satu, keadaan ini dapat diterima, tetapi kehendak-kehendak ibubapa-ibubapa ialah bahawa buku-buku

teks mesti disediakan; jika tidak mereka tidak dapat mengikuti kemajuan anak-anak mereka atau membantu anak-anak mereka di rumah. Satu keputusan tentang perkara ini hendaklah dibuat dengan cepatnya supaya memudahkan perancangan dan percetakan buku-buku bagi tahun yang akan datang untuk mengelakkan salah faham.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga didapati bahan bilangan pegawai dalam Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab dengan hal-hal sekolah-sekolah Cina tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan yang makin bertambah dan makin menjadi kompleks. Bahagian ini hendaklah dikuatkan dengan lebih banyak pegawai dan dengan secepat mungkin. Ini mungkin dinampak sebagai butir-butir sahaja, tetapi mereka sangat penting memandangkan betapa sensitif perkara ini. Saya berharap pemimpin-pemimpin kita dan Menteri Pelajaran akan mempastikan bahawa butir-butir dalam perlaksanaan adalah selaran dengan matlamat "tidak ubah".

Tuan Yang di-Pertua, selepas apa yang saya telah ucapkan, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyeru kepada rakyat kita supaya tidak dikelirukan oleh mereka yang lebih mementingkan keuntungan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sementara saya masih dalam perkara proses perlaksanaan, saya berasa bahawa seluruh jentera perlaksanaan hendaklah diberikan orientasi semula tentang tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat polisi-polisi dan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan. Kita terdapat interpretasi yang berbeza. Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan mempunyai interpretasi mereka sendiri yang berbeza mengenai satu-satu polisi. Hasil dari itu banyak peniaga yang tidak bersalah telah hilang lesen-lesen mereka atau menderita dalam cara-cara lain dan ini telah membangkitkan ketidakpuasan dan perasaan anti-penubuhan (anti-establishment) atas alasan-alasan yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, satu orientasi semula diperlukan supaya kita dapat "depoliticise" dan "decommunalise" proses pemikiran perkhidmatan Kerajaan. Sekiranya kita

ingin mempercepatkan pembangunan, perkhidmatan Kerajaan mestilah saksama, cekap, berkesan dan lebih penting lagi mestilah menjalankan apa Kerajaan mahukan mereka menjalankan dan mengeluarkan hasil-hasil yang menemui matlamat-matlamat kita. Jika tidak, kita tidak dapat mengatakan sama ada keputusan-keputusan itu salah ataupun matlamat-matlamat kita salah. Kita tidak mampu untuk membuat kesalahan dan apabila keputusan-keputusan bukan apa yang dikehendaki negaralah yang rugi. Kerajaan bukan sahaja kerugian masa dan wang, ia membawa dengannya banyak masalah lain. Ini akan menjadikan perpaduan, keamanan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai banyak penghormatan bagi keberanian dan keazaman pentadbiran baru dalam menyelesaikan masalah-masalah. Adalah harapan ikhlas saya bahawa mereka bukan sahaja akan membawa kita kepada zaman yang pesat membangun tetapi juga menciptakan semangat perpaduan yang benar.

Tahun 1982 ialah tahun kedua puluh lima negara kita merdeka—biarlah kita mulakan decade dihadapan kita dengan kerjasama, dengan keyakinan, dengan saling bergantung tanpa keraguan, tanpa pengasingan dan tanpa kebimbangan:

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling.

4.50 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Usul ini yang mengucapkan berbanyak syukur dan menjunjung kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka penggal keempat Parlimen Yang Kelima.

Sementara Malaysia menyambut suku abad yang pertama sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, rakyatnya masih

sedang mencari suatu permufakatan kebangsaan atas mana sebuah negara yang bersatu-padu dapat dibentuk.

Saya akan mensifatkan tahun kelapan-puluhan ini sebagai dekad merbahaya bagi Malaysia kerana saya lihat kebangkitan puak-puak pelampau, ekstremis dan chauvinis yang menolak premis bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang bangsa, ugama, budaya dan bahasa.

Memang pada masa-masa lampau terdapat orang-orang yang memperjuangkan ekstremisme chauvinisme tetapi perbezaan dan bahayanya sekarang ialah lebih dari mereka ini kini memang memegang jawatan-jawatan penting dalam berbagai perkhidmatan Kerajaan, universiti-universiti dan sektor-sektor penting yang lain dalam sektor swasta.

Pada masa-masa dahulu, mereka ini hanya dapat preach, tetapi sekarang mereka ini dapat mengamalkan kefahaman mereka. Sekiranya trend yang merbahaya ini berterusan tanpa dikawal maka kemungkinan mencapai kemufakatan kebangsaan untuk menyatu-padukan berbagai-bagai kaum negara ini kepada satu bangsa akan menjadi lebih tipis sama sekali.

Saya akan memberi satu contoh tentang kebangkitan puak-puak pelampau dan chauvinisme yang menduduki tempat utama dalam hidup kebangsaan kita, yang menolak langsung negara kita sebagai sebuah negara berbilang bangsa, bahasa dan budaya.

Dalam satu buku yang dikeluarkan dalam tahun 1981, seorang ekademics Universiti Malaysia dalam bukunya yang berjudul "Tuntutan Melayu", telah menggariskan tuntutan-tuntutan berikut untuk masyarakat Melayu yang menolak langsung Malaysia sebagai sebuah masyarakat majmuk:

1. Bahawa "dari segi sejarah dan budaya penggubalan perlembagaan kita tidak diasaskan di atas konsep masyarakat berbilang kaum".
2. Bahawa "masyarakat majmuk adalah satu warisan penjajah dan sifat kemajmukan itu adalah sesuatu yang

sementara wujudnya", bahawa "masyarakat majmuk telah dimungkinkan oleh beberapa faktor yang dipaksakan kewujudannya oleh penjajahan. Terhapusnya penjajahan membawa terhapusnya faktor-faktor tadi dan sifat-sifat kemajmukan juga beransur-ansur hilang".

3. Bahawa "merujuk masyarakat Tanah Melayu sebagai berbilang bangsa adalah tidak kena pada tempatnya. Rujukan seperti ini menaikkan taraf masyarakat serpihan kaum imigran ke paras masyarakat bangsa Melayu yang menjadi induk. Dari segi budaya, istilah berbilang bangsa itu mencabar kedaulatan kebudayaan induk yang menjadi teras. Istilah masyarakat berbilang kaum juga mempunyai implikasi yang serupa.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda di dalam Titah Ucapannya telah menasihatkan bahawa dalam sebuah masyarakat majmuk perkara-perkara sensitif yang menyentuh perasaan sesuatu kaum atau kumpulan ugama tidak harus dieksplotasikan dan saya tidak dapat memikir satu contoh yang menyentuh dengan lebih dahsyatnya perasaan berbagai-bagai golongan kaum seperti dakyah-dakyah melampau seumpama ini yang menolak ciri-ciri berbilang bangsa dan budaya Malaysia serta juga menafikan kaum-kaum lain tempat yang sewajarnya di Malaysia.

Saya pandang berat sangat bahawa pandangan-pandangan yang merbahaya dan tidak bertoleransi seumpama itu bukan sahaja tidak dikawal tetapi juga dibiaran berleluasa dengan sebebas-bebasnya dalam universiti-universiti khasnya dan masyarakat kita amnya. Kita memang kini melencong jauh dari arah membina sebuah negara Malaysia yang bersatu-padu yang hanya dibentuk atas penerimaan hakikat oleh setiap rakyat bahawa Malaysia adalah sebuah masyarakat majmuk.

Satu lagi petanda tentang bahaya masa kini ialah sebarang kritikan dan bantahan terhadap penolakan Malaysia sebagai sebuah masyarakat berbilang bangsa, bahasa dan budaya yang ekstremis itu dikutuk sebagai

ekstremis, anti-nasional, malah diberitahu jika kamu tidak suakannya kamu boleh tinggalkan Malaysia.

Saya tidak akan merasa hairan sekiranya saya dibidas dengan nada yang sama dalam perbahasan ini yang akan menunjukkan betapa besarnya perpecahan yang wujud di antara rakyat Malaysia atas soal-soal pokok mengenai apakah jenis negara dan masyarakat yang kita sedang membina.

Nampaknya kita telah tiba di dunia "Alice in Wonderland" di mana kesederhanaan telah menjadi ekstremisme dan ekstremisme telah menjadi kesederhanaan. Kecuali kita dalam Malaysia dapat mencapai satu consensus kebangsaan yang baru di mana setiap rakyat Malaysia tanpa mengira kaum atau keturunan, kebudayaan atau fahaman ugamnya diterima sebagai seorang Malaysia dengan kesetiaannya yang tidak berbelah bahagi kepada negara ini, di mana kesetiaannya tidak sering disoalkan untuk meliputi kaumnya maka rakyat Malaysia tidak boleh bersatu-padu dan hidup berharmoni serta juga rakyat kita tidak akan dapat mengembelngkan sebuah potensi sumber-sumber semula jadi dan manusia mereka untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang termasyhur.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah meminta rakyat kita mengalah ke Timur untuk mencontohi ethika kerja orang-orang Jepun yang telah menyebabkan Jepun bangun seperti the phoenix dari kekalahan dan kemasnahannya dalam tahun 1945 kepada sebuah negara yang paling berjaya dari segi pertumbuhan ekonomi masa kini.

Adalah tidak memadai meminta rakyat kita mencontohi ethika kerja orang-orang Jepun di mana semata-mata orang Jepun berpuas hati atau mendapat contentment dalam kerja mereka tetapi saya rasa lebih penting lagi mencari faktor-faktor yang menghasilkan ethika kerja seumpama itu.

Dalam pemikiran saya, salah satu sebab penting yang menyebabkan sifat dedikasi bekerja yang luar biasa di kalangan orang-orang Jepun ialah kerana wujudnya rasa bersatu-padu dan perkongsian matlamat (shared goals) di antara mereka. Saya tidak

sedar di negeri Jepun terdapat masalah penghijrahan para profesional ke lain-lain negara disebabkan mereka merasa tidak dikehendaki atau diberikan tempat yang sewajarnya di dalam negara mereka sendiri serta juga bimbang akan masa depan pelajaran anak-anak mereka. Satu lagi sebab penting yang menyebabkan negeri Jepun berjaya dengan begitu pesat ialah kerana terdapat amalan meritokrasi di mana setiap orang dapat maju berasas kepada pencapaian-pencapaiannya. Sistem pelajaran Jepun telah dalam beberapa generasi sahaja mengubah negeri Jepun dari sebuah masyarakat yang berteraskan kelahiran dan kedudukan kepada sebuah masyarakat yang berteraskan pengetahuan dan keupayaan.

Kiranya kita di Malaysia masih terikat dengan soal-soal pokok seperti sama ada sebilangan besar rakyat Malaysia yang merupakan sebahagian besar penduduk negara kita yang dilahir, dibesar dan didik di sini dengan tidak mempunyai tanahair yang lain berhak menerima tempat yang sewajarnya sebagai pemilik bersama (co-owners) negara ini, kerana terdapat orang-orang yang menyebar dan ingin mengenakan kemahanan dan kepercayaan mereka bahawa Malaysia bukanlah sebuah negara yang berbilang bangsa atau budaya, bahawa keadaan tidak wujud bagi rakyat Malaysia "Mengalah ke Timur" untuk membelajar dengan jayanya ethika kerja orang-orang Jepun.

Kita mestilah "Mengalah ke Dalam" (Look Inwards), Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan syarat-syarat pra yang perlu ke arah pencapaian Pemuafakatan Kebangsaan yang boleh menggembeling dan mengeratkan tenaga-tenaga nasional ke arah matlamat bersama untuk membina sebuah negara Malaysia yang bersatu-padu, adil dan saksama.

Kaum Cina dan India kerap kali telah dituduh sebagai "anti-nasional" kerana ingin memelihara tradisi-tradisi kebudayaan mereka di Malaysia. Tetapi apa yang mereka mahukan adalah bersesuaian dengan matlamat-matlamat Rukunegara untuk "menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai "cara". Mereka yang cuba menafikan

kebudayaan Cina dan India tempat yang sewajarnya dalam landscape kebudayaan Malaysia ialah yang merupakan orang-orang "anti-nasional" kerana cuba memusnahkan asas kemajmukan Malaysia.

Saya ingin menegaskan kepada pimpinan 2M dan juga pemimpin-pemimpin UMNO yang lain supaya memberi contoh tauladan yang baik dengan bersikap sensitif akan kesensitiviti kebudayaan kaum-kaum lain seperti juga kaum-kaum bukan Melayu harus bersikap akan kesensitiviti kebudayaan orang Melayu.

Kerajaan 2M telah gagal berbuat demikian baru-baru ini dalam kontroversi yang timbulkan pelaksanaan sistem 3M di sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil kerana bahasa, pelajaran dan kebudayaan mempunyai hubungan sesama yang erat.

Malah, isu pelaksanaan 3M di 62 buah sekolah rendah Cina dan 29 buah sekolah rendah Tamil yang dipilih khususnya untuk pelaksanaan sistem tersebut merupakan ujian pertama besar bagi pimpinan 2M tentang sama ada Kerajaan Barisan Nasional benar-benar jujur dalam menghormati hak-hak Perlembagaan rakyat Malaysia berkait dengan pelajaran ibunda di negara ini.

Tiada seorang pun yang tidak akan bersetuju dengan idea bahawa setiap sistem pelajaran harus berupaya mengajar ketiga-tiga kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira; tetapi kehebohan yang dibuat tentang perlunya sistem 3M di sekolah-sekolah kita selepas 24 tahun terbentuknya sistem pelajaran kita merupakan "reflection" yang serius terhadap kegagalan sistem pelajaran dan sekolah-sekolah kita dalam mencapai matlamat-matlamatnya.

Sistem 3M boleh dipertikaikan dari segi pelajaran sama ada ia merupakan satu sistem pelajaran yang lebih baik dari sistem yang wujud sekarang. Apabila pemimpin-pemimpin parti saya menemui Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran termasuk Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Murad, saya telah diberitahu mereka bahawa walaupun sistem 3M mungkin akan

merupakan sistem lebih baik atas kertas atau teori, dari segi teori ia mungkin akan membuktikan sebaliknya apabila diamalkan.

Rakan-rakan seperjuangan saya dan saya sendiri juga telah memberitahu Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran bahawa beberapa faktor yang perlu untuk menjayakan sistem tersebut tidak didapati: iaitu kelas-kelas yang ada sekarang adalah terlalu "over-sized" dengan mempunyai 40 dan kadangkala lebih 50 murid terutama sekali di sekolah-sekolah rendah Cina sedangkan saiz kelas yang ideal untuk sistem 3M yang menitikberatkan pengajaran dengan cara "playway", untuk membolehkan setiap murid-murid belajar mengikut keupayaan masing-masing ialah lebih kurang 20 hingga 25. Jika saiz kelas yang ideal tidak wujud, guru-guru tidak akan dapat memberi perhatian individu kepada murid-murid berkenaan.

Lanjutnya, dengan tidak adanya buku-buku teks bagi murid-murid, seluruh beban untuk menentukan murid-murid menguasai kemahiran-kemahiran asas adalah bergantung kepada guru-guru semata-mata. Apakah guru-guru di negara ini telah dilatih dan di "motivated" dengan secukup-cukupnya untuk memikul tanggungjawab yang besar ini?

Dengan penghapusan buku-buku teks, ibu bapa-ibu bapa tidak dapat membantu dan membimbing anak-anak mereka di rumah dan input di rumah sekarang tidak ada. Besar kemungkinan sistem 3M akan terbukti sebagai sistem yang tidak sesuai kerana kurang persiapan dan ketiadaan syarat-syarat yang perlu untuk menjayakan pengajaran dengan cara "playway".

Saya difahamkan bahawa lebih kurang tujuh atau lapan tahun yang lalu seorang pegawai Kementerian Pelajaran dari Kerajaan Singapura yang sekembalinya dari United Kingdom penuh dengan idea keagungan enthusiasm mengenai kelebihan sistem playway ini, atau 3M yang kita sekarang laksanakan. Akibatnya, lebih kurang 15 buah sekolah rendah telah dipilih bagi dua tahun projek percubaan. Selepas dua tahun tersebut, projek percubaan itu telah

dibatalkan dan pegawai Kementerian Pelajaran Singapura tersebut telah kehilangan kehormatannya dan merasa malu.

Saya tidak mengatakan bahawa apa yang tidak sesuai untuk Singapura tidak boleh sesuai untuk Malaysia, tetapi untuk utarakan bahawa tidak ada sebab untuk menerima sikap bahawa tanpa mengira keadaan dan kedudukan persediaan, sistem 3M yang boleh memberi manfaat kepada pelajar-pelajar kita.

Sepatutnya diadakan tempoh percubaan selama tiga atau empat tahun di mana pelajar-pelajar yang dipilih bagi instruction 3M boleh mencuba cara tersebut, dan di mana guru-guru, ibu bapa dan orang ramai boleh melihat dan juga membandingi keputusan sistem tersebut dengan sistem yang ada sekarang.

Sekiranya sistem 3M tersebut terbukti lebih baik di mana anak-anak boleh membaca, menulis dan mengira dengan lebih baik, walaupun Kerajaan tidak mahu memperluaskan sistem 3M tersebut ke sekolah-sekolah lain, saya pasti ibu bapa akan menuntut sistem tersebut diperluaskan.

Pendekatan yang berhati-hati ini akan mempunyai dalam bahasa Inggeris, "the virtue of not completely burning our bridges" Tuan Yang di-Pertua, sekiranya sistem 3M, oleh kerana sesuatu sebab terbukti tidak sesuai, Pendekatan yang berhati-hati sedemikian adalah diperlukan apabila kita menimbangkan bahawa Pusat Pembangunan Kurikulum masih belum membuat persediaan bagi tahun II hingga ke tahun VI di bawah sistem 3M.

Pusat Pembangunan Kurikulum hanya berjalan di atas asas selangkah ke selangkah, di mana sepatutnya ia dibimbing dengan satu plan lengkap pengajaran 3M yang menyeluruh.

Tetapi bagi sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil, persoalan sama ada sistem 3M akan membolehkan anak-anak kami membaca, menulis dan mengira dengan lebih baik telah diselubungi, overwhelm, overshadow dengan masalah yang lebih besar iaitu sama ada character atau ciri-ciri pelajaran bahasa ibunda akan terhakis dan dipinda.

Tidak ragu-ragu lagi bahawa dari pengumuman Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengenai perlaksanaan sistem 3M di dalam sekolah-sekolah Cina dan Tamil, yang mana beliau dan lain-lain pegawai Kementerian Pelajaran mempertahankan di dalam mesyuarat dengan satu delegasi DAP pada 7hb. Januari, ciri-ciri sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil akan mula bertukar tanpa sebarang pertukaran di dalam bahasa pengantar dan tanpa menggunakan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961.

Ini adalah kerana perlaksanaan 3M di dalam sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil meliputi:

- (i) Tidak menggunakan Bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa-bahsa operatif untuk tujuan menulis buku teks asas dan buku-buku panduan dan manual pelajaran bagi guru-guru dan pelajar-pelajar.
- (ii) Pengenaan syarat bahawa 50% dari lagu-lagu yang hendak dinyanyi hendaklah terdiri dari lagu-lagu Melayu sementara baki 50% lagi merupakan lagu-lagu Melayu kecuali dua atau tiga lagu-lagu barat.
- (iii) Layanan sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil hanya sebagai versi terjemahan sekolah-sekolah rendah kebangsaan.

Perkara pemeliharaan sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil telah sekian lama menjadi satu perkara asasi dan sensitif di Malaysia bagi kaum Cina dan Tamil kerana ianya adalah ujian litmus (litmus test) tentang jenis pembinaan negara yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan, sama ada ianya satu dasar integrasi di mana kesedaran dan identiti diwujudkan dari pelbagai kaum, budaya, bahasa dan agama di dalam negara ini dengan setiap mereka ini memainkan peranan yang distinctive untuk memperkayakan product intergrasi yang mutlak atau ianya akan menjadi satu dasar assimilasi di mana kesedaran dan identiti Malaysia diwujudkan dengan pelbagai kebudayaan, nilai dan adat di dalam negara ini dengan seluruhnya mengikuti model induk.

Inilah sebabnya masyarakat Cina telah berkali-kali menuntut agar dimansuhkan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran, 1961 yang memberikan Menteri Pelajaran kuasa untuk menukar sekolah-sekolah rendah Cina kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan. Inilah sebabnya masyarakat Cina menentang perakuan di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mahathir yang menganggap bahawa lanjutan sistem sekolah Cina dan Tamil yang ada sekarang sebagai "sementara" bukannya sebagai sebahagian tetap dari sistem pelajaran kebangsaan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23hb Januari tadi, saya ada peluang membaca jawapannya sungguhpun saya tidak ada di sini sepenuh masa beliau menjawab, ada berkata bahawa Fasal 21 (2) Akta Pelajaran, 1961 tidak boleh dikaitkan dengan isu 3M oleh kerana Fasal 21 (2) hanyalah membolehkan Fasal ini digunakan oleh Kerajaan untuk menukarkan mana-mana sekolah rendah jenis kebangsaan kepada sekolah rendah kebangsaan jika diminta oleh sekolah yang tertentu sahaja. Beliau menyatakan sejak Merdeka, hanya terdapat satu kes sahaja yang melibatkan sebuah sekolah Tamil di Kelantan yang didapati sukar untuk mendapatkan pelajarnya. Ini bukanlah sebenarnya satu kebenaran sejarah kerana sekolah-sekolah rendah Inggeris telah ditukar secara "wholesale", bukannya kerana permintaan sekolah-sekolah tersebut atau ibu bapa, tetapi adalah satu perkara dasar Kerajaan. Janganlah kita melarikan diri dari kebenaran kenyataan bahawa sejak 1960an dan 1970an, terdapat mereka yang mempunyai kedudukan politik yang tinggi yang menghendaki hanya satu jenis sekolah rendah kebangsaan dan menutup semua sekolah-sekolah Cina dan Tamil dengan menggunakan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961.

Hanya baru dua tahun yang lalu, Ketua Pemuda UMNO dan sekarang Timbalan Menteri Pelajaran, telah mencipta rekod dengan menuntut perlaksanaan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran, 1961. Fasal 21 (2) Akta Pelajaran, 1961 oleh itu bukanlah hanya "Fasal yang membolehkan" sahaja, untuk digunakan hanya apabila diminta oleh sekolah yang berkenaan atau masyarakat yang

berkenaan, tetapi adalah satu cek tidak bertulis atau satu "blank cheque" untuk digunakan pada bila-bila masa sahaja oleh pemimpin politik pada masa itu jika difikirkannya sesuai. Bukankah ini sebabnya kenapa Laporan Pelajaran Mahathir merujukkan kepada status sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil sebagai "sementara" dan bukannya "tetap".

Kami di dalam DAP sentiasa berwaspada sejak tahun 1960an akan percubaan untuk menggunakan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran, 1961. Apabila saya berucap di dalam Dewan ini sepuluh tahun yang lalu, pada 10hb Januari, 1972 mengenai kecemasan dan kebimbangan masyarakat Cina terhadap lanjutan wujudnya sekolah-sekolah rendah Cina, Yang Berhormat Menteri Pelajaran di waktu itu tidak pun memberikan jaminan yang ketegorikan bahawa Kerajaan tidak akan menukar sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil menjadi sekolah-sekolah rendah kebangsaan. Sebaliknya, kami diberitahu bahawa ini adalah satu persoalan yang tidak akan perlu diputuskan di dalam dua atau tiga tahun lagi.

Satu tahun kemudian, pada 16hb Julai, 1973, di dalam jawapan kepada soalan DAP di Parlimen, Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran di waktu itu memberitahu bahawa persoalan sama ada Kerajaan akan menukar semua sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan kepada sekolah rendah kebangsaan menjelang tahun 1975 atau selepasnya masih belum diputuskan lagi. Sekali lagi di dalam perbahasan Titah Diraja pada 16hb April, 1974, merujuk kepada satu jaminan Kerajaan bahawa tidak ada niat Kerajaan untuk menukar sekolah-sekolah rendah Cina menjelang tahun 1975; saya telah berkata, dengan izin satu paragraph: "the people at large do not want Chinese and Tamil primary schools only to be allowed to exist until 1975, which means merely for the next 21 months or for another 720 days,.....but to grow and expand for so long as Malaysians want their children to be educated through the medium of their mother tongue."

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai sebarang keraguan menyatakan bahawa sekiranya DAP telah dihancurkan di

dalam pilihanraya umum tahun 1974, yang mana niat Barisan Nasional dengan strategi serampang tiga mata iaitu dengan “masa disenfranchisement” pengundi-pengundi di kawasan Pembangkang, mengubah kawasan pilihanraya untuk meletakkan pihak Pembangkang dalam status yang tidak favourable, dan eksplorasi terhadap rundingan antara Tun Razak dengan Pengerusi Mao Tse Tung di Peking, tekanan terhadap perlaksanaan bagi Fasal 21(2) Akta Pelajaran, 1961 mungkin tidak dapat ditahan-tahan lagi. Bahawa sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil masih wujud hingga hari ini, dan Fasal 21(2) Akta Pelajaran, 1961 masih tidak dikuatkuasakan adalah disebabkan kemampuan DAP menghadapi serangan Barisan Nasional di dalam pilihanraya besar tahun 1974.

Sepatutnya selepas sesuku abad usia kemerdekaan negara ini dan pengalamannya, Kerajaan yang committed terhadap pembinaan sebuah Malaysia yang harmoni berbilang bangsa dan bersatu padu, sepantutnya sudah faham sepenuhnya terhadap sensitiviti-sensitiviti dan aspirasi rakyat Cina Malaysian mengenai pemeliharaan sekolah-sekolah rendah Cina dan akan berusaha sedaya upaya untuk tidak menyinggong sensitiviti mereka atas perkara ini.

Namun sensitiviti dan aspirasi yang sah masyarakat Cina Malaysia bersabit dengan sekolah-sekolah rendah Cina sentiasa tidak diindahkan. Paling baru sekali adalah perlaksanaan 3M, hanya boleh bererti salah satu dari dua perkara: bahawa mereka yang diamanahkan dengan pemerintahan negara ini masih tidak sedar terhadap sensitiviti-sensitiviti dan aspirasi ini, atau mereka menolak sensitiviti dan aspirasi yang sah ini.

Yang Pertama bererti bahawa kita mempunyai pemimpin-pemimpin yang tidak belajar, atau tidak mahu belajar daripada pengalaman sesuku abad Malaysia yang telah menjadi satu bangsa. Apa yang lebih parah, ia juga bererti bahawa mereka tidak bersedia untuk mendengar, kerana sejak 9hb April, 1981 saya telah membawa kepada perhatian Kerajaan di Dewan ini mengenai perasaan bimbang di kalangan golongan pelajaran Cina bahawa cadangan perlaksanaan 3 M akan

membawa kepada perubahan di dalam ciri-ciri sekolah-sekolah rendah Cina.

Saya telah menyeru Kementerian Pelajaran supaya mengadakan satu persidangan dengan pegawai-pegawai dari Tung Chung dan Chiau Chung dan melibatkan mereka di dalam setiap langkah proses 3M, daripada penggubalan dan hinggalah kepada perlaksanaan. Kementerian Pelajaran sepatutnya memberikan pengiktirafan kepada kedua-dua badan ini iaitu Tung Chung dan Chian Chung oleh kerana kedua-dua badan ini dalam negara ini berkelayakan kerana komposisi dan perwakilannya adalah authoritatively mewakili kepentingan pelajaran Cina di dalam negara ini, dan memberikan kedua-dua badan ini status perunding rasmi Kerajaan di mana Kerajaan berunding dengan mereka sebelum mengambil sebarang langkah, tindakan atau dasar yang melibatkan sekolah-sekolah Cina.

Jauh daripada memasukkan kerjasama kedua-dua badan ini atas perkara yang berhubung dengan pelajaran Cina, Kementerian Pelajaran telah memberikan layanan buruk seolah-olah badan ini seperti “outlaw”, dengan wakil-wakil mereka ditolak di luar pejabat Kementerian Pelajaran walaupun mereka dibawa ke situ oleh pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional. Tetapi kalau kesimpulan ialah kedua bahawa mereka yang bertanggungjawab, pemerintah, menolak sensitiviti dan aspirasi yang sah ini saya rasa ini sangat dahsyat oleh kerana ini bererti bahawa sikap ini sama dengan menolak Malaysia sebagai sebuah masyarakat berbilang bangsa, berbilang bahasa dan berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, sebaik sahaja beliau menjadi Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membatakan pengharaman ke atas buku “The Malay Dilemma” dan Yang Amat Berhormat telah menggesa orang ramai membaca bukunya supaya dapat memahami pemikirannya.

Adalah natural untuk memandang tindakan-tindakan pentadbiran 2M itu dari segi perspektif falsafah politik asas Yang Amat Berhormat dalam bukunya, “The Malay Dilemma”, seperti yang tergaris dalam

perkataan buku tersebut mengandungi argument Yang Amat Berhormat bahawa (Dengan izin): "The Malays are the rightful owners of Malaya, the immigrants are guests until properly absorbed" dan juga "immigrants are not truly absorbed until they have abandoned the language and culture of their past".

Dan mengenai perkara pelajaran dalam muka surat 143, adalah dinyatakan satu perenggan— "The language medium is of extreme importance in creating a feeling of oneness, and so the medium of instruction is always that of the definitive race....But language is not the only important aspect of a national education policy. The whole curriculum is important. The teaching of history, geography, and literature are all designed to propagate one idea: that the country belongs to the definitive people, and to belong to the country, and to claim it, entails identification with the definitive people. This identification is all pervading and leaves no room for identification with other countries and cultures. To be identified with the definitive people is to accept their history, their geography, their literature, their language and their culture, and to reject anything else."

Tuan Yang di-Pertua, adalah significant untuk memerhatikan bahawa dalam edisi Cina buku "The Malay Dilemma" itu, Yang Berhormat telah menulis suatu prakata bertajuk "Not a Second Thought" dan beliau telah minta orang ramai supaya menghakimkannya berasas kepada pandangan-pandangannya yang termuat dalam buku tersebut.

Sekiranya Malaysia adalah sebuah masyarakat yang terbuka dan demokratik, maka peluang hendaklah diberi kepada rakyat supaya mereka dapat menggesa Yang Amat Berhormat dan pentadbirannya haruslah diadakan "second thoughts" bukan sahaja dalam pandangan-pandangan yang termuat dalam buku "The Malay Dilemma" tetapi juga dalam berbagai-bagai dasar Kerajaan seperti perlaksanaan 3M di sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil.

Sungguh malangnya, Kerajaan 2M telah hampir-hampir mengharamkan mesyuarat-

mesyuarat awam atas perkara 3M. Bukan sahaja ia telah melarang dua mesyuarat berasingan yang dipanggil oleh pertubuhan-pertubuhan pelajaran di Kuala Lumpur dan Ipoh mengenai 3M tetapi Kerajaan juga telah mengenakan syarat dalam ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh DAP bahawa isu 3M tidak boleh disentuh.

Sekiranya pelaksanaan 3M di sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil tidak akan mengubah ciri sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil, maka, mengapakah Kerajaan takut terhadap perbincangan-perbincangan awam mengenai perkara ini, kerana perbincangan-perbincangan awam itu hanya akan boleh menunjukkan kekosongan atau tiada asas kritik-kritik terhadap 3M. Hanya apabila Kerajaan tidak ada apa-apa jawapan terhadap kes atau hujah-hujah kuat yang menentang 3M kerana akan menjelaskan ciri-ciri sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil, maka pengharaman seumpama itu diperlukan.

Saya mendapati bahawa percubaan yang dibuat oleh beberapa orang yang menyalahkan DAP kerana isu 3M itu sebagai yang bertanggungjawab atas isu 3M itu sendirilah distasteful. Pertama bukanlah DAP yang mencipta isu 3M. Sekiranya isu 3M memuncak ke tahap seperti sekarang, maka Kerajaan Barisan Nasional dan parti-parti komponennyalah yang harus bertanggungjawab atas ini kerana mereka tidak bersikap sensitif akan aspirasi-aspirasi sah rakyat berkait dengan perlaksanaan bahasa ibunda. DAP sebenarnya telah cuba "desensitise" isu 3M ini dengan mengemukakan solusi-solusi di mana 3M boleh dicuba dengan sokongan popular tanpa menyentuh sensitiviti-sensitiviti kaum Cina dan India. Apakah ini merupakan satu jenayah?

Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah berkata, bahawa beliau telah disalah-fahamkan, tetapi hingga hari ini walau-pun terdapat beberapa pengubhsuain dalam perlaksanaan 3M di sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil, kaum Cina dan Tamil masih tidak akan menerima kerana kesannya yang begitu dahsyat ke atas racter sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil.

DAP telah dituduh sebagai merangkapkan pemimpin-pemimpin MCA supaya mereka mengkritik 3M. Kita sangat gembira untuk mendapatkan bahawa kita mempunyai kuasa yang kita tahu kita ada, bahawa kita boleh memerangkap Timbalan Menteri Pelajaran mengutuk butir-butir 3M yang diumumkan oleh Menteri Pelajaran sebagai bertentangan dengan dasar pelajaran kebangsaan, bahawa 3M itu adalah kerja beberapa orang pelampau tertentu di Kementerian Pelajaran untuk sabotaj sekolah-sekolah rendah Cina; bahawa kita mempunyai kuasa untuk memerangkap Presiden MCA yang juga Menteri untuk berkata bahawa beliau, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri berasa hina dan di perkecil-kecilkan oleh pelaksanaan 3M di sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil dan jalan yang hanya terbuka bagi beliau dan MCA untuk menerangkan pendirian mereka ialah diassociatekan diri mereka dari 3M bahawa ini semua perangkap DAP. Kita tidak tahu bahawa kita ada kuasa itu.

Namun demikian, kami dalam DAP tidak minta maaf (apologetic) atas tentang berterusan kami terhadap pelaksanaan 3M di sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil.

Dari segala maklumat yang ada termasuk taklimat yang diberi kepada pemimpin-pemimpin DAP oleh Yang Berhormat Menteri dan jawapan tadi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta risalah-risalah Kerajaan, kita berasa yakin bahawa sistem 3M itu akan membawa ke arah perubahan jangka panjang dalam character sekolah tersebut, walaupun bahasa pengantar sekolah-sekolah tersebut tidak akan berubah.

Pelajaran bahasa ibunda tidak hanya bermakna mempelajari untuk membaca dan menulis bahasa ibunda berkenaan tetapi lebih penting lagi, untuk mengadakan "cultural roots" murid-murid berkenaan dengan menyemai dalam mereka nilai-nilai ethika dan tradisi-tradisi budaya kebudayaan mereka.

Ini dipelajari dengan cerita-cerita tentang tokoh-tokoh mithos dan sejarah dalam setiap kebudayaan dengan mempelajari hidup, pencapaian dan exploits pahlawan-pahlawan,

saints, martyrs ataupun kesilapan, jenayah, pengkhianatan yang dilakukan oleh orang-orang jahat dan pengkhianat-pengkhianat, untuk membezakan di antara baik dan buruk; murni dan tidak murni, bagaimana hendak menjadi seorang yang baik dan warganegara yang berguna di mana apa yang terbaik sekali dari pelbagai kebudayaan boleh digembangkan demi kemajuan negara.

Walaupun DAP telah dituduh cuba menggunakan isu 3M, saya dan saudara-saudara di dalam DAP mahukan lebih dari sesiapa juga untuk melihat pelajaran bahasa ibunda termaktub di dalam sistem pelajaran dan dihindarkan dari bahan konflik arena politik untuk selama-lamanya.

Inilah sebabnya kami sentiasa mencadangkan solusi untuk desensitize masalah pelajaran Cina secara umum, dan khasnya mengenai isu 3M.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebut pelajaran ibunda bukan sahaja pelajar boleh bercakap dan menulis satu bahasa tetapi yang lebih mustahak ialah mengadakan cultural-roots semacam di Amerika orang Negro selepas 200 tahun sudah hilang cultural-roots mereka oleh kerana slavery, oleh kerana dasar discrimination. Sekarang mereka mahu mencari roots mereka bukan oleh kerana mahu menolak kerakyatan mereka di Amerika, bukan oleh kerana mereka mahu menolak personality identification mereka dalam Amerika tetapi supaya mereka boleh dapat self dan cultural pride supaya mereka boleh memperkayakan sumbangan terhadap masa depan mereka. Semacam ini di negara kita, rakyat Malaysia yang keturunan Cina mahu mengekalkan cultural root mereka bukan oleh kerana mereka mahu menolak identiti mereka sebagai Malaysian tetapi supaya mereka boleh contribute lebih mengkayakan lagi product yang mutlak di Malaysia di mana semua ciri-ciri kebudayaan yang mengkayakan ada satu tempat. Dan bukan oleh kerana kita mahu isu ini diteruskan, kita mahu isu ini selesai dan desensitise dan sebab itu tidak satu cadangan di mana isu ini boleh diselesaikan dengan Kerajaan menerima cadangan oleh Tung Chung Chiao Chung, badan itu yang

menggambarkan pandangan masyarakat Cina dan empat cadangan ini ialah:-

- (1) Selain dari pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, semua bahan pelajaran dan pengajaran, termasuk rujukan, hendaklah ditulis dalam bahasa Cina, dan bukan satu terjemahan dalam apa bentuk sekalipun.
- (2) Selain daripada Bahasa Malaysia dan Inggeris, Bahasa Cina hendaklah menjadi Bahasa Penghantar dan peperiksaan bagi semua subject dan guru-guru yang tidak fasih di dalam Bahasa Cina janganlah dihantar ke sekolah-sekolah rendah Cina kecuali untuk mengajar Bahasa Malaysia dan Inggeris.
- (3) Di dalam sekolah-sekolah rendah Cina, humaniti, alam sekitar, pelajaran moral dan musik hendaklah menggambarkan ciri-ciri kebudayaan Cina.
- (4) Menambah waktu belajar bagi Bahasa Inggeris di dalam sekolah-sekolah rendah Cina.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat).

Sekiranya Kerajaan tidak boleh atau tidak bersedia untuk memenuhi Keempat-empat cadangan ini untuk membuat experiment 3M ini diterima sepenuhnya oleh masyarakat Cina. Kerajaan sepatutnya membatalkan perlaksanaan 3M di dalam semua sekolah-sekolah rendah Cina.

Kerajaan tidak sepatutnya menganggap ibubapa-ibubapa dari sekolah-sekolah rendah Cina Kajang dan Semenyih yang memulaukan kelas kerana menentang perlaksanaan 3M sebagai "pengacau" tetapi mereka adalah rakyat Malaysia yang setia yang terdesak untuk mencari jalan bagi melahirkan tentangan mereka kepada sistem 3M. Kerajaan seharusnya menerima pandangan rakyat legitimate ini, dengan pengertian di dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong "Kerajaan bukanlah tuan, tetapi adalah alat pentadbiran bagi berkhidmat kepada rakyat".

Kedua, menghapuskan kebimbangan kaum Cina mengenai Fasal 21(2) Akta Pelajaran 1961 yang memberikan kuasa tidak terhad

kepada Menteri Pelajaran untuk menukar sekolah-sekolah rendah Cina kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan. Kerajaan hendaklah memansuhkan Fasal 21(2) dengan serta-merta, atau memindanya, melucutkan kuasa Menteri Pelajaran yang tidak terhad itu dan sebaliknya menggantikan dengan keadaan tertentu di mana Menteri boleh menukar sekolah-sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan dengan permintaan khas dan sebulat suara dari kaum dan sekolah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila pimpinan 2M ambil alih pucuk pimpinan Kerajaan, tindakan mereka yang bertanggungjawab ada memberi harapan bahawa kita akan mendapat satu Kerajaan yang lebih terbuka, yang lebih accountable kepada rakyat. Tetapi malangnya sungguhpun satu tahun yang diminta oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum rakyat membuat suatu hukuman (judgement) mengenai rekod mereka; kita boleh dapat tanda-tanda tunjukan bahawa ada backsliding dalam harapan-harapan rakyat ini. Dan tadi saya ada sebut mengenai pengharaman terhadap mesyuarat-mesyuarat awam dan kritik-kritik terhadap 3M, satu contoh. Lagi satu contoh ialah satu tendency yang nampaknya yang lebih biasa untuk lebih kritik-kritik. Kalau bukan sebagai musuh negara tetapi untuk membantu musuh-musuh negara.

Saya sentuh perkara Mengkarak yang baru berlaku di mana ada satu kumpulan askar yang ada dalam Mengkarak pada 26hb. Februari, 1982 ada memukul penorih-penorih getah termasuk perempuan dan seorang budak yang berumur 13 tahun dengan senapang mereka serta menyuruh mereka tanggalkan baju mereka. Apabila saya menerima komplen tersebut, saya ada memanggil satu mesyuarat sidang akhbar dan ada menyeru Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri untuk siasat dan ambil tindakan yang sewajarnya supaya perkara-perkara di mana tidak ada tata tertib tentera tidak berlaku. Dan malangnya dua hari dulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada tuduh bahawa pihak kominis ada diberi satu "Kit Siang-sent issue" di mana untuk mendapat simpati rakyat dan di manapun isu ini akan mengakibatkan rakyat indifferent terhadap masalah-masalah

pengganas-pengganas. Saya tidak bersetuju dan saya pun sangat berasa kesal dengan percubaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menjadikan satu perkara Mengkarak sebagai satu perkara politik.

Yang pertama, saya perlu menegaskan di sini bahawa parti saya DAP mengutuk sekeras-kerasnya dan tanpa apa-apa reservation, kekerasan dan perjuangan bersenjata pihak komunis oleh kerana kami dalam DAP percaya bahawa kekerasan dan perjuangan bersenjata ini akan menjahamkan masyarakat dan kemajuan negara. Tetapi kita pun tidak condone, tidak disiplin, tidak tatatertib pihak askar oleh kerana kalau perkara-perkara semacam ini tidak dihakiskan kita akan sampai satu peringkat di mana rakyat jelata akan lebih takut askar-askar daripada menakutkan pihak komunis. Dan saya rasa bukan oleh kerana ada bongkar hal semacam ini, akan menjadikan indifferent kepada pengganas-pengganas tetapi apa yang akan menjadikan rakyat indifferent kepada pengganas-pengganas ialah kalau ada sikap Kerajaan indifferent kepada masalah ini atau satu sikap mahu tutup perkara semacam ini dan usaha untuk tutup (cover-up) perkara semacam ini boleh ada beberapa jenis.

Yang pertama, ialah untuk menyerang *bona fide* seseorang yang bangkitkan hal ini. Yang kedua, ialah untuk menuduh bahawa mereka yang menjadi mangsa pro-communist atau communist sympathisers. Ini sebenarnya yang telah berlaku.

Ketua Turus Tentera Darat, Jen. Tan Sri Zain Hashim dalam satu sidang akhbar di Mentakab, Jumaat lalu ada berkata bahawa di dalam pengalamannya selalu pihak-pihak komunis cuba menggunakan tektik-tektik yang berbeza untuk memaksa pihak tentera keluar daripada satu area operational dan tektik-tektik itu akan termasuk untuk timbulkan perkara semacam perkara Bentong tiga tahun dulu. Saya tidak tahu apa itu perkara Bentong. Tetapi apa yang sangat nyata ialah ada imputation, bahawa penoreh getah yang tersebut di Mentakab mungkinlah mereka ada komplot dengan komunis untuk timbulkan perkara ini supaya menjadi decoy.

Saya rasa itu satu imputation yang sangat tidak honourable, satu imputation yang tidak bertanggungjawab. Sebenarnya “adding insult to injury” di mana ada kumpulan yang kena pukul dan oleh kerana mereka kompleks lagi ada tuduhan bahawa mereka ada simpati dengan komunis sebab itu mereka kompleks. Saya rasa sikap ini akan melemahkan moral rakyat. Saya tidak mahu melemahkan atau menurunkan moral askar-askar. Itu bukan tugas saya tetapi saya rasa apa yang lebih mustahak daripada itu ialah janganlah kita turunkan moral rakyat atau kepercayaan kepada Kerajaan ataupun pihak-pihak tentera dimana apa yang berlaku semacam perkara Mengkarak tidak ada siasatan tetapi ada tuduhan-tuduhan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa bulan ini, saya ada menimbulkan beberapa perkara yang berkaitan dengan brutality oleh pihak polis terhadap orang ramai. Bukanlah saya seronok menimbulkan perkara semacam itu tetapi apa yang saya rasa sangat kesal ialah tidak ada apa-apa siasatan atau result yang memuaskan hati. Ada yang disiasat tetapi dalam kes-kes itu ada pengumuman dibuat bahawa tidak ada berasas dan lain-lain kes itu pula pengumumannya ada berasas oleh laporan-laporan pihak police personnel.

Saya tidak kata di sini bahawa di negara kita ini semua police personnel hari-hari ditemui lock-up, hari-hari disetiap lock-up, ada memukul orang ramai, tidak. Tetapi janganlah kita berpura-pura bahawa di negara kita setiap police personnel ialah seorang yang certified angel atau malaikat yang sah. Kita tahu ada berlaku police brutality dan tentulah kalau kita mahu mengeratkan perhubungan antara orang ramai dan pihak polis patutlah menujuhan satu badan yang bebas untuk menyiasat semua kompleks mengenai police brutality. Oleh kerana dalam sistem yang ada sekarang tuduhan-tuduhan ini ada disiasat oleh pihak polis dan tentulah instinct pihak polis ialah kalau boleh untuk tutup (cover-up), satu perkara yang berkaitan dengan fellow officer dan instinct pihak Kerajaan untuk cover-up, kita pun boleh lihat daripada reaksi yang pertama—yang awal Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan mengenai perkara Mengkarak di mana beliau berkata bahawa mungkin perkara itu dibuat

oleh pengganas-pengganas komunis, mereka pakai baju-baju askar untuk menghitamkan rekod komunis, untuk drive a wedge antara Kerajaan dan rakyat. Beliau tidak sedar bahawa ini ada kemungkinan, ini menunjukkan bahawa keadaan keselamatan di Mengkarak dalam negeri Pahang itu begitu tidak terkawal sehingga Kementerian ini boleh mengeluarkan kenyataan oleh seorang yang bertanggungjawab, oleh kerana saya rasa itu adalah tuduhan instinct untuk protect fikiran atas gambaran yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama lagi mungkin pilihanraya besar akan datang dan saya harap di bawah pimpinan 2M, apabila kita adakan satu pilihanraya besar, kita boleh mengadakan satu pilihanraya besar yang bererti lebih terbuka dan lebih demokratik di mana setiap rakyat boleh membuat satu pemilihan berasas kepada fikiran, berasas kepada perbincangan, berasas kepada fahaman, isu-isu terhadap negara kita. Sungguhpun pimpinan 2M pada awalnya ada memberi satu gambaran akan lebih terbuka, lebih demokratik bila dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin yang lalu tetapi nampaknya ada kemungkinan besar general election yang akan datang akan dilaksanakan dalam satu keadaan yang lebih tidak demokratik, yang lebih tidak bebas. Apa yang kita boleh lihat pengharaman terhadap rapat umum akan diteruskan dan bukan sahaja pengharaman kepada rapat umum akan diteruskan tetapi sekatan (control) terhadap sibaran am, suratkhabar akan lebih ketat apabila dibandingkan dengan tahun-tahun lepas khasnya apabila ia dapat bahawa lebih banyak suratkhabar sekarang sudah dibeli oleh parti-parti komponen dalam Barisan Nasional.

Bagi parti-parti Pembangkang pun akan lebih banyak halangan untuk mengeluarkan risalah-risalah atau majalah-majalah mereka semacam Parti Rakyat. Lidah Rasmi parti saya sampai sekarang tidak boleh diterbitkan dalam tahun 1982. Di masa lampau kita tidak boleh dapat KDN sehingga dua tiga bulan. Dalam tahun lepas kita sudah dapat KDN tetapi printer kita belum dapat membaharui lesnya dan tidak boleh print, ini pun sama majalah Roket itu tidak boleh dikeluarkan. Saya haraplah bahawa kalau kita mahu adakan election di mana isu-isu negara boleh

dikemukakan kepada rakyat dengan rapat umum, dengan free press, radio dan TV.

Di masa lampau parti-parti Pembangkang ada peluang menggunakan radio untuk mengemukakan platform-platform, dasar-dasar tetapi nampaknya mengikut pengumuman Timbalan Menteri Penerangan bahawa pada kali ini parti Pembangkang tidak akan diberi masa di radio dalam pilihanraya besar yang akan datang. Ini semua menunjukkan sungguhpun ada 2M leadership yang nampaknya lebih terbuka, lebih free, lebih demokratik tetapi control satu-satu perkara itu lebih ketat. Saya harap satu review bolehlah dibuat oleh pemimpin 2M oleh kerana satu pilihanraya besar bukanlah satu masa di mana rakyat pergi membuang undi lebih mustahak daripada proses membuang undi yang terhad. Sebenarnya peringkat yang terakhir ialah satu proses political education, satu proses di mana negara berfikir lebih dalam, lebih jauh masalah-masalah, isu-isu negara dan selepas itu baharulah membuang undi pada hari undi, bukannya semua ditutup, bukan semacam yang selalu dikatakan dan mungkin nanti akan disebut bahawa parti DAP tidak ada isu lagi, pimpinan 3M sudah take the wind out of the sail.

Pada masa lampau pun, Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin Kerajaan berkata bahawa DAP tidak ada isu, tetapi sekarang ada mengakui taken the wind out of the sail. Ini satu pengakuan bahawa di masa lampau ada wind in its sail. Sekarang cakap tidak ada wind lagi, bankrap, tidak ada isu. Kalau begitu, saya kata benarkan satu rapat umum dan tengok sama ada isu atau tidak. Bukan kita mahu isu 3M tetapi terima 4 cadangan Tung Chung Chiao Chung selesai, kita tidak payah isu 3M.

Di negara kita ada banyak isu dan perlu dikemukakan kepada rakyat dalam general elections untuk fikiran, pertimbangan sebelum hari undi mereka taruh undi. Mungkin pimpinan 2M rasa baharulah dengan cara ini tidak demokratik baharu boleh ada sebuah Kerajaan yang kuat yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam jamuan Bar Council, sebuah Kerajaan yang kuat, tetapi saya rasa apa perlunya dalam Malaysia sebuah Kerajaan

yang kuat oleh kerajaan ini sudah terlalu kuat, tetapi sebuah pembangkang yang lebih kuat untuk menjaga, memberi check dan control terhadap kerajaan ini. Itu saya rasa sangat pokok mengenai masalah demokrasi yang kita hadapi, masalah distribution of power.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kalau boleh saya mahu membuat satu petikan mengenai masalah absolute majority in Parliament yang ditulis oleh seorang yang terkemuka di negara kita 12 tahun dahulu. Satu paragraph, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam buku apa penerbitannya?

Tuan Lim Kit Siang: "The Malay Dilemma".

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Lim Kit siang: Terima kasih. 12 tahun dahulu seorang pengkritik ada tulis:

"Secure in its absolute majority in Parliament, it was openly contemptuous of criticism. Policies were made which completely ignored public opinion..... In the main, Parliamentary sittings were regarded as a pleasant formality which afforded members opportunities to be heard and quoted, but which would have absolutely no effect on the course of the Government. The general feeling was that whether or not Parliament sat, the Government would carry on. The sittings were a concession to a superfluous democratic practice. Its main value lay in the opportunity to flaunt Goverment strength. Off and on, this strength was used to change the Constitution. The manner, the frequency and the trivial reasons for altering the constitution reduced this supreme law of the nation to a useless scrap of paper."

Tuan Yang di-Pertua, diagnosis itu sangat betul mengenai majority Kerajaan dalam tahun 1960an, sekarang pun sangat tepat. Perbezaan ialah kritik masa itu sudah menjadi subject criticism sekarang dan saya berharap supaya keadaan semacam ini tidak berlaku bahawa satu pilihanraya besar yang bererti

diadakan supaya isu dikemuka dan rakyat boleh membuat satu pilihan yang bijaksana oleh kerana kalau tidak pilihanraya besar yang akan datang bukan sahaja tidak akan celebrate hak demokratik warganegara Malaysia tetapi akan lagi menjadi satu contoh di mana proses demokratik adalah dihinakan di mana tidak ada kebebasan berucap, tidak ada kebebasan kempen tetapi apa yang lebih mustahak ialah politik kewangan dan untuk menakut-nakutkan rakyat merampas hak-hak mereka untuk membuat satu pilihan yang bijak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Setapak.

5.53 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama untuk menyokong Titah Ucapan yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semalam. Bagi menyokong ini sukacitalah saya mengambil kesempatan mengulas serba sedikit pandangan-pandangan yang telah dikeluarkan dalam ucapan Ketua Parti Pembangkang.

Pada keseluruhannya ucapan Ketua Pembangkang seoalah-olah Kerajaan kita ini sentiasa bersikap tidak adil, seolah-olah Kerajaan kita ini sentiasa menekan sesuatu kaum dan seolah-olah undang-undang yang ada di dalam negara kita ini menjalankan dasar yang tidak demokratik. Di sini jelaslah, Tuan Yang di-Pertua, apa yang banyak anggapan yang wujud pada hari ini iaitu parti Pembangkang khasnya parti DAP ialah sentiasa dalam ketakutan di dalam saat-saat yang akhir ini oleh kerana banyak perkara-perkara yang telah diusahakan oleh pihak Kerajaan telah mendapat sambutan daripada orang ramai, jadi dengan tersendirinya pengaruh-pengaruh yang dikemukakan oleh parti DAP ini telah merosot sebab warganegara kita daripada sehari ke sehari telah mula mengenal kenyataan dan banyak perkara-perkara yang disebutkan dalam ucapan Yang Berhormat parti Pembangkang itu ialah tidak ada kenyataan.

Sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, masalah 3M iaitu ada 4 perkara yang dicadangkan dalam ucapan parti Pembangkang tadi jelas menggambarkan iaitu parti beliau sama ada tidak menyedari hakikat apa yang telah dipersetujui lebih awal lagi apabila negara ini diwujudkan untuk mencapai kemerdekaan sejak tahun 1956 iaitu dasar Kerajaan yang telah dipersetujui oleh semua kaum mengenai dasar pelajaran ini mengenai kedudukan teras kebudayaan negara ini sendiri yang berteraskan kepada Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Kebangsaan.

Kita semua sedia maklum juga iaitu pengumuman yang dibuat oleh pihak Kerajaan mengenai 3M ini bukanlah satu pengumuman dasar yang baru tetapi adalah pelaksanaan yang baru yang lebih menitikberatkan perpaduan semua kaum yang ada di dalam negara kita dan juga untuk meninggikan tahap pelajaran dan ilmu pengetahuan kepada anak-anak kita yang menjadi warganegara di dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat sedih berapa banyak sekalipun hujah-hujah dan penjelasan-penjelasan yang diberi oleh Kementerian Pelajaran dan tengahari tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun berucap panjang lebar menjelaskan satu persatu masalah 3M tetapi dalam ucapan Yang Berhormat Ketua Pembangkang masih lagi menafikan ataupun seolah-olah tidak mahu menerima ataupun tidak faham apakah kehendak 3M itu. Di sini jelas, Tuan Yang di-Pertua, yang bahawasanya parti Pembangkang ini sengaja mengungkit-ungkitkan masalah bahasa untuk menjadikan isu politik dalam pilihanraya ataupun di dalam manifesto parti beliau.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum negara kita yang berbilang kaum daripada satu masa ke satu masa kita mestilah mencapai matlamat untuk menyatupadukan negara kita dan untuk menyatupadukan ini pelajaran memainkan peranan yang paling penting bagi menguasai perpaduan, bagi menentukan perpaduan akan mencapai matlamat. Maka sebab itulah dalam perkara ini sukacitalah saya mencadangkan iaitu masalah 3M ini yang terus dijadikan isu politik

oleh pihak-pihak yang ingin menjadikan sebagai isu politik sebagai modal untuk mereka terus menetapkan, mewujudkan parti mereka masing-masing. Sukacitalah saya pihak Kerajaan mengambil pandangan yang serius dalam perkara ini supaya menjalankan satu kempen secara besar-besaran untuk mereka itu mengetahui setakat apa yang dibuat pada hari ini keluaran daripada Kementerian Pelajaran segala jenis pamphlets yang ada di tangan saya ini dalam Bahasa Tamil, dalam Bahasa Rumi, dalam Bahasa Cina dan dalam Bahasa Jawi saya rasa masih ramai tidak mencukupi sebab perkara ini barangkali tak sampai ke tangan orang-orang yang patut mengetahuinya, terutamanya sekali orang-orang di peringkat grass root, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan juga buku-buku seperti ini yang telah dicetak dan dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pelajaran perlu disampaikan kepada tiap-tiap ibubapa, terutama sekali ibubapa yang bukan orang Melayu memahami dan hendaklah ditulis dalam bahasa yang mereka sendiri faham, kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, ditakuti masalah 3M ini akan terus menjadi isu yang boleh memecahbelahkan perpaduan kaum yang kita sanjung tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, juga kita semua sedia maklum pihak parti Pembangkang selalu mengalun-alunkan, mengata-ngatakan seolah-olah pembangunan di dalam negara ini tidak dapat dinikmati oleh sesuatu kaum yang tertentu. Kalau kita pandang daripada pembangunan, daripada segi kenyataan manakah banyak kawasan-kawasan yang membangun, manakah banyak kawasan-kawasan yang dapat menikmati segala kemudahan nikmat hidup, di dalam bandarkah ataupun di luar bandar. Siapa yang ramai tinggal di dalam bandar? Siapa yang masih ramai lagi tinggal di luar bandar? Dan pembangunan ini kalau dikaji dengan mengikut secara demokrasi adakah adil? Tentulah perkara ini kalau hendak dikaji daripada segi adil tentulah tidak adil sebab terlampau banyak sangat pembangunan diadakan di dalam bandar tetapi Kerajaan kita masih bersikap adil dan akan meneruskan perjuangan-perjuangan ini untuk semua kaum. Kenapa pembangunan seperti ini Parti Pembangkang tidak pernah membacakan ataupun mengungkit?

Saya sangat sedih sebab dalam slogan Parti DAP mengatakan parti ini untuk semua kaum tetapi diperslogan sahaja untuk semua kaum tetapi dalam ucapan-ucapan jelas Parti DAP ini memperjuangkan untuk satu kaum cara mendalam dan terus mendadak. Inilah yang kita takuti. Parti inilah juga yang bertanggungjawab, yang memecahbelahkan warganegara kita yang majmuk di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang selalu disebut yang menuduh seolah-olah Kerajaan kita tidak adil dan mengungkit-ungkit sekiranya ada berlaku kesalahan sedikit-sedikit yang berlaku dalam bidang pelaksanaan dan kesalahan ini terus dijadikan isu-isu politik pada tiap-tiap Parti Pembangkang. Inilah yang sedih. Maka perlu dalam perkara ini, di dalam Dewan yang mulia ini, saya meminta pihak Parti Pembangkang cara berterus terang cara berani tololnlah bandingkan sedikit keadaan negara kita ini dengan negara-negara yang berhampiran sama ada peraturan-peraturan dan sistem-sistem yang dijalankan oleh negara kita adakah melebihi ataupun kurang baik daripada tempat-tempat yang berhampiran dengan negara kita.

Saya tidak mahu seolah-olah Parti Pembangkang mengungkit-ungkit perkara-perkara tidak ada bandingan, iaitu mengungkit-ungkitkan tanpa bandingan ini adalah satu perkara yang tidak adil daripada segi Parti Pembangkang itu sendiri sebab sebuah parti yang mengakui yang kita hendak mewujudkan perpaduan perlu kita menghadapi kenyataan yang sebenar. Tetapi keseluruhannya apa yang ditakuti sekarang ini iaitu seperti yang diterangkan oleh pihak Parti Pembangkang tadi menuduh Kerajaan sekarang di bawah 2M seolah-olah tidak demokratik dan menuduh pula mengadakan sekatan terhadap sibaran am.

Dalam perkara ini pihak Parti Pembangkang terlupa kalaularah pihak Kerajaan mengadakan sekatan terhadap sibaran am ini isu yang berbangkit, masalah 2M ini yang menjadi political issue yang diceduk oleh Parti Pembangkang adalah kerja kebebasan terhadap sibaran am sehingga sibaran am telah berjaya, ada di antaranya

memutarbelitkan isu masalah 3M ini sehingga menuduh seolah-olah Kerajaan hendak menukar corak ataupun mengambilalih bahasa Cina. Inilah puncanya. Jadi, perkara ini Parti Pembangkang ini jelas sengaja hendak menekan, menuduh dan mengambil kesempatan. Maka sebab itulah saya di dalam Dewan yang mulia ini mengambil kesempatan mengkondem, kondem terus Parti Pembangkang yang sentiasa hendak memecahbelahkan rakyat yang majmuk di dalam negara kita

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dalam Ucapan Duli Yang Maha Mulia mengenai rancangan-racangan pihak Kerajaan pada masa yang akan datang, saya sangat tertarik hati satu rangkap ucapan yang mengandungi untuk pembinaan pekan-pekan baru di dalam negara kita. Dalam perkara ini sukalah saya menarik perhatian Kerajaan Pusat mengenai terutamanya sekali kedudukan tanah-tanah asal ataupun tanah-tanah reserve untuk orang-orang Melayu yang ada di dalam bandar khasnya di dalam Wilayah Persekutuan dan amnya dan seluruh negara ini. Saya memohon perkara ini kepada pihak Kerajaan mengadakan satu kajian yang teliti yang mana kita lihat tanah-tanah asal ataupun tanah-tanah reserve orang-orang Melayu yang ada di dalam bandar ini dalam keadaan sekarang kalau tidak diadakan undang-undang dari segi Kanun Tanah Negara, tanah-tanah ini tidak boleh dibangunkan cara ekonomik sebab geran ataupun titlenya masih lagi menggunakan title ataupun geran tanah itu sejak sebelum Perang Dunia Kedua yang mana tanah-tanah tersebut tidak ada sempadan untuk jalanraya dan tidak ada susunan yang teratur yang boleh tanah itu digunakan dalam bentuk pembangunan.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan ini tanah kepunyaan orang-orang Melayu dikatakan Malay reserve ada lebih-kurang hampir-hampir 2,000 ekar. Di kawasan Gombak sahaja mempunyai tanah reserve Melayu terletak di dalam Wilayah Persekutuan berjumlah 782 ekar dan tanah ini tidak boleh dibuat apa-apa sehingga bantuan untuk jalanraya pun tidak boleh diadakan ke kawasan tersebut kerana tidak ada peruntukan sempadan yang

boleh dibina jalanraya sebab tanah ini adalah asalnya tanah sawah padi zaman sebelum Perang Dunia Kedua. Pada hari ini tanah-tanah tersebut telah didiami oleh keluarga-keluarga mereka dan hak milik tanah ini pun berbentuk lebih kurang 5 ekar satu lot, 2 ekar, 3 ekar dan setinggi-tingginya 7 ekar; namanya hakmilik itu ialah telah diturunkan daripada anak dan cucu-cucu mereka dan tiap-tiap satu geran itu mempunyai sehingga ada di antaranya 40-50 orang di dalam satu-satu geran tersebut. Maka tanah ini terletak di tengah-tengah ataupun di dalam Dewan Bandaraya yang nilainya bolehlah dianggarkan sangat tinggi tetapi tidak boleh dibangunkan dan tidak boleh mendapat pinjaman dan tidak boleh diluluskan sebarang rancangan kerana tidak ada sesuatu orang yang bertanggungjawab yang boleh mengusahakan tanah tersebut untuk mendapatkan sebarang kemudahan kerana hakmiliknya terlampau ramai.

Memandangkan ini jelaslah apabila kita kaji daripada segi kedudukan ataupun data harta Orang Melayu di dalam Kuala Lumpur ini setakat hari ini hak miliknya cuma lebihkurang ada 7.8%. 7.8% ini boleh naik ataupun bertambah peratusnya sekiranya tanah-tanah ini dapat dibangunkan. Memandangkan perkara ini adalah satu perkara yang sulit yang berkehendakkan perubahan undang-undang, sukalah saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Wilayah Persekutuan menubuhkan satu jenis perbadanan, perbadanan pembangunan khas untuk menyelesaikan masalah tanah-tanah orang-orang Melayu yang bersepah-sepah yang ada di tengah-tengah bandar ataupun yang ada di sekeliling Bandaraya Kuala Lumpur ini supaya dapat dibangunkan.

Kalau perkara ini tidak berjalan ditakuti tanah itu sekarang keadaannya lebih buruk daripada kawasan-kawasan setinggan sebab kawasan-kawasan setinggan sekurang-kurangnya mereka dapat juga bantuan daripada segi dapat masuk api dan air tetapi tanah-tanah seperti ini sama ada percaya atau tidak, tidak sampai beberapa kilometer daripada tengah-tengah Dewan Bandaraya, tengah-tengah Kuala Lumpur masih lagi menggunakan pergi penduduk-penduduknya dan masih lagi menggunakan lampu tanpa elektrik kerana bekalan api dan air tidak dapat

memasuki tanah-tanah ini kerana tanah-tanah ini dikelilingi oleh tuan-tuan punya tanah dan tidak ada pun satu peruntukan tanah yang boleh dipasangkan elektrik ataupun yang boleh dimasukkan saluran air ke kawasan-kawasan tersebut. Jadi amatlah sedih sekiranya perkara ini tidak dilakukan dan saya takuti tuan-tuan punya tanah ini akan terus menderita walhal apabila mereka lihat dan bandingkan tidak beberapa batu daripada kawasan mereka ataupun tidak berapa ela daripada kawasan mereka tanah-tanah kepunyaan orang-orang lain terutamanya sekali tanah-tanah kepunyaan yang bukan bumiputra yang berharga tiap-tiap satu kaki harganya \$50, ada yang \$100, walhal tanah-tanah ini berhampiran, tidak sampai beberapa ratus ela, tidak bernilai sedikit pun. Maka perlulah saya memohon kepada pihak Kerajaan Pusat sama ada Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah atau Kementerian Wilayah Persekutuan mengadakan penyiasatan, satu badan yang khas supaya dapat membangunkan kawasan tersebut dan ini mestilah selaras dengan pelan induk yang sedang dalam rancangan ataupun yang hampir siap di dalam kawasan Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini amatlah penting kerana kedudukan orang-orang Melayu di Kuala Lumpur ini daripada sehari ke sehari sangatlah tertekan daripada segi tempat tinggal sebab tanah kepunyaan orang Melayu di Kuala Lumpur ini yang saya tahu yang besarnya terbahagi kepada tiga bahagian. Satu jenis tanah asal yang dikatakan Malay Reserve seperti di kawasan Gombak, Segambut dan juga di Sungai Pencala. Satu lagi tanah reserve orang Melayu tetapi masih lagi di bawah takrif atau istilah dalam bahasa Inggeris MAS (Malay Agricultural Settlement) iaitu kawasan Kampung Bharu, di tengah-tengah Dewan Bandaraya masih lagi tanah itu ditakrifkan sebagai Malay Agricultural Settlement dan kawasan itu luasnya lebih kurang 350 ekar maka sebab itulah kawasan Kampung Bharu ini terletak seolah-olah sebuah pulau di sekeliling pembangunan yang ada di Kuala Lumpur dan tanah ini susah untuk dibangunkan sebab tidak boleh dapat layanan yang perlu dan harga nilai tanah itu jatuh. Kawasan tanah jenis yang ketiga yang dimiliki oleh orang Melayu ialah melibatkan kawasan di

Damansara, separuhnya di Sungai Besi dan yang terbesar di kawasan Kepong dan kawasan Setapak iaitu di kawasan Kampung Datuk Keramat yang mana mereka ini dipindahkan pada tahun 1950an dahulu untuk sementara waktu yang dianggap sebagai kawasan kampung baru iaitu yang mempunyai had umur tanah yang tidak selaras. Ada lot yang diberi leasesnya 33 tahun, ada yang leasesnya 43 tahun ada yang leasesnya 60 tahun.

Tanah-tanah ini sekarang tidak dapat dibangunkan oleh anak-anak mereka, kerana had masa yang ada tinggal lagi 7 tahun, 9 tahun, 10 tahun atau 4 tahun dan perkara ini juga berbangkit kerana pembangunan tidak dapat dijalankan kerana Pengguna Tanah Wilayah Persekutuan tidak mahu memberi uniformiti mengeluarkan Q.T. atau lease yang baru kepada mereka sebab dasar sekarang ini menunggu iaitu setelah hampir setahun-dua tahun lagi lease itu hendak tamat, barulah tuan-tuan tanah itu boleh memohon untuk membaharui had umur ataupun lease itu. Ini juga, Tuan Yang di-Pertua, menghalang pembangunan di kawasan tanah kepunyaan orang Melayu yang ada di Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perkara ini tidak dibuat sesuatu dengan adanya keadaan inflasi ditakuti orang Melayu, tuanpunya tanah di dalam kawasan Kuala Lumpur akan terus tertinggal, maka sebab itulah saya menyeru, saya memohon sekali lagi mestilah diwujudkan satu sistem ataupun satu perbadanan bagi menolong menyelesaikan kedudukan meninggikan taraf hidup tuanpunya hak milik tanah orang-orang Melayu yang ada di Kuala Lumpur ini supaya menjadi ekonomikal. Apabila kami membuat kajian secara sepantas lalu kerugian yang dihadapi oleh orang-orang Melayu dalam setiap tahun di dalam Kuala Lumpur ini kerana tidak ada sistem yang saya sebutkan tadi berjumlah lebih kurang \$200-\$300 juta setahun, hasil-hasil yang boleh didapati daripada tanah-tanah mereka sekiranya ada pertukaran undang-undang untuk membangunkan tanah supaya kawasan yang beratus-ratus ekar itu dapat dibina pekan-pekan baru. Inilah satu perkara yang paling penting.

Perkara yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, masalah tempat tinggal dan masalah

tanah yang wujud di dalam kawasan Dewan Bandaraya ini juga iaitu tanah-tanah yang dimiliki oleh pihak swasta yang mana ramai di antara mereka telahpun diluluskan pembangunan di kawasan mereka tanpa mengikuti Dasar Ekonomi Baru iaitu pembahagian sebanyak 30% kepada bumiputra. Ini juga perlu dikaji dan perlu diambil tindakan.

Perkara yang akhir mengenai kedudukan tanah-tanah di sini ialah masalah tanah setinggan yang pada ketika ini sedang berleluasa. Tuan Yang di-Pertua, masalah setinggan ini pihak kami telah membuat kajian iaitu didapati apabila diambil daripada segi pelajaran, apabila keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima, Peperiksaan SRP dan juga SPM diumumkan, didapati 70% anak-anak Melayu yang gagal di dalam peperiksaan itu mereka ini adalah datangnya daripada setinggan-setinggan. Apabila diselidiki lebih mendalam lagi sebab-sebab mereka ini gagal ialah kerana mereka ini tempat tinggalnya tidak selesa dan tidak mempunyai satu cara yang mereka boleh hidup dengan sempurna dan daripada segi kesihatan pula ramai di antara anak-anak setinggan itu oleh sebab rumah mereka tidak mempunyai sanitation yang betul ramai yang menghidapi penyakit rabun mata dan kena penyakit cacing kerawit. Jadi kalau kita telah memahami keadaan seperti ini maka perlulah di dalam seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda untuk mengseimbangkan kedudukan kehidupan rakyat jelata ini perlulah diberi perhatian yang serius seumpama rancangan-rancangan yang tertentu perlu dijalankan, pembangunan untuk rumah-rumah pangsa perlulah dipercepatkan seperti hasrat Kerajaan hendak mengadakan cara turnkey perlulah dilaksanakan dengan segera bagi menempatkan mereka itu.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bukanlah satu perkara yang senang untuk dilaksanakan tetapi kalau Kerajaan yang berhampiran sebagai contohnya negara jiran kita negara Singapura boleh dengan secepat mungkin membangun sesuatu kawasan dengan cepat, apa salah pembangunan juga diadakan di dalam negara kita ini, kita mulakan dengan Kuala Lumpur ini dengan terus-menerus.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya sebutkan tadi banyak kaitannya dengan kedudukan keadaan masa hadapan negara kita dan juga keadaan sosial pembangunan dan masalah sosial yang dihadapi di dalam negara kita sendiri, daripada penyakit-penyakit masyarakat dan unsur-unsur yang sedang berleluasa. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda hendak mewujudkan satu agensi pusat mengawalkan masalah penyalahgunaan dadah. Pada ketika ini tidak dapat dinafikan iaitu banyak agensi-agensi Kerajaan telah terlibat dalam jangka kerja mereka untuk menolong membanteras penyalahgunaan dadah tetapi oleh sebab ketiadaan satu agensi pusat yang bertanggungjawab terus dalam perkara ini, jadi banyaklah rancangan yang dijalankan untuk menolong mengatasi penyalahgunaan dadah itu tidak dapat berjalan secara berkesan dan banyak yang dikatakan relapse ataupun diberi perubatan, mereka balik menjadi penagih dadah oleh sebab tiada satu rancangan yang tertentu bagi mengatasinya dan mengkaji masalah penagih yang telah diberi rawatan di pusat pemulihan. Setakat ini cuma PEMADAM secara sukarela telah menjalankan usaha-usaha ini tetapi yang paling perlu dijalankan, saya berharap dengan wujudnya satu agensi pusat ini dapatlah Kerajaan bertindak lebih mendalam dan terus akan memberikan kesan kepada negara kita.

Keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai penuh keyakinan di bawah kepimpinan 2M ini, walaupun parti DAP akan terus menuduh iaitu di bawah pemerintahan 2M ini akan lebih tidak demokratik, tetapi apa yang saya fikir parti DAP sekarang ini telah dapat melihat bahawa di bawah pimpinan 2M ini keadaan corak pemerintahan negara kita telah mula mewujudkan kesan yang akan memberi nikmat kepada rakyat jelata. Inilah yang DAP takut maka DAP lebih suka keadaan negara kita ini dalam keadaan kucarkacir supaya mereka mendapat kesempatan dan juga supaya dapat mereka menjadikan isu. Jadi apabila Kerajaan di bawah pimpinan 2M ini telah bergerak dengan tegas dan akan memberi kesan maka sebab itulah saya berkata DAP sekarang dalam keadaan ketakutan.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya saya meminta, berharap dan saya menyeru sekali lagi supaya apa yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia itu hendaklah juga merupakan satu manifesto Kerajaan yang akan dapat terus berjalan dengan berkesan dan dengan ini saya menyokong penuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sibu.

6.22 *ptg.*

Datuk Dr Wong Soon Kai (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan sepenuhnya kepada Usul ini dan juga mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan syukur dan menjunjung kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda yang sangat penting dan bermakna di Dewan yang mulia ini.

Perutusan Baginda hendaklah dijadikan prinsip panduan terhadap dasar dan perlaksanaan Kerajaan kita pada masa hadapan dan juga dijadikan satu punca inspirasi dan kekuatan dalam bidang politik, ekonomi, pelajaran dan sosial bagi semua warganegara Malaysia. Sesungguhnya perkara ini khasnya sangatlah penting hari ini kerana kita sekarang sedang menghadapi segala cabaran kemerosotan ekonomi, inflasi dan tekanan harga bahan-bahan utama di seluruh negara dan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin mengemukakan beberapa perkara dan pandangan mengenai aspek dasar-dasar dan perlaksanaan Kerajaan khasnya di negeri Sarawak dan kawasan pilihanraya saya iaitu Sibu.

Pertamanya mengenai pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran bolehlah dikatakan sebagai asas kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah negara, Kerajaan kita telahpun lama mengakui hal ini dan memberi perhatian yang berat ke atasnya. Sejumlah wang yang banyak telahpun diperuntukkan setiap tahun untuk bidang pelajaran, khasnya

kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Meskipun kebanyakan dari sekolah kita adalah sekolah Kerajaan, tetapi disebabkan latar belakang sejarah kita masih ada banyak lagi sekolah-sekolah bantuan Kerajaan. Di negeri Sarawak dari jumlah lebih 1,200 buah sekolah terdapat kira-kira 330 sekolah rendah bantuan Kerajaan dan 23 sekolah menengah bantuan Kerajaan. Kebanyakan sekolah-sekolah bantuan ini boleh mendapatkan 50% pemberian modal (capital grant) untuk membiayai projek-projek yang telah diluluskan seperti kerja pembaharuan, kerja pembangunan baru dan segala kemudahan baru dan sebagainya. Sementara sejumlah peratus kecilnya di kawasan-kawasan terpencil mendapatkan 75% modal pemberian itu. Pada asalnya semua sekolah ini telah didirikan secara sendirian, oleh itu maka sebagai satu peraturan peruntukan Kerajaan yang digunakan untuk membiayai sekolah-sekolah bantuan telahpun dibelanjakan dengan baik dan berfaedah, sebab Kerajaan terpaksa membelanjakan jumlah wang yang sangat kurang itu untuk mendapatkan hasil didikan yang baik. Pada amnya memanglah diakui bahawa kecekapan dan mutu atau standard sekolah-sekolah bantuan ini sangat baik kalaupun tidak lebih baik dari sekolah-sekolah Kerajaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sejumlah \$6.1 juta telah dibelanjakan sebagai pemberian modal kepada sekolah-sekolah bantuan di Sarawak dan sudahpun dirasai bahawa jumlah wang tersebut tidaklah mencukupi untuk keperluan sepenuhnya. Kebanyakan dari sekolah-sekolah ini telah dibina sebelum merdeka dan benar-benar memerlukan pembaharuan tambahan dan bangunan baru. Memanglah tidak harus hendak bergantung kepada pihak-pihak Lembaga Sekolah bantuan ini dan orang ramai supaya memikul beban kewangan sepenuhnya untuk memperbaiki, membesar dan membaharui sekolah-sekolah ini apabila

pihak Kerajaan memberikan ongkos yang secukupnya kepada semua sekolah-sekolah Kerajaan. Dukacitanya di Sarawak peruntukan untuk pemberian modal bagi sekolah-sekolah bantuan di bawah Rancangan Malaysia Keempat hanya sejumlah yang sedikit iaitu \$1 juta sahaja, meskipun Jabatan Pelajaran ada memohon sebanyak \$10 juta untuk tujuan tersebut. Sebenarnya jumlah wang \$1 juta ini memang tidak mencukupi untuk keperluan tahun 1981 apatah pula sehingga tahun 1985.

Perlu diterangkan di sini bahawa sekolah-sekolah bantuan Kerajaan merupakan hampir 1/3 semua sekolah-sekolah di Sarawak, padahal sekolah-sekolah rendah Kerajaan telah diberi peruntukan sebanyak \$37.441 juta dan sekolah-sekolah menengah Kerajaan pula sebanyak \$122.6 juta untuk Rancangan Malaysia Keempat menjadi jumlah semuanya \$160.041 juta, manakala sekolah-sekolah bantuan pula hanya diperuntukkan sebanyak \$1 juta. Peruntukan ini sangatlah tidak mencukupi. Oleh itu, maka saya mendesak pihak Kerajaan supaya membetulkan kekurangan ini dengan secepat mungkin dan sekurang-kurangnya diperuntukkan sejumlah \$10 juta pemberian modal kepada capital grant kepada sekolah-sekolah bantuan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman yang dibuatkan baru-baru ini mengenai perlaksanaan sistem 3M di sekolah-sekolah rendah telahpun menimbulkan keimbangan dan pertikaian di kalangan rakyat khasnya masyarakat Cina.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok. Mesyuarat ditangguhkan sehingga hari esok, Rabu, 10-3-1982 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.